



UNIVERSITI TEKNOLOGY MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ISHAK BIN
TUKIRIN ASKAR MELAYU DI BUMI SOMALIA**

**MOHAMMAD IZZAT BIN ZULKIFLI
(2016652356)**

**WAN NABILAH BINTI WAN ZAIN
(2016652368)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
(IM244)
UITM KEDAH**

SESI SEPTEMBER 2017 - JANUARI 2018

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	I
ABSTRAK	II - III
SENARAI SINGKATAN	IV
RALAT	V
PENGENALAN	1 – 2
BIODATA TOKOH	3
BIODATA PENEMUBUAL	4 – 5
TRANSKRIP TEMUBUAL	6 – 88
KAJIAN LITERATUR	89 – 91
SENARAI SOALAN	92 – 96
LOG TEMUBUAL	97 - 102
GLOSARI	103 - 104
INDEKS	105
DIARI PENYELIDIKAN	106 - 110
RUJUKAN	111
LAMPIRAN	112

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan rasa syukur kepada Illahi kerana dengan izin-Nya dapatlah kami menyiapkan tugas ini dengan sempurna dan lengkap dalam masa yang ditetapkan. Sememangnya projek ini memberi kami pengalaman baru dan usaha kami selama ini dirasakan berbaloi setelah melihat hasilnya walaupun terdapat beberapa rintangan dan halangan sebelum ini. Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Azree Bin Ahmad selaku Ketua Program yang juga merupakan pensyarah kami bagi subjek *Oral Documentation* (IMR 604) kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat sepanjang tempoh kami menyiapkan projek ini. Walaupun tugas yang diberikan ini amat mencabar keupayaan kami, namun berkat tunjuk ajar, dorongan dan nasihat yang diberikan oleh beliau dapatlah kami menyelesaikan tugas ini dan jasa beliau akan kami ingat dan dijadikan panduan. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Encik Ishak Bin Tukirin kerana sudi untuk ditemuramah bagi kami menyiapkan tugas ini. Kerjasama yang diberikan oleh Encik Ishak amatlah kami hargai dan akan kami kenang selamanya. Tanpa bantuan dan kesudian Encik Ishak untuk ditemuramah maka tidak mungkin tugas ini dapat dihasilkan dengan jayanya. Jutaan terima kasih diucapkan kerana sudi meluangkan masa dan menyambut baik kedatangan kami.

Seterusnya, tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan kami terutamanya dari Kelas KIM2445C dan KIM2445D yang banyak memberikan bantuan dan sokongan dalam usaha menyiapkan tugas ini. Ribuan terima-kasih diucapkan kepada rakan-rakan yang banyak berkongsi maklumat dan sama-sama berusaha menyiapkan tugas ini. Segala penat-lelah dan bantuan yang diberikan amatlah kami hargai. Tidak dilupakan juga kepada kedua ibu bapa tercinta yang memberi sokongan moral dan wang ringgit dalam menyelesaikan tugas ini. Sokongan yang mereka berikan secara tidak langsung dapat menaikkan semangat kami untuk terus berusaha menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Akhir kata, terima-kasih diucapkan kepada semua yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas jasa kalian. Semoga hasil tugas ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan yang berguna kepada generasi akan datang.

Sekian, terima-kasih. Wassalam.

ABSTRAK

Abstrak

Encik Ishak Bin Tukirin atau nombor tenteranya 1070194. Seorang bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia(ATM) yang berpangkat Pegawai Waran II sebelum bersara telah dipilih sebagai satu tokoh di dalam projek Sejarah Lisan (Oral History). Beliau berusia 49 tahun(2017) telah dilahirkan di Johor dan telah dibesarkan di Sabah. Beliau mempunyai seorang isteri dan tiga(3) orang cahaya mata. Pada tarikh 20 Julai 1986 beliau mula berkhidmat sebagai anggota tentera dan telah menamatkan karier beliau sebagai Pegawai Waran II sepanjang 25 tahun perkhidmatan beliau didalam bidang ketenteraan. Pelbagai pengalaman beliau yang dikongsikan ketika ditemu ramah. Unit pertama beliau adalah di unit 3 Rejimen Renjer Diraja. Beliau telah terpilih untuk menyertai Operasi Somalia ketika beliau masih mempunyai baki cutinya. Beliau berasal dari unit 3 Rejimen Renjer Diraja namun telah di tumpangkan ke dalam 7 Rejimen Renjer Diraja dan antara tujuh orang yang terpilih dari lima ratus orang yang layak. Beliau telah menyertai operasi di Somalia selama setahun dan mendapat elaun sebanayak seratus (100) dollar (mata wang) sebulan. Beliau juga berkongsi pengalaman semasa menyertai Operasi Gubir dan Operasi Gerik. Operasi Gubir adalah salah satu operasi dimana mereka menjejaki peninggalan pengganas-pengganas di tanah air kita antaranya komunis. Beberapa peringkat Operasi Gubir telah dilancarkan dan platoon Encik Ishak telah terpilih untuk menyertai operasi tersebut pada tahun 1988. Operasi Gerik adalah salah satu operasi dimana mereka mengawal sempadan Malaysia-Thailand. Walaupun tidak menemui apa-apa yang mencurigakan akan tetapi terdapat banyak peninggalan yang di tinggalkan oleh musuh itu antaranya booby trap(jerangkap samar), bekas-bekas tempat perkemahan, bahan-bahan makan serta bahan-bahan letupan. Antara pencapaian dan penganugerah yang beliau perolehi adalah pangkat pertama iaitu Lans Koperal selama 3 tahun dan selepas itu beliau mendapat pangkat Koperal selama 4 tahun. Seterusnya beliau mendapat pangkat sebagai Sarjan. Beliau memegang jawatan Sarjan hanya selama 2 tahun dan selepas itu beliau memegang jawatan Staf Sarjan selama 2 tahun. Akhir sekali beliau menjawat jawatan sebagai Pegawai Waran II sehingga bersara. Antara sumbangan yang beliau telah lakukan adalah "jiwa murni". "Jiwa murni" adalah satu tugas khas untuk membantu orang awam didalam kesusahan seperti membantu orang-orang miskin, dan memberi bantuan. Beliau turut memberi nasihat kepada generasi muda yang akan datang sekiranya ingin menyertai sebahagian daripada anggota tentera tunjang utama yang perlu ada adalah minat dan keduanya adalah kerajinan.

Kata kunci: Askar melayu di bumi Somalia, Encik Ishak bin Tukirin, ATM (Angkatan Tentera Malaysia), Sejarah Lisan (Oral History), Operasi Somalia, Operasi Gubir, Operasi Gerik, PBB (Persatuan Bangsa Bersatu)

**SENARAI
SINGKATAN**

SENARAI SINGKATAN NAMA

2 I/C	- Penolong Pegawai Memerintah
BI	- Bahasa Inggeris
CO	- Pegawai Pemerintah
KADAR	- Kursus Asas Darat Sukarela
KAGAT	- Kor Agama Angkatan Tentera
MP	- Menteri Pertahanan
OC	- Officer Commanding(Pegawai Memerintah)
PBB	- Perjanjian Bangsa-bangsa Bersatu
PW1	- Pegawai Waran I
PW2	- Pegawai Waran II
RM	- Ringgit Malaysia
RPG	- Rocket-propelled grenade
RSM	- Sarjan Mejar Rejimen
SMR	- Sarjan Mejar Rejimen
SRP	- Sijil Rendah Penilaian
SSJN	- Staf Sarjan
TV	- Televisyen
US	- United States
UiTM	- Universiti Teknologi Mara

RALAT

RALAT

Sepanjang menjalankan sesi temubual tersebut, kami dapati beberapa ralat yang berlaku iaitu

:

1. Bunyi mesin basuh
2. Bunyi kipas
3. Pelajar lain bermain ping pong
4. Percakapan pelajar lain
5. Bunyi motosikal

PENGENALAN

PENGENALAN

Encik Ishak bin Tukirin bekas pesara tentera pernah menjadi salah seorang anggota yang pernah menyertai misi ke amanan di Somalia. Pasukan tentera Malaysia menjadi salah satu negara pengaman di bawah panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Dari tahun 1960, Malaysia pernah pergi ke 35 buah negara seperti Congo, Lubnan, Sahara, Uganda dan Senegal dengan melibatkan sejumlah 29000 anggota polis serta tentera. Ini termasuklah menghantar pasukan Malaysian Battalion (MALBATT-1) ke Somalia dalam usaha menjaga keamanan negara tersebut. Mengenai peristiwa ini adalah Somalia sudah bergolak sejak merdeka. Somalia ni merupakan negara yang sentiasa bergolak dan selalu berlaku perang saudara sejak mendapat kemerdekaan pada 1960. Disebabkan Somalia ni ada terlalu banyak puak, mereka sentiasa berperang antara satu sama lain. Melalui perpecahan kumpulan ini, muncul pula gerakan kumpulan militian yang lebih kecil mendorong berlakunya perang saudara di Mogadishu yang mengakibatkan 20000 nyawa melayang. Perang saudara yang berlaku ni menyebabkan kemusnahan banyak kawasan pertanian dan menyebabkan bekalan makanan terputus. Saki-baki bekalan makanan yang ada telah disimpan oleh kumpulan militian untuk kegunaan sendiri. Ramai rakyat Somalia kebuluran dan mati. Situasi ini menyebabkan masyarakat antarabangsa bertindak untuk menyalurkan bantuan.

Lebih menyedihkan, 80% bantuan makanan yang disalurkan dirampas kumpulan pemberontak yang menggunakannya untuk pertukaran senjata api dengan negara lain. Disebabkan hal ini, lebih 300 ribu orang mati kebuluran dari tahun 1991 hingga 1992. Pada Ogos 1992, pasukan tentera pemerhati di bawah panji-panji PBB dihantar ke Somalia bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan dan operasi ini dinamakan *Operation Provide Relief* (UNOSOM-1). Mengenai tajuk ini PBB yang melihat situasi di Somalia semakin buruk meminta negara anggotanya untuk menghantar lebih bantuan dan ini dipersetujui oleh Amerika Syarikat (AS) dengan menghantar seramai 25 ribu orang tentera. Operasi ni dinamakan sebagai *Operation Restore Hope* yang bertujuan untuk memantau penghantaran bekalan makanan dengan selamat. Sebaik saja PBB mengambil alih operasi kemanusiaan pada Mac 1993, PBB membuat rancangan untuk membina kembali Somalia, memastikan rakyat Somalia mematuhi peraturan dan memilih kerajaan baru. Operasi ini dinamakan sebagai UNOSOM-2. PBB melihat keupayaan dan keberanian tentera Malaysia masa

pertempuran ketika operasi di Somalia ini. Perkara diatas merupakan sejarah and situasi mengenai operasi di Somalia dimana tokoh yang dipilih ini ada juga terlibat dalam operasi tersebut. Beliau juga berkongsi cerita dan pengalaman ketika menyertai operasi yang telah dipertanggungjawabkan unuk mennyelesaikan misi tersebut.

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Ishak Bin Tukirin

Tarikh Lahir : 29/01/1968 (50 tahun)

Tempat Lahir : Johor, dibesarkan di Sabah

Umur : 50 Tahun (2018)

Alamat :

No. Telefon :

Pekerjaan : Pesara Angkatan Tentera Malaysia

Nama isteri : Norizah Bte Jamaludin

BIODATA
PENEMUBUAL

BIOGRAFI PENEMUBUAL



Nama : Mohammad Izzat Bin Zulkifli

No. Matrik : 2016652356

Alamat :

No. Telefon :

Jurusan : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan
Perpustakaan

Fakulti : Fakulti Pengurusan Maklumat

Kampus : UiTM Sungai Petani

DOCUMENTASI LISAN IMR604
| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |



Nama : Wan Nabilah Binti Wan Zain

No. Matrik : 2016652368

Alamat : Lot 3591-1A, Jalan Gengat, Kampus Melayu Sabang 40150
Shah Alam, Selangor

No. Telefon : 011-3655082

Jurusan : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan
Perpustakaan

Fakulti : Fakulti Pengurusan Maklumat

Kampus : UiTM Sungai Petani

**TRANSKRIP
TEMUBUAL**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN,
PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II**

Berikut adalah singkatan nama didalam temubual :-

ENCIK : ISHAK BIN TUKIRIN

PELAJAR 1 : WAN NABILAH BINTI WAN ZAIN

PELAJAR 2 : MOHAMMAD IZZAT BIN ZULKIFLI

Pelajar 1 : Arr Assalamualaikum arr Encik, saya Wan Nabilah binti Wan Zain,

Pelajar 2 : Dan saya Mohammad Izzat bin Zulkifli, arr

Pelajar 1 : Kami dari UiTM Kedah

Pelajar 2 : Ha (mengiyakan)

Pelajar 1 : Ingin temubual Encik sebagai tokoh kamilah. Haa Boleh kita mulakan sekarang? (00:00:20)

Encik : Boleh-boleh.

Pelajar 1 : Okey boleh Encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Encik? (00:00:28)

Encik: Bismillahirrahmanirrahim, saya 1070194 Waran II Ishak bin Tukirin. Berasal daripada Johor. Dibesarkan di Sabah okey, sudah berkaw-berkahwin mempunyai tiga orang anak. **(00:00:48)**

(Pause)

Pelajar 2 : Boleh Encik ceritakan tentang mengenai isteri dan keluarga Encik?(00:00:58)

Encik: Ha okey. Saya dapat jodoh saya ni [ini] isteri saya berasal daripada Kedah haa. Pastu [selepas itu] sampai sekarang ni [ini] lah isteri saya ni [ini] bekerja takda [tidak ada] pun, berniaga ja [sahaja] lah kan. Anak-anak saya pun sudah besar-besar sekarang ni [ini], semua dah [sudah] masuk askar dah [sudah]. Alhamdulillah.
(00:01:18)

Pelajar 2 : Boleh kami tau [tahu] arr hobi Encik pada masa lapang?(00:01:22)

Encik: Okey, hobi saya ada tiga. Okey, mula sekali silat ,taekwondo, dan tinju.
(00:01:30)

Pelajar 1 : Oh okey. bagaimana Encik bahagikan masa dengan kerja sekarang dan keluarga?(00:01:39)

Encik: Okey, didalam angkatan tentera ni [ini] okey, kita kena pandai membezakan sebab askar ni [ini] telah di disiplinkan diri kita okey antara kerja dengan isteri kita jadi pertama sekali pada isteri kita jugalah kan. Tanggungjawab saya sebagai ketua okey dan tentera bidang tugas saya.
(00:02:03)

Pelajar 1 : Okey err boleh Encik ceritakan tentang latar belakang pendidikan Encik?(00:02:07)

Encik : Okey saya habis sekolah rendah ah saje [sahaja], SRP [Sijil Rendah Pelajaran] darjah enam okey 1985 saya habis. (Setelah tamat darjah enam [6] beliau

menyambung SRP, beliau telah menamatkan persekolahan pada tahun 1985)
(00:02:37)

Pelajar 1 : Ahh tentang pengalaman kerja, apakah pekerjaan pertama Encik?(00:02:31)

Encik : Oh sebelum, sebelum saya masuk tentera setahun, setahun saje [sahaja] saya kerja kelapa sawit ah bidang kelapa sawit ah koko ape [apa] semua tu [itu].**(00:02:41)**

Pelajar 1 : Ahh jawatan atau pangkat sebelum bersara? (00:02:47)

Encik : Pegawai Waran I ehh Pegawai Waran II. **(00:02:51)**

Pelajar 1 : Arr arr pengalaman kerja selain tentera? (00:02:56)

Encik : Tak [tidak] de [ada]

Pelajar 1: Tak [tidak] de [ada] eh?

Encik : Tak [tidak] de [ada]. **(00:02:58)**

Pelajar 2 : Okey eh, ah pengalaman Encik yang membuat, mendorong Encik untuk menjadi sebahagian daripada anggota tentera?(00:03:06)

Encik : Mula-mula saya nak [hendak] masuk askar tentera ni [ini] keewangan ah [lah]. Dulu, orang tua pun susah, masuk askar dapatlah gaji tujuh ratus lima puluh

[RM750], itu pun cukuplah bagi kat [dekat] orang tu [itu] tiga ratus [RM300] yang lebih tu [itu] kita makan. **(00:03:24)**

**Pelajar 1 : Arr bilakah tarikh Encik berkhidmat sebagai anggota tentera?
(00:03:30)**

Encik: Okey, saya mencuburi angkatan tren-tentera ni [ini] pada 20 Julai 1986.
(00:03:40)

[pause]

**Pelajar 2 : Arr berapa tahun Encik terlibat dalam bidang ketenteraan ni [ini]?
(00:03:49)**

Encik: Saya didalam angkatan tentera ni [ini] selama dua puluh lima [25] tahun arr (berfikir) batalion pertama saya adalah 3 Rejimen Renjer Diraja masa tu [itu] berpangkalan di Melaka selama tiga [3] tahun dan kami ditukar, tukar-tukar ke Sabah, Sabah Tawau dekat sana pun selama tiga [3] tahun dan seterusnya kat [dekat] Perlis ha Perlis lama. Perlis selama tujuh [7] tahun lepas tu [itu] batalion *moving* [bergerak] pulak [pula] pi [pergi] kat [dekat] Sarawak, *last* [akhir] sekali saya dekat [dekat] Kuala Lumpur.**(00:04:34)**

Pelajar 2 : Oh

**Pelajar 1 : Okey, arr sepanjang berkhidmat kat [dekat] mana Encik di tempatkan?
(00:04:41)**

(Pause)

Pelajar 2 : Di lokasi yang pertamalah, tempat tu [itu] macam- -

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

Encik : Ah lokasi pertama saya, okey lokasi pertama saya, saya dah [sudah] sebut tadi dah [sudah], kan? Melaka okey Sabah, Perlis, pastu [selepas itu] Kelantan *last* [akhir] sekali Sarawak. (00:05:03)

Pelajar 2 : Okey, sepanjang kat [dekat] tempat tu [itu] arr berapa bulan Encik berkhidmat? (00:05:07)

Encik : Okey, di-didalam satu unit ni [ini] infantri ni [ini] tak [tidak] lama dia lebih kurang dalam tiga [3] tahun. (00:05:15)

Pelajar 2 : Tiga [3] tahun?

Encik : Tiga [3] tahun, melainkan kalau kita duduk ni [ini] or-orang , macam contoh dia arr raja,

Pelajar 2 : Ha

Encik : Raja. Raja istiharkan kita dia nak [hendak] juga unit ni [ini]. Macam saya duduk kat [dekat] Perlis. (00:05:27)

Pelajar 2: Ha

Encik : Okey masa tu [itu] raja Perlis dia nak [hendak] 3 Renjer duduk kat [dekat] situ jadi kami duduk disana selama tujuh [7] tahun. (00:05:31)

Pelajar 2 : Oh

Pelajar 1 : Arr pangkat pertama Encik ketika menyertai anggota tentera? (00:05:39)

Encik : Okey, pangkat saya semas- - mula-mula sekali Lans Koperal, okey lepas tu [itu] Koperal, lepas Koperal, Sarjan, Staf Sarjan sampailah saya pencen, Pegawai Waran II. **(00:05:56)**

**Pelajar 2 : Arr masa Encik arr dapat pangkat pertama sebagai, Koperal?
(00:06:00)**

Encik : Koperal , Lans Koperal

Pelajar 2 : Lans Koperal?

Encik : Lans Koperal.

Pelajar 2 : Arr berapa tahun Encik jadi--?

Encik : Lans Koperal ni [ini], dia tengok daripada orang atasan.

Pelajar 2 : Ha

Encik : Nilai kita.

Pelajar 2 : Kita?

Encik : Okey contoh dia macam saya paling paling-paling tinggi pun dua [2] tahun tiga [3] tahun kita dah [sudah] pakai dah [sudah].

Pelajar 2 : Okey.

Encik : Okey, contoh Lans Koperal, okey daripada Lans Koperal tu [itu] pulak [pula] sama juga orang akan nilai kita dia, pegawai atasan kalau dia nak [hendak] bagi pakai kita dua [2] tahun, tiga [3] tahun kita pakai dah [sudah]. **(00:06:27)**

Pelajar 2 : Oh

Encik : Ha, melainkan kalau saya daripada Koperal nk pi [pergi] Sarjan dia lama masa saya dulu dia ar *service* [berkhidmat] sepuluh [10] tahun baru saya boleh pakai Sarjan ha Sarjan, Staf Sarjan cepat, daripada Staf Sarjan nk pi [pergi] Pegawai Waran tu [itu] lambat sikit. **(00:06:44)**

Pelajar 2 : Oh berapa tahun, masa?

Encik : Dua tahun, tiga tahun macam jelah tu [itu] lah.

Pelajar 2 : Oh okey.

Pelajar 1 : Apakah fungsi unit Encik? (00:06:51)

Encik : Okey un-unit saya sebagai ar batalion infantri okey, maksud saya tugas dia pi [pergi] kat [dekat] kawasan-kawasan contoh operasi, okey menjaga *border* [sempadan], okey ataupun ditugaskan dipantai-pantai, dan latihan. **(00:07:15)**

Pelajar 1 : Adakah sepanjang menyertai bidang ketenteraan ni [ini], Encik arr memperoleh banyak pengalaman? (00:07:23)

Encik : Arr itu memang betui [betul] lah, pengalaman ni [ini] memang banyaklah kan, masa saya duduk dalam-dalam 3 Renjer ni [ini] pun pengalaman banyak bagi diri saya, tentang disiplin saya kan, lepas tu [itu] mengajar saya kemahiran bag-daripada bidang ajar saya macam mana kan, duduk dalam hutan kita macam mana okey, di bandar kita hidup macam mana itu semua di ajar. **(00:07:49)**

Pelajar 2 : Arr boleh saya tahu tempat pertama Encik bertugas dalam bidang kententeraan ? (00:07:55)

Encik : Okey, tempat yang pertama sekali?

Pelajar 2 : Ha, yang tempat pertama.

Encik : Okey tempat pertama sekali saya di Melaka lah.

Pelajar 2 : Ha okey.

Encik : Okey di Melaka tugas saya kat [dekat] sana adalah Operasi Pantai dia panggil, sana Operasi Pantai kita menangkap okey pendarang-pendarang haram sebagai seperti Indonesia, Philippines depa-depa, depa [mereka] ni [ini] depa turun kat [dekat] laut.

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Ha sampai kat [dekat] pantai baru kita tangkap jadi kita akan serahkan dengan polis lah. (00:08:25)

Pelajar 2 : Masa selepas kat [dekat] Melaka encik ar pindah tugas ke tempat, negeri? (00:08:31)

Encik : Arr selepas tiga [3] tahun saya duduk Melaka saya di tukarkan bukan saya di tukarkan unit saya di tukarkan ke Sabah.

Pelajar 2 : Ke Sabah?

Encik : Ha (mengiyakan), masa tu [itu] saya duduk kat [dekat] Tawau, Sabah. Tawau, Kem Kukusan ha dekat sana, kalau dekat Sabah pulak [pula] operasi dia adalah Operasi Pulau jadi pulau ni [ini] kita kena mentadbir apabila pulau ni [ini] dia dekat dengan sempadan Thailand eh *no* [tidak] *no* [tidak] Philippines okey, apabila Philippines ni [ini] sebab kt Sabah ni [ini] dia terlampau banyak okey, orang Philippines ni [ini] jadi kita nak-nak [hendak] tangkap yang mana satu ni [ini] kan tak [tidak] tahu sebab Bajau sana sebab gang-gang Bajau ni [ini] dengan-dengan Philippines ni [ini] lebih kurang sama je (sahaja). (00:09:10)

Pelajar 2 : Ha

Encik : Ha hanya dia yang beza dia *IC* [kad pengenalan] je [sahaja] lah, mana yang *IC* [kad pengenalan] tak [tidak] de [ada] tu [itu] kita tangkap je [sahaja] lah, kita tangkap kita serah kat [dekat] polis, polis jalankan tugas.

Pelajar 2 : Oh okey

Encik : Ha kalau kat [dekat] Sabah lah. (00:09:21)

Pelajar 1 : Okey pengalaman paling manis Encik sepanjang menyertai anggota tentera? (00:09:28)

Encik : Okey, manis ni [ini] hihihhi (ketawa) boleh dikatakan manis ni [ini] memang banyaklah kan satu-satu dia manis ni [ini] kita boleh pi [pegi] merantau tempat orang.

Pelajar 2 : Ha

Encik : Itu [itu] lah manis dia kan, macam mana budaya orang, macam mana dia punya nak [hendak] buat, apa jadi, kita ni [ini] banyaklah kat [dekat] situ lah kan kita dah [sudah] dapat tahu dah [sudah], dalam tentera ni [ini] kita bergaul dengan kawan-kawan ramai, kan jadi tsk [berfikir] tak [tidak], macam kita lupa. (00:09:55)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Hmm

Pelajar 2 : Arr boleh cik, arr Encik ceritakan pengalaman paling pahit Encik tak [tidak] dapat lupakan ketika menyertai anggota tentera ni [ini]? (00:10:04)

Encik : Okey, pengalaman pahit yang saya alami semasa saya pergi ke pada tahun 1996 eh *no* [tidak] 1994, masa tu [itu] PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] okey, sana apabila saya sampai di sana saya telah dipilih okey, di dalam satu unit di tumpangkan ke dalam 7 Renjer saya terpilih daripada lima ratus orang [500] yang dipilih tujuh orang [7] aje [sahaja] termasuk dengan saya lah. **(00:10:29)**

Pelajar 2 : Ha

Encik : Lepas tu [itu], ha bergerak ke Somalia sampai (di) sana 18 jam daripada Malaysia nk pi [pergi] sana menaiki kapal terbang US [United States] tapi kita di pandu oleh *pilot* [pemandu kapal terbang] kita lah. Kita arr tapi *pilot* [pemandu kapal terbang] kita pun bukan dia yang bawak dia *just* [hanya] bagitahu [beritahu] laluan jalan dia lah itu antara dia dengan *pilot* [pemandu kapal terbang] lah haha (ketawa). **(00:10:51)**

Pelajar 2 : Haha

Encik: Ha tapi kita menggunakan masa tu [itu] kita gunakan US [United States] punya ha dia seribu [1000] orang boleh masuk dia punya kapal terbang dia memang besar sungguh. **(00:11:00)**

Pelajar 2 : Okey, arr mengenai dengan 7 Renjer boleh Encik ceritakan ar maksud 7 Renjer tu [itu] dia anggota unit yang macam mana? (00:11:08)

Encik : Okey 7 Renjer ni [ini] dia mekanice dulu dia sama macam unit saya dulu infantri juga tapi oleh kerana telah dia digubarkan ataupun dijadikan nak [hendak] kecik [kecil] kan arr unit jadi, 7 Renjer ni [ini] adalah 7 mekanice. Ha dia, untuk kereta kebal lah kalau apa-apa kenderaan nak menggunakan dia ataupun nak [hendak] *escort* [iringi] dia kita akan gunakan dia lah, kereta kebal dia. (00:11:32)

Pelajar 2 : Arr masa arr ni [ini] (7 Renjer) apa berapa, banyak anggota yang terlibat? (00:11:36)

Encik : Semasa yang kat [dekat] mana tu [itu]?

Pelajar 2 : Ar yang 7 Renjer tu [itu]?

Encik : Ar 7 Renjer yang terlibat melainkan orang sakit aje [sahaja]. (00:11:45)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Yang lain semua pi [pergi] yang sakit saje [sahaja] ade maksud saya ada kebajikan lah kan.(00:11:51)

Pelajar 2 : Ha

Encik : Isteri bersalin, nak [hendak] beranak ni [ini] kan ha tu [itu] dia tak [tidak] tak [tidak] ikut ah [lah] ha itu dia tumpangkan kami ikut dengan serta dengan dia tu [itu]. (00:12:00)

Pelajar 2 : Okey arr Encik ingat masa, arr berapa jumlah anggota yang pi [pergi]? (00:12:03)

Encik : Okey jumlah yang semasa saya pi [pergi] buat tumpangan dengan 7 Renjer tu [itu].

Pelajar 2 : Ha

Encik : Seribu (berfikir), seribu dua ratus [1200] orang kut saya rasa.

Pelajar 2 : Seribu dua ratus [1200]?

Encik : Hmm seribu dua ratus orang [1200].

**Pelajar 1 : Arr tugas yang paling mencabar sepanjang menjadi anggota tentera?
(00:12:24)**

Encik : Mencabarkan ni [ini] saya akan ceritakan semasa saya duduk Somalia lah
(00:12:30)

Pelajar 2 : Okey

Encik : Kalau dalam Malaysia ni [ini] kita tak [tidak] de [ada] ape [apa] lah yang meredah hutan lah kan. **(00:12:34)**

Pelajar 2 : Ha

Encik : Tak [tidak] de [ada] lah nak [hendak] teruk sangat tapi di negeri orang ni [ini] macam kat [dekat] Somalia ni [ini] kita terasa, dia punya pahit dia, siksa dia, dengan kemiskinan dia, dengan kita pun sendiri nak [hendak] makan pun susah. Saya duduk dalam kat [dekat] Somalia ni [ini] selama tujuh tahun eh setahun, jadi bulan puasa, raya pun kat [dekat] sana. **(00:12:54)**

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Berbuka puasa makan buah tembikai dangan air, tiap-tiap selama sebulan.
(00:13:03)

Pelajar 2 : Ha okey.

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

Encik : Ha, kalau mak-- berbuka puasa ni [ini] nasi dengan daging unta, lain teman (makanan) tak [tidak] de [ada].

Pelajar 2 : Ha

Encik : Nak [hendak] kata ayam ke ikan ke sayur, memang tak [tidak] de [ada] ha tapi memang sedap, buah tembikai dia besar hahhhaha [ketawa]. **(00:13:20)**

Pelajar 2 : Hahahaha [ketawa]

Encik : Memang manis, kalau kita, besar-besar ni [ini] kan?

Pelajar 2 : Ha

Encik : Lebih kurang kan kat [dekat] sana mamang manis buah tembikai dia, jadi terpaksa puasa tak [tidak] de [ada] apa nak [hendak] makan. **(00:13:28)**

Pelajar 2 : Okey arr arr kan Encik pergi ke Somalia tu [itu] ar dalam Operasi Somalia kan? (00:13:36)

Encik : *Yes* [iya/betul]

Pelajar 2 : Ar saya dah [sudah] buat kajian arr tentang apa operasi ar gu apa Operasi Gubir, ha Gubir, Operasi Gerik,

Encik : Okey

Pelajar 2 : Ha pernah kan Encik terlibat dalam operasi tersebut ? (00:13:46)

Encik : Okey, okey sa-- mula-mula saya akan ceritakan semasa dekat Somalia lah

Pelajar 2 : Ha

Encik : Okey apa yang berlaku dekat Somalia peperangan dia di sana adalah merebut kuasa jadi kami sebagai tentera Malaysia ni [ini] sebagai PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) jadi dia tak [tidak] boleh nak [hendak] arr (berfikir) maksud pakcik ni [ini] dia nak [hendak] menembak ke apa tak [tidak] boleh melainkan ada arahan daripada pihak atasan, okey disana... kat [dekat] Somalia ni [ini] semuanya Muslim, okey tapi semasa saya, acik sampai tu [itu] kan bendera kita dengan bendera US [United States] kan nak sama jadi apabila acik keluar daripada kem saja memang kena tembak dia sangka kita orang, orang US [United States]. Ada satu [itu] hari tu [itu] ustad [ustaz], ustad [ustaz] azan arr dia buat azan dia buat sembahyang apa semua, dia datang, “*Are you muslim?*” [Adakah awak muslim] Dia tanya kan, “*Ya, I’m muslim*” [Ya, saya muslim]. Dia pun masuk antara kita nak [hendak] berbaik dengan dia kan ha. “*Oh Muslim, Malaysia, muslim good, good, good*” [Oh Muslim, Malaysia, Muslim bagus, bagus, bagus]. **(00:14:55)**

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Ha kalau dak [tidak] keluar aje [sahaja] daripada moga-- ada dia universiti tu [itu] memang kena tembak. Dia sangka kita US [United States] sebab beza dia kita dengan Malaysia ni [ini] err dengan US [United States] ni [ini] *moon* [bulan] dengan *star* [bintang] aje [sahaja] dia punya ni [ini] [bendera] kan ha. Bintang dengan kita punya tu [itu] (bulan) kan. **(00:15:14)**

Pelajar 2 : Bulan.

Encik : itu je beza dia tapi dia punya *line* [garisan] sama *colour* [warna] sama ha itu [itu] dia sangka kita US [United Stated] okey, di sana, kat [dekat] Somalia ni [ini] memang dia negeri yang paling miskin yang memang kebuluran okey, pernah terjadi di depan acik ni [ini], sebotol air mineral dia sanggup bunuh kawan dia, ha ini bukan nak [hendak] cerita bohong ini depan mata saya, masa acik buat rondaan adalah satu kumpulan tu [itu] dia, dia berkumpul kan, kita ni [ini] orang Malaysia ni [ini] sifat kasihan ni [ini] adakan, kita pun balinglah air mineral tu [itu] berebut air mineral tu [itu] dia nak [hendak] ambik air mineral tu [itu], berebut ni [ini] dia

sanggup bunuh kawan dia dan dapatkan air mineral ni [ini] sampai tahap macam tu [itu] lah kalau benda makan ni [ini] jangan cerita lah dekat tong sampah pun dia makan. **(00:15:55)**

Pelajar 2 : Oh

Encik : Kan? Teruk dia kat [dekat] sana. Kalau kat [dekat] sana baju kalis peluru ni [ini] memang dua puluh empat [24] jam kita tidur ke, kita makan ke, kita pi [pergi] mana tetap ada, depan dua [2] kilo belakang dua [2] kilo. **(00:16:10)**

Pelajar 2 : Oh ho

Encik : Keselamatan, pakai helmet nato tu [itu] ha okey ha itu teruknya beza dia kalau memang-memang-memang paling acik paling terasa lah, masa operasi kat [dekat] ni [ini] kat [dekat] Somalia ni [ini] tapi sana PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] lah kan.

Pelajar 2 : Ha

Encik : Di-di payung PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] lah sebab kita diberi kuasa PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] beri kuasa kat [dekat] Malaysia jadi ketua jadi terpaksa kita kena main peranan. Ha kita lah main peranan, tembak-menembak ni [ini] macam biasa kalau kat [dekat] Malaysia ni [ini] mercun tu [itu], kat [dekat] sana tiap-tiap malam mercun, perang dia yang bagus sekali apabila tamat arr azan, *stop* [berhenti] tak [tidak] de [ada] sebutir peluru pun yang ada. **(00:16:51)**

Pelajar 2 : Oh

Encik : Lepas habis azan je “pumpang-pumpang” mercun tak [tidak] kesah ape [apa] pun dekat Somalia ni [ini] okey, dan satu lagi berlaku kepada arr komando. Okey komando ni [ini] dia pi [pergi] buat rondaan semasa tu [itu] pukul empat [4] petang, dia keluar, apabila dia keluar saya pun tanya dengan staf tu [itu] “ Staf nak [hendak] pa-- nak [hendak] guna dak [tidak] *escort* [iringi]?”. Sebab saya masa tu

[itu] arr saya ketua bahagian *escort* [iringi]. Kereta, kereta condor [kenderaan tentera] ni [ini] memang ada dekat saya lah dalam empat puluh [40] bijik jadi sapa yang keluar daripada Mogadishu, kem arr universiti tu [itu] mesti melalui saya dulu, mesti maklum kat [dekat] saya nak [hendak] pi [pergi] mana, dia ada buku dia keluar masuk. Jadi arr staf tu [itu] bagi tahu tak [tidak] payah lah sebab dia komando kan. (00:17:38)

Pelajar 2 : Ha-ha (meniyakan)

Encik : Ha, empat [4] biji okey lah tak [tidak] pa [apa] lah pada jam lebih kurang pukul 18:00, saya dapat maklumat daripada pegawai pemerintah saya, mengatakan komando kena *contact* [kena serang], okey lepas tu [itu] saya diarahkan bergerak ke sana bawak [bawa] condor [kenderaan tentera] masa tu [itu] tiga puluh [30] but-
- bijik je yang pi [pergi] kan tapi perasaan kita memang marah lah kan sebab sahabat kita, biar pun di- dia tak [tidak] mau [mahu] dengar cakap kita tapi yang berlaku tu [itu] adalah orang Malaysia jadi sahabat kita, masa tu [itu] tak [tidak] ingat dah [sudah], dengan marah, dengan perasaan geram tu [itu] memang adalah, kan. Apabila sampai dikawasan tu [itu] memang lah kami dah [sudah] lihat dah [sudah] mayat tu [itu] depa [mereka] bungkus dengan tikar mengkuang tu [itu] kan semua mayat ditutup dibungkus dengan ni [ini] apa ni [ini] dengan kertas mengkuang tu [itu] arr tikar tu [itu]. Bungkus-bungkus, bungkus-bungkus dah [sudah] setelah sampai kat [dekat] sana, kat [dekat] kawasan tu [itu], lebih kurang dalam sejam saya rasa pukul tujuh [7] arr *no* [tidak] 18:00 dalam sembilan belas [19] setengah kut, tiga puluh [30] pukul tujuh [7] setengah malam lah okey tujuh [7] setengah malam, kami pun dah [sudah] conquer [kawasan tu [itu] maklum ke pihak atasan, pihak atasan bagi tahu masa tu [itu] arr pegawai pusat saya, nama dia Razi (Major Jeneral (B), Datuk Md. Rozi Baharom) saya ingat lagi, dia-dia dia arr arr empat [4] bintang dia yang bagi arahan *clear* [kosong/bersih] kan *bound* [kawasan], apabila *clear* [kosong/bersih] kan *bound* [kawasan] saya pun macam biasa lah bagi tahu budak-budak saya jalankan tugas, hembus, habis. (00:19:09)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Tak [tidak] da [ada] yang selamat, masa tu [itu] saya tak [tidak] ingat dah [sudah] Muslim ke apa ke saya tak [tidak] ingat dah [sudah] sebab geram punya pasal tu [itu] kan, sahabat kita tu [itu] biarpun dia lalai, ingkar tapi sahabat dalam tentera Malaysia tu [itu], geram punya pasal bom, belash habis dengan peluru dengan habis semua balik *clear* [kosong/bersih] semua, kita maklum balik dengan arr kita punya pihak atasan. Okey *move* [bergerak] bawak mayat tu [itu], okey saya pun periksa mayat tu [itu] jumpalah satu surat, staf tu [itu], surat tu [itu] mengatakan sebenarnya dia-dia ada-ada telegram nak [hendak] balik, pada hari tu [itu] sebab isteri dia nak [hendak] bersalin tapi tak [tidak] sempat lah kan bawak balik dalam kem ustad [ustaz] mandikan apa, kepala dia ni [ini] bocor ni [ini] pecah ni [ini] kepala dia, peluru tu [itu] sebab peluru tu [itu] masuk daripada depan dia pakai helmet nato dia masuk depan pusing balik jadi pecah ni [ini] terpaksa kami tampal dengan kap-kapas, ambik kapas je [sahaja] letak dia elok-elok, nak [hendak] mandikan mayatkan dia bukan boleh kalau darah keluar ha, yang sorang [seorang] tu [itu] memang hancur ni [ini] sebelah belah kanan dia, yang lain tu [itu] okey la tapi hanya *just* [hanya] kat [dekat] dada semua dia tembak dengan *directly* [tepat] kan. Staf Sarjan sorang [seorang] tu [itu] aje [sahaja], saya rasa mungkin dia kena tembak dari dekat. Itu lah cerita dia, saya rasa paling teruk. Tiga bulan memang saya rasa teruk, duduk dekat Mogadishu ni [ini] makan dengan nasi dengan pasir aje [sahaja]. Masa tu [itu] kami tak [tidak] tawan lagi, hanya dapat masa tu [itu] kat [dekat] *airport* [lapangan terbang] aje [sahaja] habis daripada *airport* [lapangan terbang] tiga bulan [3] tu [itu] barulah kami dapat tawan uni- Universiti Mogadishu tu [itu] barulah panglima bagi tahu, “Okey, kita akan *move* [bergerak]”. Okey, *move* [bergerak] dekat Universiti Mogadishu tu [itu] tiga [3] arr masuk bulan ke [5] lima, masuk bulan ke lima [5] tapi pengawal daripada unit luar maksud saya dari negeri luarlah. Berlakulah satu kes, okey pengawal kita kena sembelih, setiap pos pengawal, besok pagi nak [hendak] serah tengok, orang berdiri kepala tak [tidak] de [ada]. Arr masa tu [itu] bukan orang Malaysia lagi, Tunisia, Afrika ha semua gang-gang tu [itu] Indonesia masa tu [itu] Malaysia duk [duduk] tengah-tengah. Okey apabila berlakunya sembelih-menyembelih ni [ini] kita pun ambik, Panglima pun hubungi kita “Okey pengawal sekarang ni [ini] kita ambik alih” ha itu [itu]. Okey apabila ambik alih, Alhamdulillah sampailah raya, tak [tidak] ada kes menyembelih orang Malaysia lagi, yang kes kena tembak jelah [sahaja] yang tapi kes bunuh-bunuh ni [ini] tak [tidak] de [ada] lagi lah, itu cerita dia. Okey masuk

kepada Operasi Hutan seperti Gubir, okey unit saya ditugaskan okey operasi dekat sempadan mengecam, contoh dekat Gubir ni [ini], pertama sekali *clear* [kosong/bersih] kan *booby trap* [jerangkap samar] okey *clear* [kosong/bersih] kan *booby trap* [jerangkap samar] yang kedua menjaga sempadan, itu aje [sahaja] kawasan. (00:22:20)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Operasi Pulau, Operasi Pulau pun sama juga kami ditugaskan selama tiga bulan duduk sana operas-- mana-mana operasi semua sama tiga [3] bulan okey tak [tidak] kira Operasi Pulau ke, Operasi Hutan ke, Operasi Balak ke, semua tiga [3] bulan. (00:22:40)

Pelajar 1 : Okey , arr mengenai penglibatan Encik di dalam operasi, bilakah Encik mula menceburi atau melibatkan diri dalam bidang ini [ini]? Maksudnya operasi? (00:22:55)

Encik : Operasi ni [ini], okey dal- di dalam operasi ni [ini], dia melibatkan ni [ini] operasi ni [ini] dia daripada pihak atasan memberi kita arahan okey. Okey unit saya ditugaskan, batalion saya tak [tidak] gerak orang aje [sahaja] yang bergerak contoh dia operasi kat [dekat] Gubir okey, dia bagi arahan kat [dekat] kita, daripada peringkat atasan Briged, Briged bagi kat [dekat] CO [Pegawai memerintah] saya, CO [Pegawai Pemerintah] bagi kat [dekat] OC [Officer Commanding] saya, OC [Officer Commanding] bagi kat [dekat] saya. (00:23:24)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Okey OC [Officer Commanding] bagi kat [dekat] saya, Ketua Platun. Ketua Platun akan *discuss* [berbincang] okey pada hari bla-bla ni [ini] okey buat persiapan kita akan bergerak, dalam hutan. Operasi lah tapi ni [ini] di tak [tidak] boleh di rahsiakan lah pergerakan kita tu [itu] bila ke masa dia tu [itu] dia tak [tidak] kan [akan] boleh bagi tahu, dia rahsia hanya kita, dia bagi amaran awal. “Okey kita

akan bergerak, operasi” tapi dia tak [tidak] bagi tahu lagi, selalunya di barang-barang semua kita kena *declare* [istiharkan] lah senjata-- makanan kita kena ambik, okey sebab saya sebagai *incharge* [bertanggungjawab] masa dulu lah saya Sarjan, Staf Sarjan saya *incharge* [bertanggungjawab] satu platun, ha saya lah nak [hendak] *handle* [mengawal] kan peluru dia, saya lah nak [hendak] *handle* [mengawal] kan ska-- makanan dia senjata dia semua kena *check* [semak], semua kena op-- bagus punya kira boleh digunalah kan, ha daripada pakaian dia daripada, daripada dia-- lepas tu [selepas itu] tu [itu] kita akan tanya dia apa masalah dia, tak [tidak] de [ada] masalah kita boleh pi [pergi], kalau tak [tidak] de [ada] masalah ha, *on* [teruskan]. Kadang-kadang ni [ini] ade [ada] orang dia buat-buat sakit dia malas nak [hendak] pi [pergi] operasi kan biasalah perangai budak-budak ni [ini] malas nak [hendak] pi [pergi] operasi dia buat cerita bukan-bukan. Kita ada hospital, *medic* [kesihatan], *check* [semak] kalau tak [tidak] de [ada] ape [apa], badan dia okey *clear* [kosong/bersih] tak [tidak] de [ada] ape [apa], jalan. (00:24:42)

Pelajar 2 : Masa Encik arr ehem (berdeham) jadi *incharge* [bertanggungjawab] jadi Sarjan tu [itu], kan berapa banyak anggota yang terlibat? (00:24:51)

Encik : Okey didalam satu platun ni [ini] dia ada tiga puluh [30] orang, satu [1] pegawai, satu kali [1x] pegawai, satu kali [1x] Staf Sarjan, tiga kali [3x] Koperal, tiga kali [3x] Lans Koperal, dan yang lain tu [itu] Prebet. (00:25:08)

Pelajar 1 : Arr apakah reaksi keluarga Encik semasa menda-- arr dapat tahu Encik ditugaskan untuk menyertai operasi? (00:25:17)

Encik : Okey, sebenarnya sebelum saya menikah dengan orang rumah saya ni [ini], kita dah [sudah] *discuss* [berbincang] dia, okey apa tugas saya, sebelum menikah ni [ini], “Kalau kau betul-betul nak [hendak] menikah dengan saya, engkau kena terima lah, sebab selalu kena tinggal-tinggal”, hahahah (ketawa) (00:25:35)

Pelajar 2 : Hmm (mengiyakan)

Encik : Kan? ha, marah tentu marah tapi dia dah [sudah] fahamlah kan selalu setakat beraya ni [ini] lah, dalam setahu, saya lah dalam saya berkhidmat dalam ATM [Anggota Tentera Malaysia] ni [ini] saya beraya dekat rumah dengan anak-anak saya ni [ini] saya rasa dalam sepuluh kali [10x] ada selama dua puluh lima [25] tahun ni [ini]. Operasi- bulan nak [hendak] raya, nak [hendak] puasa dah [sudah] masuk dah [sudah], sebulan kalau kena tiga [3] bulan, berpuasa sebulan [1] lepas tu [itu] *on* [teruskan] nak [hendak] balik tak [tidak] de [ada] dah [sudah], heli [helikopter] sapa [siapa] nak [hendak] ambik dalam hutan, mintak maaf ha beraya dalam hutan. (00:26:14)

Pelajar 2 : Okey-okey, ha boleh saya tahu persiapan yang Encik lakukan sebelum menjalani operasi tersebut? (00:26:22)

Encik : Okey, okey setiap unit batalion ataupun platun saya persiapan yang perlu dia buat adalah latihan dia, latihan dia maksud saya dengan senjataan dia semua kita kena *check* [semak], peralatan, makanan dia, okey ran- rangsum lah dia panggilkan, ha lepas tu [itu] peluru dia kita kena *demand* [permintaan] okey, kalau seratus [100] err kalau seorang peruntukan dia dua ratus lima puluh [250], kalau tiga puluh [30] orang dah [sudah] berapa ha itu pangkat Sarjan macam saya lah kena main peranan, kena tahu, kena ambik kat [dekat] stor, kat [dekat] stor peluru tu [itu] bukan kat [dekat] stor *shutter* [penutup], kat [dekat] stor peluru kita kena ambik memang berapa banyak kita nak [hendak] gunakan ha *supply* [agih/hantar] tu [itu] dengan, lepas tu [itu] dengan latihan dia okey latihan dia berapa banyak kita nak [hendak] buat dia macam mana dia, dia car- defend [bertahan] dia okey, cara dia macam mana okey kita nak [hendak] tengok kebaikan dia macam mana, tingkah laku dia takut nanti apabila masuk hutan dia jadi *blur* [kabur], ha jadi itu guna dia latihan tu [itu] kena buat. (00:27:25)

Pelajar 2 : Oh, arr ketika buat persiapan tu [itu] arr apa anggota tentera mesti adakan arr jalankan tugas fizikal dan mental kan? (00:27:35)

Encik : Betul.

Pelajar 2 : Boleh Encik ceritakan maksud fizikal dan mental? (00:27:38)

Encik : Okey, fizikal dan mental ni [ini] yang acik, saya maksudkan ni [ini] okey latihan, latihan dia, dia ni [ini] okey kita masuk je [sahaja] masa latihan tu [itu] sebelum masuk operasi ke ada apa latihan askar ni [ini] diberi dia akan masuk ke hutan. Hutan ni [ini] *real* [sebenar/betul-betul] lah hutan betul punya tapi [pergi] tak [tidak] de [ada] operasi lah hanya kita nak [hendak] tengok mental dia, kita bagi dia tidur dalam hutan, makan dengan hutan, tak [tidak] latihan tetap latihan, menembak kita bagi dia menembak, baling *grenade* [bom tangan kecil], ada latihan baling *grenade* [bom tangan kecil] okey nak [hendak] tengok dia buka pin pun, ada anggota dia buka pin *hand grenade* [bom tangan kecil] ba-- bergetar ni [ini] ha itu tak [tidak] masuk hutan lagi kalau masuk hutan yang sebenarnya operasi ha dengan kita-kitanya terbongkangnya. (00:28:32)

Pelajar 2 : Hahaha

Encik : Ha itu gunanya latihan yang kita bagi,

Pelajar 2 : Oh

Encik : Bagi dia yakin yang dia tu [itu] boleh buat, kan? Budak ba-- masa saya lah budak-budak baru ni [ini] saya buat macam tu [itu] lah. Latihan, lepas tu [itu], hujan ke dengan ape [apa] ke ape [apa] ke kadang-kadang saya buat-buat lewat makanan sa- saya tak [tidak] bagi lagi contoh pukul selalu makan pukul dua belas [12] pukul satu [1] kadang-kadang saya buat lewat saya hantar pukul dua [2] nak [hendak] tengok dia mental dia, perangai dia, marah tak [tidak] marah dengan kita ni [ini] kan, pasal apa makanan lambat, kita nak [hendak] tengok, saya saje [sahaja] je [sahaja] nak [hendak] uji dia. (0028:35)

Pelajar 2 : Ha

Encik : Arr macam pagi sama juga, pagi selalu pukul tujuh [7] ada makanan *supply* [agih] [hantar] hantar makan kan, saya bagi tahu *no* [tidak] kita hantar pukul sepuluh [10], dia boleh buat kerja tak [tidak], kalau tak [tidak] makan pagi ha itu mental dia lah daripada fizikal dia, dia boleh tahan, mental dia eh, prut-prut perut lapar ni [ini] nak [hendak] buat kerja macam mana kan tapi dalam askar dia *no* [tidak] kerja tetap kerja. (00:29:17)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Pande- pandai-pandai, ha latihan mental dia.

Pelajar 2 : Oh okey, arr boleh arr, adakah tempat latihan yang Encik katakan hutan tu [itu] berkaitan dengan kem ataupun arr dia hantar ke tempat lain? (00:29:33)

Encik : Okey kawasan hutan buat latihan ni [ini] kita dah [sudah] memang ada sediakan, memang setiap arr batalion ni [ini] unit saya lah memang ada setiap penempatan tu [itu] dia ada satu [itu] hutan *species* [sejenis] simpanan untuk kita buat latihan. okey contoh dia macam kita menembak, menembak ni [ini] kita adakan lapang sasar, lapang sasar, seratus [100] meter, dua ratus [200] meter, tiga ratus [300] meter ha, itu memang latihan dia tembakan tahunan. Memang kena ada kalau, kalau seorang anggota dia tak [tidak] mahir dalam bidang menembak macam mana nak [hendak] masuk askar, kan? Nak [hendak] tembak orang pun tak [tidak] boleh, tak [tidak] boleh nk gunakan kan? Ha tiga ratus [300] meter macam mana jarak peluru tu [itu] pi [pergi], *target* [sasaran] lah, tembak *target* [sasaran] lah maksud saya ni [ini]. Ha dia tahunan, dia setahun dua kali, tembakkan tahunan dia. (00:30:22)

Pelajar 1 : Ar kebiasaanya operasi ini [ini] dijalankan ditempat yang macam mana? (00:30:29)

Encik : Operasi ni [ini], dia sebenarnya hutan, okey melainkan kalau operasi bandar, operasi bandar ni [ini] kita bersama dengan polis lah okey, operasi bandar ni [ini] kita dengan polis tapi kita kalau dengan Operasi Hutan ni [ini] kita berjalan kaki tanpa menggunakan kenderaan, tak [tidak] ade sebutir, kita melainkan, kita menggunakan peta dengan kompas sahaja jalan, kalau sesat, sesat lah tapi semenjak saya berkhidmat tak [tidak] pernah lagi lah saya bawak anggota saya sesat. (00:31:00)

Pelajar 2 : Huhu

Encik : Ha dia memang tempat yang dituju tu [itu] memang betui [betul] punya. Sempadan-sempadan Malaysia ni [ini] semua saya pi [pergi] dah [sudah], habis semua pi [pergi] dah [sudah]. Kalau kat [dekat] Sarawak tu [itu] dia Kalimantan sanakan dia Indonesia, kita dengan Indonesia pulak [pula], askar dia, askar kita tengah-tengah sempadan, *boarder* [sempadan] lah. Ha dia tak [tidak] boleh masuk hanya kita boleh sembang macam tu [itu] lah ha. (00:31:22)

Pelajar 2 : Ha sepanjang tempoh operasi dijalankan, berapa anggaran anggota tentera yang terlibat? Seperti arr Encik katakan sebelum ni [ini] tadi 7 Renjer, batalion ha boleh Encik ceritakan? (00:31:36)

Encik : Ha okey, operasi selalunya kalau operasi unit saya infantri lah, dia bergerak satu batalion *move* [bergerak], tetapi pergerakan yang betul-betul operasi ni [ini] adalah satu [1] Kompeni. Satu [1] Kompeni ni [ini] dalam empat ratus-lima ratus [400-500] orang aje [sahaja]. Okey, yang selalunya yang masuk dalam hutan ni [ini] adalah saya, contoh saya, saya dulu pla-- A Kompeni, Kompeni Alpha - A Kampeni lah kan (00:32:05)

Pelajar 2 : Ha

Encik : Platun satu ha tu [itu] platun satu [1] adalah anak buah saya platun saya seramai tiga puluh [30] orang. Ha saya lah yang masuk ni, masuk hutan, OC [Officer Commanding], CO [Pegawai Memerintah] saya semua dalam *guess*

[tetamu] dia hanya menerima arahan daripada saya jelah, kawasan mana yang kita dah [sudah] buat ronda, mana tempat dia, ha itu je [sahaja] lah. **(00:32:29)**

Pelajar 2 : Ehem

Encik : Ramai pun dalam tiga puluh [30] orang je [sahaja] yang masuk.

Pelajar 2 : Tiga puluh [30] orang?

Encik : Tiga puluh [30] orang.

Pelajar 1 : Arr itu untuk setiap operasi ke?

Encik : *Yes* [iya/betul].

Pelajar 1 : Tiga puluh [30] orang? **(00:32:39)**

Encik : *Yes* [iya/betul], setiap operasi satu tempatanlah, penempatan. Okey contoh dia saya, ini contoh dia okey saya Operasi Pulau satu Kompeni pi [pergi] ni [ini]. Satu [itu] Kampeni ni [ini] empat ratus-lima ratus [400-500] orang, dalam Semporna contoh kat [dekat] Sabah. Semporna tu [itu] adalah kem, kem penempatan askar tapi selalu bertukar-tukarlah okey contoh dia unit saya, okey Kompeni Alpha, A Kompeni, A Kompeni duduk situ, platun saja yang bergerak, okey platun saya contoh “Okey engkau pi [pergi] Pulau Sipadan”, ha saya akan duduk arr Pulau Sipadan. OC [Officer Commanding] duduk kat [dekat] pekan, OC [Officer Commanding] hanya *just* [hanya] maklumat dengan saya je “Helo Sunray, disini satu“. Ha ni [ini], Sunray, OC [Officer Commanding] saya lah. Saya satu, satu, saya platun satu. Sama juga platun dua, platun dua dia pi [pergi] kt ni [ini] pulak [pula] membawa ke ape semua pulau lah kan, ha jadi satu Sunray yang bergerak ni [ini] satu kompeni lah. Satu kompeni tapi yang *just* [hanya] selalu bergerak arr untuk masuk dalam operasi sebenar dia ni [ini] adalah platun, okey platun. **(00:33:45)**

Pelajar 2 : Ar berkenaan dengan operasi yang Encik lalui arr boleh ceritakan apa berapa anggota yang encik yang apa terlibat di soma ni [ini] somal- ah Somalia tu [itu], yang berapa anggota dan tempoh dia? (00:34:02)

Encik : Okey anggota yang terlibat ramai. okey contoh dia tumpangan-tumpangan, saya sebagai unit pegawai infantri de-de-dekat [dekat] satu bit-batalion saya 7 Renjer ni [ini], dia ada lagi tumpangan, Semboyan [RSD - Rejimen Semboyan Diraja] ada, okey arr (berfikir) JLJ [KJLJD - Kor Jurutera Elektrik Dan Jentera Diraja] ada, *WORKSHOP* [pasukan logistik tentera darat] ada, *medical* [kesihatan] ada ha itu semua tumpangan lah, jadi kalau *strength* [kekuatan] dia didalam contoh dia dalam unit dia seribu [1000] orang *fix* [tetap] dah [sudah] lebih dah [sudah] sebab tumpangan ni [ini] lagi. (00:34:33)

Pelajar 2 : Ha

Encik : Masuk, kan ha jad-- tapi *strength* [kekuatan] yang digunakan disitu dia akan tulis situ, okey *strength* [kekuatan] contohnya 7 Renjer okey seribu [1000] orang okey, dia akan tulis situ tumpangan-tumpangan yang ada dekat dia. Ha *diver* [pemandu] tumpangan KP, driver kan dia tumpangan juga, hanya pemandu ar kenderaan kita punya. (00:34:53)

Pelajar 2 : Hmm

Encik : 7 Renjer, orang aje [sahaja], unit luar, macam saya lah, saya 3 Renjer

Pelajar 2 : A ha

Encik : Saya pi [pergi] kat [dekat] 7 Renjer buat tumpangan kat [dekat] dia. Saya dulu adalah asopenal [isopycnal], buat tempur. (00:35:05)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Apabila buat tempur ni [ini], budak dia takde [tidak ada] unit dia kat [dekat] 7 Renjer ni [ini] dia takde [tidak ada] orang, orang lama, arr terpaksa dia buat pemilihan tapi ada khusus, dia ada *Class* [pangkat] *I*, *Class* [pangkat] *II* asopanel [isopycnal] tu [itu], jadi kami yang tujuh [7] orang ni [ini] terpilih buat masuk tumpangan kat [dekat] dia, ha itu sebenarnya. (00:35:27)

Pelajar 1 : Ar bagaimana Encik berangkat ke tempat operasi tersebut? (00:34:35)

Encik : Okey kalau operasi dekat Semenanjung ni [ini], semua kita akan guna melalui arr Nuri, helikopter lah, okey semua kenderaan contoh dia daripada u-- arr *batch* [kumpulan] saya nak [hendak] pi [pergi] bergerak ke kem, Kem Gubir tu [itu] melalui kenderaan daratlah okey, tapi apabila sampai kat [dekat] Kem Gubir tu [itu] nak [hendak] masuk hutan semua pakai heli [helikopter] pergerakan semua pakai heli [helikopter] dalam seminggu jugalah. Satu [1], satu [1] platun saja kita sana memang ada empat [4] biji Nuri di sediakan, tunggu kita aje [sahaja] ha jadi seminggu “Okey platun engkau seminggu jalan”. Semua pakai heli [helikopter], tak [tidak] de [ada] nak [hendak] berjalan kaki, balik saje [sahaja] kita pakai he-- jalan kaki, hahaha (ketawa). Ha balik daripada hutan contohlah arr saya ingat lagi masa tu [itu] saya daripada Kem Gubir tu [itu] nak [hendak] pi [pergi] tempat saya expai bravo (alpha bravo) nama dia tempat kawasan memang atas bukit sejuk, minyak pun boleh jadi beku, air memang tak [tidak] pernah mandi haha (ketawa), sekali je mandi ambik air bawah. Memang jauh, jauh gila betul, okey kat [dekat] situ pun sempadan juga, dia sempadan Thailand dengan Malaysia kan, di tempat saya tu [itu] nak [hendak] pi [pergi] dekat Kem Gubir tu [itu] dua minggu perjalanan, heli [helikopter] cepatlah kan pakai heli [helikopter], pakai Nuri cepat lah tapi daripada tempat saya tu [itu] c-- arr apa OC [Officer Commanding] saya bagi tahu “Okey bergerak balik”. Habis selama tiga bulan saya duduk situ dah [sudah] habis *settle* [selesai] kawasan saya, saya dah [sudah] ronda semua sekali dah [sudah], dah [sudah] sa- saya dah [sudah] tanda apa semua dalam peta apa semua kan, kita balik sampai dua minggu empat belas [14] hari, sampai kat [dekat] kem, merangkak bang hahahaha (ketawa). (00:37:25)

Pelajar 2 : Hahaha

Encik : Merangkak tapi askar biasalahkan, dia dah [sudah] ajar macam tu [itu] terpaksa ikut, tetapi memang selalu macam tu [itu] lahkan mana-mana hutan pun, yang pi [pergi] sedap dia Operasi Sarawak, sa- Sarawak ni [ini] dia panggil operasi dia Operasi Balak, Operasi Balak ni [ini] orang curi balak, ha jadi haha (ketawa) polis hutan tak [tidak] cukup orang ha dia panggil mintak bantuan dekat kita. Kita terpaksa ikutlah, okey kit-- pertama kita dengar taklimat dia lah macam mana cara diakan dia nak [hendak] tangkap orang, kita mana boleh tangkap-tangkap orang, askar kan, dia ajar kita macam ni [ini] macam ni [ini] ada kuasa dia ada kad kat [dekat] kita, dia bagi kad kat [dekat] kita kua- arr jabatan ni [ini] lah hutan ni [ini] lah apa benda ni [ini] lah kan okey, kuasa menangkap orang okey, sapa yang tebang-tebang balak ni [ini] tanpa ada permit apa kita boleh tangkap. Kebanyakan Cina lah, bangsa-bangsa Cina ni [ini] kan, tauke-tauke biasalah ha kadang-kadang dia nak [hendak] sogok kita juga, okey kita macam biasalah askar mana bolehkan ha, operasi seronok situ [itu] lah, lepas tu [itu] Operasi Lubuk Hantu [itu]. Lubuk Hantu [itu] dia tempat dia Lubuk Hantu [itu] lah ni [ini] dia, tempat dia sempadan dengan Indonesia ha ni [ini] lagi sedap, lagi seronok, naik bot (ketawa), ha dia sungai, sungai dia besar, sungai Sungai Rajang ha bayangkan Sungai Rajang besar tak [tidak] besar pang- panjang kat [dekat] Sarawak tu [itu] naik bot ronda, masuk pi [pergi] kawasan dia arr (berfikir) tiga [3] jam, balik tiga [3] jam, enam [6] jam tiap-tiap hari ronda, makan minum semua atas bot hahahah (ketawa). (00:38:55)

Pelajar 2 : Hahaha (ketawa).

Encik : Tapi bot panjang lah

Pelajar 2 : Ha (mengiyakan)

Encik : *Long Boat* [bot panjang] dia panggil tu [itu] kan.

Pelajar 2 : Ha (mengiyakan)

Encik : Ha memang sedaplah tu [itu].

Pelajar 2 : Arr tentang arr Encik berangkat tempat operasi ni [ini] arr macam mana pula dengan [berfikir] Operasi Somalia tu [itu]? (00:39:09)

Encik : Okey beza dia yang saya dapat disini kat [dekat] dekat Malaysia ni [ini] kita tak [tidak] teruk sangat lah operasi, tapi apabila saya operasi dekat Somalia ni [ini]. paling teruk, saya rasa paling teruk. Okey pertama sekali daripada kita tak [tidak] pernah pi [pergi] tempat orang kan apabila kita tepi-- pi [pergi] tempat orang kita tengok kawasan dia, okey bentuk muka bumi dia macam manakan, orang dia macam ma orang dia tinggi-tinggi orang Somalia ni [ini] tapi hitam dia kalah India, dia lagi hitam. (00:39:40)

Pelajar 2 : Hahaha (ketawa)

Encik : Hahaha (ketawa) dia lagi hitam

Pelajar 2 : Haha (mengiyakan)

Encik : Memang pekat dia, tapi orang Muslim ha. Bayangkan sembelih lembu dia sorang [seorang] aje [sahaja], kita sembelih lembu tiga [3] orang, [4] empat orang, dia sorang [seorang] [1] aje [sahaja] sembelih lembu ha kuat tak [tidak] kuat dari segi itu aje [sahaja] okey. Pernah di depan cik ni [ini] dia di tembak ar RPG [Rocket-propelled Grenade] kena kat [dekat] dia terbakar habis ni [ini] melecur ni [ini] dia boleh pergi berjalan kaki pi [pergi] tempat saya mintak ubat. (00:40:08)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Dasyat tak [tidak] dasyat dia punya kuat tenaga dia lagi, orang Somalia ni [ini]. Masa tu [itu] dia dah [sudah] kenal kita dah [sudah], masa tu [itu] sembahyang kat [dekat] kita dah [sudah] masa tu [itu] kan tapi memang teruk lah, dia terlalu miskin apa pun takde [tidak ada] air pun takde [tidak ada] *just* [hanya] minum air kam-- ni [ini] la susu lem-- ni [ini] unta jelah. (00:40:32)

Pelajar 2 : Ha okey

Encik : Kalau kita takde [tidak ada] bagi air takde [tidak ada] lah, makan pun kita bagi juga, orang Malaysia, kesian, kita orang Malaysia biasalah sifat kemanusiaan ni [ini] hahaha (ketawa) **(00:40:42)**

Pelajar 2 : Ada

Encik : Kelemahan tu [itu] ada kan? Macam mana jahat pun, macam mana pun tapi kalau dah [sudah] kena kita Muslim kau pun Muslim ambik lah berkerja sehari kita ba--, sana kita pakai *dollars* [mata wang]. **(00:40:53)**

Pelajar 2 : Ha

Encik : Ha masa tu [itu] saya di bayar *dollars* [mata wang] satu, satu hari seratus [100] *dollars* [mata wang]. **(00:40:58)**

Pelajar 2 : Hmm

Encik : Tiap-tiap hari, kalau saya duduk setahun bayangkanlah sehari kalau sebulan dah [sudah] berapa? **(00:41:04)**

Pelajar 2 : Banyak jugak lah

Encik : Ha

Pelajar 1 : Tiga puluh [30] *dollars* [mata wang]...

Encik : Tapi nak [hendak] buat apa *dollars* [mata wang] nak [hendak] beli apa? **(00:41:42)**

Pelajar 2 : Oh betul juga.

Encik : Kita nak [hendak] beli makanan dia, kita pun takut dengan lalat, Ya Allah, lalat ni [ini] ish memang banyak sungguh. Dia, di sana dia makan roti keras tahu, macam roti bang-bangali tu [itu] kan, ha cicah dengan kari, kita tak [tidak] lalu

bang, tak [tidak] lalu, kita memang tak [tidak] lalu, tengok tak [tidak] lalu bang, tak [tidak] beli, hanya kita pi [pergi] kedai Pakistan, di sana ada askar Pakistan, apabila ada kedai Pakistan, Pakistan ni [ini] dia sediakan satu kedai, pakai duit satu [1] *dollars* [mata wang] tu [itu] kita boleh dapat sepuluh [10] keping roti canai hahahah (ketawa). (00:41:50)

Pelajar 2 : Hahaha (ketawa)

Encik : Teh tarik satu, roti canai sepuluh [10] keping satu [10] *dollars* [mata wang], kenyang bang. Ha dia sebab dia tak [tidak] makan nasi, dia semua roti semua dia, dia-dia macam gandum, dia semua tepung, *supply* [agih/hantar] dia datang pun dengan kontena tu [itu] kita angkat [dekat] daripada air-- daripada pelabuhan hantar kat [dekat] dia pun semua kontena. Saya ditugaskan kat [dekat] *escort* [iringi] daripada pelabuhan tu [itu] kadang-kadang Malaysia kita, kapal Malaysia datang masa tu [itu] *navy* [tentera laut], *navy* [tentera laut] hantar kita punya makanan melalui *navy* [tentera laut] sampai dekat [dekat] pelabuhan tu [itu] kita pi [pergi] ambik, *escort* [iringi], sekali ambik kenderaan sekali masuk saja kat [dekat] dua puluh [20] biji, condor [kenderaan tentera] tiga [3] arr ti- arr tiga [3] depan tiga [3] tengah sembilan [9] biji condor [kenderaan tentera] *escort* [iringi] itu [itu] pun kena bat-- tembak ni [ini] biasalah, tam tam tum lari, askar Afrika lari daripada kenderaan ha sapa [siapa] yang nak [hendak] ambik alih, orang Malaysia ambik alih tarik keluar daripada condor [kenderaan tentera] tu [itu] bawa lori tu [itu] sampailah ke tempat kita, dah [sudah] takdak [tidak ada] makan. Tugas kita tanggungjawab kita menentukan kenderaan ni [ini] sampai tempat yang di ditentukan ha. Masa tu [itu] acik selama setahun tak [tidak] ingat duit. (00:43:09)

Pelajar 2 : Tak [tidak] ingat?

Encik : Tak [tidak] ingat elaun yang dia bagi tu [itu]

Pelajar 2 : Oh ho

Encik : Tak [tidak] ingat, hanya yang ingat 50/50 hidup dengan mati aje [sahaja]. Acik sampai aje [sahaja] dekat [dekat] pela-- mula-mula sampai kapal terbang acik

tu [itu] bocor dah [sudah] kena tembak dah [sudah]. Boleh nampak, kalau kita duk [duduk] atas ni [ini] heli [helikopter] ni [ini] kapal terbang tu [itu] nampak ni [ini] berlubang-lubang kena tembak, gerun tak [tidak] gerun? (00:43:37)

Pelajar 2 : Hahaha (ketawa).

Encik : Gerun (ketawa).

Pelajar 2 : Hahahah (ketawa), gerun jugak lah.

Encik : Kita yang kat [dekat] dalam tu [itu] ish, tiga bulan saya rasa lah kan masuk bulan puasa dan hari raya, saya rasa seronok pula dah [sudah] dan perasan takut hilang tetapi kita ingat anak, isteri kita dirumah, kat [dekat] kampungkan tetapi duit masih-- duit tak [tidak] ingat lagi ish kalau aku mampus, 50/50. Keluar aje [sahaja] dia memang kena, keluar aje [sahaja] kena, kena tembak, ha aje [sahaja] tak [tidak] boleh tembak sebab kita di diarahkan pengaman jadi terpaksa kita ikut je lah pihak atasan bagi ni [ini] okey kita pi [pergi] dekat kawasan ni [ini] ska-- *ambush* [serang hendap] sana tembak tepi masuk tengah-tengah kawasan tu [itu] bumbam-bumbam. Tiap-tiap malam macam mercun atas kepala kita ni [ini] tapi askar Malaysia ni [ini] dia berani dia pi [pergi] cari. (00:44:31)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Dia pi [pergi] tengok mana kawasan kena tembak tu [itu], dia seronok tengok.

Pelajar 2 : Oh ho (ketawa)

Encik : Hahaha (ketawa), ha sampai tahap macam tu [itu], sampai askar mala-- US [United Stated] tabik dengan askar Malaysia ni [ini], beraninya depa [mereka] tak [tidak] pernah lagi dia bagitahu [beritahu], dia operasi dekat situ [itu] takdak [tiada] orang berani [ini] duduk [duduk] kat [dekat] atas condor [kenderaan tentera] askar Malaysia ja [sahaja], ha kita dah [sudah] *fight* [lawan] dah [sudah] kita dah [sudah]

tahu dah [sudah] dengan dia yang kita ni [ini] orang Muslim tak kan [tidak akan] orang nak [hendak] tembak. (00:45:01)

Pelajar 2 : Hmm

Encik : Tapi Somalia ni [ini] memang acik paling rasa paling teruklah, kalau dia suruh pi [pergi] saya tak mau [tidak mahu] pi [pergi] dah [sudah].

Pelajar 2 : Haha (ketawa).

Encik : Cukup sekali ja [sahaja].

Pelajar 2 : Hahah (ketawa) okey mengenai apa kenderaan yang Encik naiklah kan arr di semenanjung Encik naik Nuri helikopter, bagi Somalia adakah kenderaan tu [itu] arr disediakan oleh nega- negara luar ataupun Malaysia juga? (00:45:27)

Encik : Okey, kenderaan dekat sana semua Malaysia punya.

Pelajar 2 : Malaysia punya?

Encik : Malaysia punya, okey yang melainkan Apache, Apache ni [ini] adalah arr heli [helikopter], heli [helikopter] dia takde [tidak ada] muatan, dia sorang aje [sahaja], *pilot* [pemandu kapal terbang] saje [sahaja], dia masa tu [itu] dia, dia US [United States] punya, tetapi dia bagi kat [dekat] kita ke rakyat Malaysia ni [ini] tapi pegawai kita ada yang tak [tidak], tak [tidak], tak [tidak] boleh nak gunakan kenderaan tu [itu], dia bagi dekat Pakistan, Pakistan je yang boleh bawak Apache tu [itu] jadi tiga [3] tapi Apache tu [itu] kita punya, kenderaan apa condor [kenderaan tentera] ke lori ke semua daripada Malaysia, dia tak [tidak] ada daripada, kita gunakan US [United States] ke tak [tidak] ada, hanya peralatan senjata dia sahaja. Ha senjata US [United States], dia bergerak operasi dia, balik kosong, semua dia tinggal, tempat tidur dia, *aircorn* [penghawa dingin] dia, *bomb grenade* [bom tangan] dia semua pistol dia senjata semua dia tinggal, berkontena-

kontena yang ambik kitalah, askar Malaysia buat *stock* [stok], kita nak [hendak] belajar. Senjata yang kita tak [tidak] pernah tengok ada, ha Glock 19 [sejenis pistol]. Glock 19 [sejenis pistol] yang acik bagi tahu hari tu [itu] kan, dia pendek macam ni [ini] aje [sahaja] bubuh kat [dekat] bahu bukak trajer (*target*) sasaran tum pakai habis, buang, Malaysia tak dak [tidak ada] lagi, lani [sekarang ini] baru ada, dulu masa acik pi [pegi] takdak [tidak ada] lagi. SMG [submachine gun] sama juga dulu askar Malaysia mana ada, Malaysia semua US [United States] punya, US [United States] punya sebab dia canggih, US [United States] dia tinggal macam tu [itu] aje [sahaja], bagi kita lah ambik belajar, kita ambik kita belajar dia, macam mana guna dia ni [ini] senjata apa dia ni [ini] peluru dia macam mana nak [hendak] masuk dia macam mana. Tiga bulan acik ikut dia bergaul dengan US [United States] masa tu [itu] acik *escort* [iringi] arr pakai nur-- kapal terbang, kapal terbang gambar Black Ship pernah tengok dak dulu? (00:47:22)

Pelajar 2 : Pernah

Encik : Cerita yang pintu dia terbuka tu [itu]?

Pelajar 2 : Ha

Encik : Kaki tu [itu] kita kayuh macam tu [itu] tuh?

Pelajar 2 : Ha ha

Encik : Pakai cermin mata, prap tutup, pakai *seat belt* [tali pinggang keselamatan], senjata, tengah, ronda daripada pukul 07:00 sehinggalah balik 19:00 malam, tiap-tiap hari rutin tu [itu] je. Tengah hari dia turun isi minyak, makan lepas tu [itu] naik balik ronda kawasan kita, lapan [8] biji. Ai- acik masa ikut dia tiga [3] bulan, ha itu yang BI [Bahasa Inggeris] tu [itu] boleh tahanlah, tak [tidak] de [ada] orang melayu. (00:47:57)

Pelajar 2 : Hoho (ketawa).

Encik : BI [Bahasa Inggeris], semulajadi dia terus macam-macam mana boleh masukkan kita pun, saya, acik pun tak [tidak] faham balik kat [dekat] Malaysia hilang tak [tidak] tahu apa dah [sudah].

Pelajar 2 : Hoho (ketawa).

Encik : Kat [dekat] sana fuh [kagum] pagi-pagi air kalau setakat BI [Bahasa Inggeris] ni [ini] cair (ketawa). (00:48:09)

Pelajar 2 : Hohoho (ketawa).

Encik : Nak [hendak] gi [pergi] sembang dengan mat saleh.

Pelajar 2 : Ha

Encik : Ha kita dah [sudah] biasa dah [sudah] kan, dekat sana kan kita dengarkan tapi balik Malaysia ni [ini] kita tak [tidak] ni [ini] (fasih) dah [sudah], cakap Malaysia lah, hilang BI [Bahasa Inggeris] pun kita tak [tidak] ingat dah [sudah] Bahasa Inggeris. (00:48:23)

Pelajar 2 : Hahahaha (ketawa).

Encik : BI [Bahasa Inggeris] kekal.

Pelajar 1 : Arr tadi Encik ada sebut pasal helikopter Nuri.

Encik : Ya

Pelajar 1 : Arr helikopter tu [itu], arr helikopter tu [itu] berapa orang tentera yang boleh naik dalam satu perjalanan? (00:48:37)

Encik : Okey, arr Nuri ni [ini] kalau kosong muatan dia dua [12] belas orang aje [sahaja] tapi dengan barang dia selalu dia, kita bayangkan lah, setiap satu anggota,

bag dia tiga puluh [30] kilo. Jadi muatan selalu acik pergi operasilah enam [6] orang aje [sahaja], Nuri enam [6] orang termasuk dengan pakaian, peralatan kita dan makanan kita semua, enam [6] orang aje [sahaja] kalau dak [tidak] berpegar. Heli [helikopter] dia naik, dia takkan [tidak akan] naik terus dia akan naik setengah ni [ini], kalau dia henjut kedua kali dia berpegar ni [ini] dia akan tendang barang, dia akan tendang barang kita baru dia *move* [bergerak]. Nuri, keselamatan dia kan memang dia dah [sudah] *budget* [rangka] dah [sudah]. Muatan dia tak [tidak] ramai kalau operasi dia enam [6] orang jelah. Kalau kosong dia boleh pi [pergi] dua belas [12] orang. (00:49:32)

Pelajar 2 : Untuk Apache pulak [pula] berapa? (00:49:35)

Encik : Apache dia sorang [1] aje [sahaja].

Pelajar 2 : Sorang [1] aje [sahaja]?

Encik : Dia *pilot* [pemandu kapal terbang] aje [sahaja].

Pelajar 2 : *Pilot* [pemandu kapal terbang] aje [sahaja]?

Encik : Dia memang tempur punya.

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Dia semua besi, tengok *ship* [kapal] apa heli [helikopter] jenis yang macam Super Puma tu [itu]. (00:49:46)

Pelajar 2 : Hmm [mengiyakan].

Encik : Ha tapi dia besi semua, Super Puma ni [ini] dia hanya macam kita punya dia hanya boleh masuk empat [4] orang aje [sahaja], yang biase [biasa] hantar hospital apa semua ambik orang ni [ini] *emergency* [kecemasan] ni [ini] kan, ha itu dia panggil Super Puma, yang ini ni [ini] Apache ni [ini], dia sorang [1] aje [sahaja].

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Ha dia melainkan, roket saja yang boleh letupkan dia. **(00:50:05)**

Pelajar 2 : Oh (teruja).

Encik : Peluru, dua [2] roket saja macam kita punya tembak *Airbus* [kapal terbang] tu [itu] yang jatuh apeni [apa ini] (berfikir) kapal terbang tu [itu] kan ha macam tu [itu] lah.

Pelajar 2 : Oh, boleh Encik ceritakan perasaan Encik semasa tiba di operasi-operasi seperti Somalia? (00:50:20)

Encik : Mula operasi kat [dekat] Somalia ni [ini] perasaan cik memang takutlah.

Pelajar 2 : Takut eh?

Encik : Hmm mula-mula takut, sampai-sampai jejak kat [dekat] tanah dia kat [dekat] Somalia ni [ini] memang acik takut sebab mula-mula kita taktau [tidak tahu] sampai sana malam. Apabila sampai malam keadaan dia padang pasir, *airport* [lapangan terbang] pulak [pula] kan, memang bergegar, memang perasaan takut ishh bermain dalam kepada otak kita ni [ini] tapi kita dah [sudah] dilatih askar ni [ini] kena berani juga lah, kena tempuh macam mana pun. kena tempuh jugalah. **(00:50:54)**

Pelajar 2 : Oh macam mana lokasi tersebut arr adakah padang pasir ataupun bangunan kat [dekat] dekat Somalia tu [itu]? (00:51:01)

Encik : Kat [dekat] dekat Somalia ni [ini] dia padang pasir.

Pelajar 2 : Padang pasir?

Encik : Ha, bangunan pun ada tapi kebanyakan bangunan semua kosong sana, sebab sana negeri perang kan, apabila perang orang tak [tidak] berani duduk dalam bangunan, dia buatlah rumah-rumah pakai kayu-kayu ni [ini] buat macam *dorm* [bilik asrama] tu [itu] kan, ha macam tu [itu] lah rumah dia, yang betul-betul yang duduk [duduk] dekat bangunan ni [ini] kita lah, askar Malaysia lah dengan rakyat, tentera-tentera lain kan sebab kita dekat di atas bukit kalau lain, bangunan memang banyak, bangunan memang banyak kat [dekat] Somalia ni [ini] padang pasir macam mana dia-dia-dia minyak dia, sana minyak. Minyak macam apa ni [ini] [berfikir] petrol apa semua ni [ini] kan. Kuasa nak [hendak] berebut kita kena jaga pulak [pula] minyak tu [itu], kilang minyak tu [itu]. Dua puluh empat [24] jam kita kena jaga takut orang ambik, bom, kita duk [duduk] tengah-tengah selamatkan.
(00:51:56)

Palajar 1 : Arr adakah Encik bertemu dengan pemberontak, maksudnya berdepan? (00:52:06)

Encik : Okey semasa perperangan arr kena *contact* (counter attack) arr komando tu [itu] kami telah berjumpa, acik telah berjumpa gang-gang ni [ini] memang bengis lah kan ha, tapi kita macam mana dia bengis pun kita tetap lawan, tak [tidak] kira sesiapa pun kan, sebab yang terkorban tu [itu] adalah askar Malaysia, jadi kita ni [ini] sebagai sahabat-sahabat kena bantu lah kan, terpaksa juga lah setakat jumpa ni [ini] memang banyak kali berjumpa, berdamai pun ada mintak berdamai. Okey, jumpa dengan Panglima kita, puak ni [ini], puak ni [ini], puak ni [ini], dia nak [hendak] askar Malaysia duk [duduk] tengah-tengah puak ni [ini] pi [pergi] jumpa, semua ini semua pembesar-pembesar dia ni [ini] yang kira ada *power* [kuasa] lah. Okey puak ni [ini] satu, puak ni [ini] masa tu [itu] ada perjumpaan tiga [3] puak, anggota dia semua keliling ni [ini], okey masa tu [itu] saya ingat lagi saya bawak panglima saya empat bintang bawa masuk, bawak pi [pergi] masuk arr [berfikir] Datuk, masuk masa tu [itu] dia Datuk, Datuk Sri, “Datuk macam mana Datuk kita nak [hendak] masuk ke tak [tidak] masuk?” sebab masa tu [itu] dia kena *inform* [maklumkan] dekat saya sebab saya ketua kereta, “Datuk anggota dia dah [sudah] ramai ni [ini] budak dia ni [ini] dah [sudah] kepong kita”, “Takpa-takpa [tidak apa-

apa]” Datuk tu [itu] bagi tahu saya “Kita masuk juga sebab masa ni [ini] kita nak [hendak] berdamai kalau kita, kalau kita lari dia nampak kita takut, kita buat bodoh je” masuk, tapi *best* [terbaik] Panglima tu [itu] memang otak [tidak] dia *camp* [*champion*] (geliga), dia pandai main politik. Dia masuk-masuk, saya masa tu [itu] ada sepuluh [10] condor [kenderaan tentera] je [sahaja] saya ketua depan eh dia nombor dua [2] saya depan, saya bagi arahan kalau Datuk tu [itu] bagi tahu kita bergerak kita kena bergerak lah kan ada kawasan tu [itu], kawasan tu [itu] dia kawasan memang tak [tidak] ada bangunan, dia tak [tidak] mau [mahu] bangunan, yang pemberontak-pemberontak ni [ini] dia nak [hendak] anggota saja [sahaja] yang ada, tapi tak [tidak] masuklah. Pembesar-pembesar yang ada, panglima kita tak [tidak] kan nak [hendak] masuk sorang-sorang pakai keretakan, mesti pakai condor [kenderaan tentera] dia pun nak [hendak] jaga keselamatan diakan dengan komando kita, komando kita dah [sudah] sampai dah [sudah], memang *sniper* [penembak jarak jauh] memang *standby* [siap sedia] dah [sudah] memang apa yang berlaku pun pada hari tu [itu] pun memang *sniper* [penembak jarak jauh] akan belasah punya, kan, memang panglima dah [sudah] bagitahu dah [sudah] “Apa yang berlaku pada saya sebenarnya belasah, jangan pikir apa dah [sudah]”. Ha masuk-masuk kawasan tu [itu], sapp jumpa dengan pemborontak-pemborontak ni [ini] lah, memang bengis, memang muka macam ni [ini] lah, macam biasalah kan macam lanun lah kan cengih-cengih [garang] semua kan dengan jambang dia, dengan, hmm memang tutup dia ha badan pun besar-pesar tinggi-tinggi kita orang Malaysia je [sahaja] yang pendek. (00:54:44)

Pelajar 2 : Haha (ketawa).

Encik : Kecik-kecik, dia semua besar-besar. Pastu [selepas itu] jumpa, pastu [selepas itu] “Okey panglima kita dah [sudah] sampai dah [sudah] Datuk”, okey Datuk pun kata, “Okey tak pa [tidak mengapa], yang lain *stay* [tinggal/kekal] dalam kederaan”, *standby* [siap sedia] aje [sahaja] dia ada satu *button* [butang] bagi kat [dekat] saya kalau dia tekan *button* [butang] tu [itu] contoh kalau ada apa-apa berlaku, dia akan tekan *button* [butang] tu [itu], masa tu [itu] Ark dia panggil saya Ark kan “Ark kalau betul-betul apa berlaku ni [ini] aje [sahaja] saya tekan *button* [butang] ni [ini], ni [ini] button [butang] kat [dekat] luar satu” ,dia bagi kat [dekat] saya satu. “Kalau berlaku apa-apa dengan saya ni [ini] engkau belasah aje [sahaja],

kalau saya tekan ni [ini], nyala api ha itu saya yang bagi isyarat, teruskan”. Ish saya punya kepala (monolog dalaman) kalau saya belasah dia, dia di depan kita dia pun mati juga ni [ini] kan, ha pastu saya tanya “Datuk macam mana ni [ini]?”, “Takpa [tidak apa-apa], ini arahan daripada saya, kalau saya tekan button [butang]...”. Button [butang] dia kecil [kecil] tau [tahu] macam *remote* [alat kawalan] tu [itu] *remote* [alat kawalan] kereta tu [itu]. (00:55:36)

Pelajar 1 : Ha ha (mengiyakan).

Encik : Ha tapi dia keluar, dia keluarkan api menyala lah maksud saya menyala “Kalau apa pun berlaku dengan saya, saya tekan button [butang] ni [ini], teruskan”. Ha saya pun maklum dengan dia “Okey Datuk, Datuk pi [pergi] yang lain kami *standby* [siap sedia] tapi saya dengar lah dia-dia masa tu [itu] dekat kereta saya dia ada macam arr 2 I/C [Penolong Pegawai Memerintah], 2 I/C ni [ini] kira macam pembantu dialah [panglima], apa-apa yang berlaku dengan dia [panglima], dia [2 I/C] ambil alih lah, dia-dia [2 I/C] tak [tidak] keluar, dia [2 I/C] ni [ini] tak [tidak] keluar sebab Datuk saya, Datuk tu [itu] bagi tahu “Okey hang [2 I/C] jangan keluar hang [2 I/C] duduk dalam kereta hang [2 I/C] dengan ni [Ark] dalam keta [kereta] ja [sahaja], apa-apa yang berlaku nanti saya akan ni [ini] kan (beritahu)”. Dia pun sembang, sembang-sembang-sembang, jumpalah tiga orang pengganas ni [ini], yang puak-puak ni [ini], puak ni [ini] nak [hendak] ambik jugak Somalia “Saya nak [hendak] jadi Menteri, dekat Somalia ni [ini]” “Ehh *no* [tidak] *no* [tidak] saya jugak”, *last-last* [akhir] sampai sekarang lah, sampai saya keluar tu [itu] sap-- tak [tidak] ada permilihan di buat pada tu [itu], balik pada tu [itu] panglima pu-- otak dia pandai, dia panggil gang-gang budak-budak Somalia ni [ini] lah, orang kampung ni [ini] masuk dalam kem, dia pilih untuk menjadi polis, polis dia lah, ditubuhkan, jadi dia bagi seragam ha panglima saya ni [ini], “Okey balik ni [ini] oi Ark hang [kamu] tentu kan ada tiga puluh [30] orang budak ni [ini] budak-budak Somalia ni [ini] dia akan masuk kita akan pilih untuk jadi polis, untuk sementara waktu ni [ini]”. Kami pun seronok lah, kira pos depan tu [itu] nak [hendak] masuk kat [dekat] depan kem tu [itu] bukan budak kita dah [sudah] orang Malaysia, orang dia dah [sudah] tapi dia kena betul jujur lah kan ha tapi memang *straight* [tegas] lah. Gaji sehari satu [1] *dollars* [mata wang]. Kita... (00:57:26)

Pelajar 1 : Gaji sama dengan tentera Malaysia lah?

Encik : Dak-dak [tidak-tidak]. Kita sehari seratus [100] (*dollars*).

Pelajar 1 : Oh

Encik : Dia sehari satu [1] *dollars* [mata wang], makan dia bagi makan, makan *free* [percuma], mandi, tidur apa semua ni [ini] kan dia bagi, tugas dia *guard* [kawal] je, *guard* [kawal] depan, jadi dia sebab masa kita dengan dia kita tak [tidak] faham nak [hendak] apa tsk (berfikir) contoh dia nak [hendak] bercakap ni [ini] dengan dia kan macam dia tak [tidak] pe [apa] lah kan dia orang situ kan, orang-orang Somalia jadi dia-dia boleh bercakap, ha jadi senang lah kan. Dia, kem saya ni [ini] arr Universiti Mogadishu ni [ini] depan jalan tu [itu] jalan besar, dia dekat sini dia panggil marketing-market [pasar], market [pasar] ni [ini] maksud dia pasar lah orang juai [jual] unta lah, kambing lah jadi ramai kat [dekat] situ, ha jadi apabila, dia kat [dekat] sini kat [dekat] depan saya ni [ini] dia ada pos. Pos kiri kanan tu [itu] kan ha jadi kiri kanan boleh tengok, arr memang besi lah dia tak [tidak] boleh masuk lah orang Somalia ni [ini], dia pandai kan, bahasa dia, dia tahu lah apa yang berlaku kita ja [sahaja] tak [tidak] tahu kan. (00:58:29)

Pelajar 2 : Haha (ketawa).

Encik : Tapi urh (mengeluh) memang Somalia ni [ini] saya *surrender* [menyerah] kalau dia suruh pi [pergi] lagi saya tak [tidak] mau [mahu] dah [sudah] urh (mengeluh) memang teruk seksa dia. (00:58:38)

Pelajar 1 : Kalau arr operasi lain Encik ada bertemu dengan pemberontak ataupun pengganas? (00:58:44)

Encik : Okey dekat semenanjung ni [ini] saya tak [tidak] pernah jumpa lagi lah, semenjak saya dalam macam saya berkhidmat lagi lah kan, semasa saya berkhidmat lagi hanya yang saya jumpa *food dam* [empangan makanan]. Okey

Pelajar 1 : Gaji sama dengan tentera Malaysia lah?

Encik : Dak-dak [tidak-tidak]. Kita sehari seratus [100] (*dollars*).

Pelajar 1 : Oh

Encik : Dia sehari satu [1] *dollars* [mata wang], makan dia bagi makan, makan *free* [percuma], mandi, tidur apa semua ni [ini] kan dia bagi, tugas dia *guard* [kawal] je, *guard* [kawal] depan, jadi dia sebab masa kita dengan dia kita tak [tidak] faham nak [hendak] apa tsk (berfikir) contoh dia nak [hendak] bercakap ni [ini] dengan dia kan macam dia tak [tidak] pe [apa] lah kan dia orang situ kan, orang-orang Somalia jadi dia-dia boleh bercakap, ha jadi senang lah kan. Dia, kem saya ni [ini] arr Universiti Mogadishu ni [ini] depan jalan tu [itu] jalan besar, dia dekat sini dia panggil marketing-market [pasar], market [pasar] ni [ini] maksud dia pasar lah orang juai [jual] unta lah, kambing lah jadi ramai kat [dekat] situ, ha jadi apabila, dia kat [dekat] sini kat [dekat] depan saya ni [ini] dia ada pos. Pos kiri kanan tu [itu] kan ha jadi kiri kanan boleh tengok, arr memang besi lah dia tak [tidak] boleh masuk lah orang Somalia ni [ini], dia pandai kan, bahasa dia, dia tahu lah apa yang berlaku kita ja [sahaja] tak [tidak] tahu kan. (00:58:29)

Pelajar 2 : Haha (ketawa).

Encik : Tapi urh (mengeluh) memang Somalia ni [ini] saya *surrender* [menyerah] kalau dia suruh pi [pergi] lagi saya tak [tidak] mau [mahu] dah [sudah] urh (mengeluh) memang teruk seksa dia. (00:58:38)

Pelajar 1 : Kalau arr operasi lain Encik ada bertemu dengan pemberontak ataupun pegganas? (00:58:44)

Encik : Okey dekat semenanjung ni [ini] saya tak [tidak] pernah jumpa lagi lah, semenjak saya dalam macam saya berkhidmat lagi lah kan, semasa saya berkhidmat lagi hanya yang saya jumpa *food dam* [empangan makanan]. Okey

bekas-bekas dia tahun 1986-'87 [1987] saya dah [sudah] masuk operasi dah [sudah], saya jumpa dah [sudah] okey, orang saya tak [tidak] pernah jumpa lagi macam komunis ni [ini] tapi arr bekas-bekas dia, *camp-camp* [kawasan-kawasan perkhemahan] dia, *food dam* [empangan makanan] dia saya pernah jumpa mana-mana tempat ada, kubu dia, okey. Dekat arr (berfikir) apa ni [ini] (berfikir) Thailand dengan Malaysia kat [dekat] Kem Gubir dia ada satu kawasan ni [ini] dia ada terowong dia boleh tembus masuk dekat Thailand okey. (00:59:33)

Pelajar 2 : Laluanlah?

Encik : Laluan, ha itu dulu punya gang la, komunis dulu buat. Saya telah masuk, satu platun saya masuk sana sampai lah kat [dekat] Siam tapi masuk sampai kat [dekat] Siam aje [sahaja] hanya *just* [sekadar] kita kat [dekat] pintu [itu] dia kan kita tengok, memang tembus. Ha dia ada gua ada laluan dia buat tak [tidak] tau [tahu] lah berapa lama dia buat tak [tidak] tau [tahu] lah kan tapi ada laluan, bawah tanah tembus, ha situ saya jumpa makan paling banyak, minyak masak, beras, semua ambik, semua ambik. *Information* [maklumat] yang tu [itu] kita bagi kat [dekat] Risik, Risik yang main peranan, kita tak [tidak] tahu. (01:00:01)

Pelajar 2 : Oh ho (ketawa).

Encik : Kalau setakat *booby trap* [jerangkap samar] ni [ini] kita dah [sudah] *clear* [kosong/bersih], *clear* [kosong/bersih] sendiri jumpa *booby trap* [jerangkap samar] pijak tapp jangan angkat mampus meletup dengan kita-kita terbongkang. (01:00:19)

Pelajar 2 : Ha ha [mengiyakan]

Encik : Kita kena buang sendiri, gerudi sendiri, potong *wire* [wayar] dia, *check* [semak] *wire* [wayar] dia kat [dekat] mana, selalunya dia buat, komunis ni [ini] dia pandai, punca letupan dia satu [1], bahan letupan dia ada enam [6]. Pijak sini sana meletup, sana meletup, sana meletup. (01:00:37)

Pelajar 2 : Oh

Encik : Contoh dia askar ni [ini] selalu berjalan *straight* [lurus] satu-satu-satu barisan.

Pelajar 2 : Hmm [mengiyakan]

Encik : Dia tak [tidak] akan pecah sana pecah sana dia *straight* [lurus] contoh orang depan tak [tidak] pijak

Pelajar 2 : Ehem [mengiyakan]

Encik : Orang belakang pijak, depan meletup, mampus. Punca letupan dia satu [1] aje [sahaja] tetapi dia buat berbagai-bagai, kita pijak meletup, kita tarik meletup, kita lepas meletup. Semua acik tengok dah [sudah] pernah lalui dah [sudah] jumpa bagai-bagai. **(01:01:09)**

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Dia pakai bateri tau, bateri harimau tu [itu] apa Eveready?

Pelajar 2 : Ha Eveready.

Encik : Dia ada enam [6] biji, dia balut enam [6] biji tu [itu] dia bubuh [letak] tar, masih lagi berfungsi. Punca letupan dia, dia buat *style* [kaedah] macam tsk (berfikir) besi macam tu [itu] lah lepastu [selepas itu] dia klip, dia masuk dalam *straw* [penyedut air] tu [itu] kan.

Pelajar 2 : Hmm (mengiyakan).

Encik : Dia tekan pastu [selepas itu] tapp macam tu [itu] meletup, tarik itu pun meletup. Kalau kt Gubir ni [ini] kalau cerita sampai sekarang ni [ini] lah. **(01:01:34)**

Pelajar 2 : Ha

Encik : *Booby trap* [jerangkap samar] tak [tidak] akan habis.

Pelajar 2 : Tak [tidak] akan habis?

Encik : Tak [tidak] kan, masih lagi. Erhhh (sendawa)

Pelajar 1 : Okey, erm siapakah golongan yang terlibat melakukan keganasan ni [ini]? Adakah lelaki je [sahaja]? (01:01:57)

Encik : Okey, kalau dekat [berfikir] Somalia ni [ini]

Pelajar 2 : Ehem (menanyakan)

Encik : Semua lelaki.

Pelajar 2 : Semua lelaki?

Encik : Semua lelaki, takda [tidak ada] kita tengok orang kata orang perempuan yang menembak kan macam contoh kita tengok kt TV [televisyen] ni [ini] kan.
(01:02:10)

Pelajar 2 : Hmm

Encik : Yang bawak senjata, tapi semasa saya terlibat setahun kan dekat Somalia ni [ini].

Pelajar 2 : Hmm

Encik : Tak [tidak] de [ada] jumpa lagi orang perempuan

Pelajar 2 : Tak [tidak]

Encik : Semua orang lelaki.

Pelajar 1 : Arr golongan yang terlibat menyertai operasi ni [ini] arr siapa ja [sahaja]? Lelaki? Perempuan? (01:02:27)

Encik : Okey, ha dia perempuan pun ada sebenarnya tapi tak [tidak] banyak lah maksud saya macam *medical* [rawatan], *medical* [rawatan] ni [ini] perubatan, ada juga perempuan, pegawai perempuan kan, kebanyakan sekarang ni [ini] semua pegawai-pegawai perempuan pun ada kan? Jadi ditumpangkan, aset contoh dia 7 Renjer, okey JLJ [KJLJD - Kor Jurutera Elektrik Dan Jentera Diraja] dia ada Semboyan arr dia ada perempuan juga, KAGAT [Kor Agama Angkatan Tentera] dia ada juga, ustazah dia panggil ustazah, kalau lelaki dia panggil ustaz, kalau perempuan dia panggil ustazah okey, ha kalau contoh arr *medical* [rawatan] ada perempuan tapi dia panggil Pranita, ha kalau perempuan kalau dalam askar ni [ini] dia panggil Pranita, melainkan askar wataniah. (01:03:18)

Encik : Dulu masa sepuluh Briged para, dia ada tubuhkan okey, yang masuk masa tu [itu] sepuluh anggot-- sepuluh [10] orang aje [sahaja] perempuan tapi yang sekarang ni [ini] dia takde [tidak ada] lah, tapi yang betul-betul kalau ada perempuan pun, askar wataniah *yes* [iya/betul], dia mesti ikut. Pi [pergi] Somalia ke, pi [pergi] Bosnia ke dia ikut. (01:03:42)

Pelajar 2 : Kena ikut eh?

Encik : Kena ikut.

Pelajar 1 : Aaa apakah penyebab utama golongan pengganas tersebut arr melakukan keganasan. (01:03:52)

Encik : Ni [ini] semasa kat [dekat] Somalia lah ni [ini]

Pelajar 1 : Ha

Encik : Okey. Semasa kat [dekat] Somalia ni [ini] yang berlaku keganasan ni [ini] adalah merebut kuasa. okey. Merebut kuasa untuk mengambil alih pemerintahan. Okey setiap orang kat [dekat] sana dia ada tiga [3] puak, tiga [3] puak yang paling kuat dekat Somalia ni [ini] dia merebut kuasa macam kita lah kuasa kerajaan kan bila dia sorang jadi tiap-tiap puak ni [ini] dia nak [hendak], jadi apabila seseorang tu [itu] dia nak [hendak] jadi kan tunjukkan kuasa dia lah kekuatan dia. Ha tu [itu]

punca peperangan tu [itu] berlaku dekat Somalia ni [ini]. Sampai sekarang ni [ini] kita tengok kat [dekat] TV [televisyen] berlaku lagi. (01:04:31)

Pelajar 2 : Berlaku lagi?

Encik : Berlaku lagi, tak [tidak] aman.

(Pause)

Pelajar 2 : Arr adakah pasukan Encik bertemu dengan pihak pengganas ketika Operasi Somalia? (01:04:48)

Encik : Ha tu [itu] memang betul lah memang ada, pengganas ni [ini] memang ada. Masa berlakunya pertempuran tu [itu] Okey. Masa acik bagitau [beritahu] tadi kan.

Pelajar 2: Ha.

Encik : Arr kita punya anggota iaitu unit komando.

Pelajar 2: Ha.

Encik : Kita dah [sudah] berjumpa dengan dia memang kita belasah habis habisan lah. Lepas tu [itu] satu lagi semasa condor [kenderaan tentera] kita kena tembak dengan RPG [*Rocket-propelled grenade*] kita ada juga masa tu [itu] berlaku. Okey kita juga menyelamatkan dia. Masa tu [itu] takde [tiada] belas kasihan dah [sudah]. Pasai [pasal] marah pun pasai [pasal] semua boleh jadi. (01:05:21)

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Semangat tu [itu] kena ada, semangat perjuangan kita ada, tak de [tiada] takut dah [sudah] masa tu [itu] memang habis-habisan kita bagi dia, pengganas memang habis semua .

Pelajar 2 : Sebelum ni [ini], sebelum kita jumpa ni [ini] pakcik ada cerita yang komando pakcik arr Encik apa terpijak periuk api? (1:05:38)

Encik : Ya betul.

Pelajar 2 : Encik ceritakan?

Encik : Masa tu [itu] saya operasi kat [dekat] Gubir, Okey. Arr (berfikir) *incharge* [bertanggungjawab] saya , masa tu [itu] saya Prebet lagi,

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Ehh saya lah, *no* [tidak] saya Lans Koperal dia Koperal,

Pelajar 2 : Ha

Encik : Dia masa tu [itu] dia buat tinjauan, tinjau ni [ini] adalah orang yang mula-mula bergerak dulu, dia dipanggil kumpulan tinjau masa tu [itu] dia Koperal, kalau ikut Koperal dia duk [duduk] belakang tapi dia takmau [tidak mahu], Okey. Koperal saya tu [itu], “Okey tak [tidak] pe [apa] saya bergerak dulu”. “Takpalah [tidak mengapa] Koperal, okey Koperal bergerak dulu pergi depan saya belakang”. Okey, dalam setengah jam camtu [macam itu] bunyi letupan “bom” [letupan bom] depan. Okey, rupanya *incharge* [bertanggungjawab] saya lah pijak *booby trap* [jerangkap samar] ni [ini] tapi Alhamdulillah lah sebab dia orang Sarawak kan, ilmu batin dia kuat daripada saya, kalau saya kena habis lekat [sangkut] atas pokok semua kan (ketawa).

Pelajar 2 : Hahaha (ketawa)

Encik : (Ketawa), dia sendiri, dia sendiri apabila kami cari dia tak [tidak] jumpa dia lekat [sangkut] atas pokok dengan beg terabur kemana kami sangka dia mat--meninggal dah [sudah] sebab *booby trap* [jerangkap samar], dia *booby trap* [jerangkap samar] ni [ini] contoh dia kita pijak sini [ini] dia (berfikir) tiga puluh lima [35] meter je [sahaja] bahan dia, dia meletup macam tu [itu], jadi yang lain ni [ini], kita tak [tidak] kena lah, mana yang dekat dengan dia sahaja yang kena. Meletup dengan dia-dia melambung melekat kat [dekat] atas pokok, kami cari *incharge* [bertanggungjawab] panggil dia “Koperal-Koperal-Koperal” tengok-tengok Koperal duk [duduk] atas, kami langut [lihat atas] dia, dia turun-turun gabuih [bersihkan] ja [sahaja], ha power [kuasa] tak [tidak] power [kuasa] ilmu dia kan kalau kita kan.

Pelajar 2 : Haha

Encik : Masa tu [itu] saya Lans Koperal saya banyak mengajar (belajar) dengan dia, ambik ilmu dia, masuk hutan dia dah [sudah] bagitau [beritahu] dah [sudah] semua barang pucuk-pucuk ni [ini] boleh makan tapi kita kena hidu tengok, dia punya getah. Ha dia lah yang ajar saya takat [setakat] makan ular sawa ni [ini] katak ni [ini] biasa dah [sudah] dalam hutan ni [ini] dan dia lah yang ajar ilmu kepada saya, dia turun-turun dia bagitau [beritahu] kat [dekat] saya “Jangan bergerak duduk tempat asal jangan bergerak” . Dia turun dia ambik pisau dagger dia tu [itu] dia gerudi cari *grenade* [bom], tiga [3] biji jumpa balik. Cari bahan punca betul, bateri dia putuskan bateri dia. Bateri dia kalau kita cas kita boleh tahu dia boleh fungsi lagi, kita sambung dengan radio ja [sahaja]. (01:07:57)

Pelajar 2 : Oh (teruja).

Encik : Radio boleh hidup. Ha kuat tak [tidak] kuat radio-- bateri ni [ini] tahan lama. Tiga [3] tu-- arr ni (bateri) dia ambik semua. Ha tu [itu] lah masa tu [itu] lah bergegar pala [kepala] lutut masa tu [itu],

Pelajar 2 : Hahaha

Encik : Bergegar

Pelajar 2 : Hahaha

Encik : Kita baru *first time* [kali pertama] operasi jalan kena boobytrap [jerangkap samar] tu [itu] kan

Pelajar 2 : Ha (mengiyakan)

Encik : Tak [tidak] pernah lagi apabila berlaku depan kita, *incharge* [bertanggungjawab] kita pulak [pula] tu [itu]. Aishh kalau dia mati mampuih [mati] aku Lans Koperal, ni [ini] Koperal aku ni [ini], nak [hendak] kita minta bantuan lagi kena tunggu minta bantuan ha pastu [selepas itu] CO [Pegawai Memerintah] telefon err ni OC [Officer Commanding] saya telefon “Nak [hendak] hantar bantuan ke?”, “Takpayah [tidak mengapa]”. Ha *incharge* [bertanggungjawab] saya, Koperal tu [itu] lah dia orang Sarawak, cakap pun pelat Sarawak dia kan

Pelajar 2 : Ehem (mengiyakan).

Encik : Memang kaw [pekat] punya Sarawak, Iban ni [ini]. Dia bagitau [beritahu] “Tak [tidak] payah Tuan, saya okey, saya okey” dia tanya tak [tidak] payah. ”Kita akan bergerak, saya akan gerakkan, seksyen saya bergerak terus”. Okey-okey-okey, bergerak terus lah . Ha tu [itu] yang saya legakan tengok, memang power [kuasa] dia.

Pelajar 2 : Hmm (mengiyakan).

Encik : Memang betui [betul], setakat tangkap binatang ni [ini] jerat-jerat ni [ini]. Hmm jerat kijang apa semua dia ajar.

Pelajar 2 : Oh (teruja).

Encik : Kita ni [ini] tengok betul-betul tengok dia macam mana dia buatkan, dia pakar. Sarawak besalah [biasalah]

Pelajar 2 : Ha betul.

Encik : Bab-bab hutan ni [ini].

Pelajar 2 : Tempat dia (ketawa).

Encik : Tempat dia. (01:09:17)

Pelajar 1 : Adakah Encik menyaksikan adegan tembak menembak semasa berada di lokasi operasi?(01:09:26)

Encik : Okey, menembak, tembak-menembak ni [ini], kalau saya kat [dekat] Somalia ni [ini] adalah, okey. (ketawa) sebab saya *inchange* [bertanggungjawab] masa tu [itu].

Pelajar 2: Hmm (mengiyakan)

Encik : Okey. *Inchange* [bertanggungjawab] arr (berfikir) *escort* [iringi], bahagian *escort* [iringi] punya, ha tembak-menembak ni [ini] memang mainan tiap-tiap hari lah. Hanya kita sahaja, sebab kita datang bukan operasi kita dibaw-dibawah PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] ni [ini]

Pelajar 2 : Ehem (mengiyakan)

Encik : Untuk mengaman jadi kita nak [hendak] lepaskan tembakan ni [ini] kita kena tunggu arahan dari pihak atasan. Jadi setakat tembak-menembak ni [ini] memang. Kalau saya duk [duduk] setahun kat [dekat] situ memang tiap-tiap hari.

Pelajar 2 : Oh

Encik : Tiap-tiap hari, ni-- kalau kat [dekat] Somalia lah. Kalau kat [dekat] dekat Semenanjung kita kat [dekat] Malaysia kita ni [ini] tak [tidak] pernah lagi lah.(01:10:13)

Pelajar1 : Arr adakah ahli pasukan Encik yang tercedera dalam operasi tersebut?(1:11:43)

Encik : Operasi masa acik dekat Somalia ni [ini] lah?

Pelajar 2 : Ha (meniyakan)

Encik : Okey yang pertama sekali arwah tu [itu] lah (Komando), yang kedua tu [itu] Koperal Adam. Okey, yang lain-lain tu [itu] dia tembak sama juga, pastu [selepas itu] kop-- Lans Koperal Ahmad dia 7 Renjer. Masa tu [itu] petang dia main takraw eh *no* [tidak] bukan main takraw, main bola tampar, peluru mortar . dia datang, punca letupan dia ni [ini] kalau ikut dia peluru mortar ni [ini] dia depan tau [tahu], okey. Contoh dia, dia-dia-dia meletup dia keluar ni [ini] punca letupan dia di depan ni [ini].

Pelajar 2 : Ehem (meniyakan).

Encik : Kalau depan ni [ini] dia kena sesuatu dia akan meletup

Pelajar 2 : Oh (teruja).

Encik : Tapi masa tu [itu] masa meletup baik, saya duk [duduk] kat [dekat] tepi tu [itu]

Pelajar 2 : Ah ha

Encik : Saya nampak dah [sudah] sebab padang pasirkan saya tengok dah [sudah],
“Apa menatang [benda] berasap ni” [ini] menghala kat [dekat] kita ni [ini].

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Kami pun tengok berenti [berhenti] *stop* [berhenti] main bola tampar tengok
menantang [benda] apa datang tu [itu] “shuhhhhhh pop” berhenti kat [dekat] kami,
peluru mortar

Pelajar 2 : Ha ha (meniyakan).

Encik : Nasib tak [tidak] meletup, kalau meletup dengan kami-kami terbongkang
[terbaring] (ketawa).

Pelajar 2 : Hahaha

Encik : Angkat peluru mortar tu [itu], arr masa tu [itu] saya ingat lagi, arr Sarjan
saya, Sarjan situla [di situ lah] dia bagitau [beritahu] “Jangan sentuh depan ni [ini]”.

Pelajar 2 : Hmm (mengiyakan).

Encik : Dia bahagian jurutera Sarjan tu [itu], “Encik, Encik jangan angkat, angkat
tu [itu] pegang belakang takpa [tidak mengapa] lah pegang dia punya hat [dekat]
macam hat [dekat] angkal-angkal tu [itu] kan, bintang tu [itu] kan, angkat situ takpa
[tidak mengapa] jangan sentuh yang depan tu [itu] ja [sahaja], depan tu [itu] kalau
Encik sentuh memang jalan”. Tu [itu] saya tau [tahu] tu [itu],

Pelajar 2 : Ha (mengiyakan)

Encik : Saya tengok ada *spring* (dawai), Okey, angkat menatang [benda] tu [itu],
askar Malaysia memang berani, menatang [benda] tu [itu] pun dia angkat (ketawa).

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Kalau orang lain semua pakai robot “teekk” [bunyi robot] kita masa tu [itu]
perasaan takut jadi berani

Pelajar 2 : Oh (teruja).

Encik : Dekat Somalia ni [ini]. Bayangkan maghrib lepas sembahyang ni [ini]

Pelajar 2 : Hmm

Encik : Pi [pergi] naik atas bangunan pi [pergi] tengok peluru “shuhh shuhh shuhh” askar Malaysia (ketawa).

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : (Ketawa), berani tak [tidak] berani, ha tapi kalih [kalis] peluru tetap lah

Pelajar 2 : Ha kalis peluru?

Encik : Empat [4] kilo tiap-tiap hari kena bawak [bawa] dua [2] depan dua [2] kilo, belakang dua [2] kilo besi. (01:12:25)

(Menggeliat)

Pelajar 1 : Arr kalau dalam operasi lain ada tak [tidak] yang tercedera atau meninggal?(1:12:35)

Encik : Okey, semasa saya operasi, arr dekat Gerik, anggota saya kena hempap pokok,

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Malam masa tu [itu] saya sampai dalam jam lebih kurang pukul enam setengah [6:30] petang dalam gelap lah kan pastu [selepas itu] kami pun arr daripada pegawai saya okey, masa tu [itu] saya Sarjan, “Sarjan, kita *stand down* [rehat] jangan bergerak kita buat khemah dekat sini”, saya dah [sudah] arahkan tengok kawasan, semua pokok-pokok semuakan tapi benda nak [hendak] jadi pokok tumbang betul-betul kena kat [dekat] anak [hendak] buah saya “hempap terus” dengan khemah-khemah sekali penyek, ha tu [itu] pengalaman saya pertama lah. Yang kedua ni [ini] arr dia (berfikir), maksud dia-dia cuai lah dia tertembak sendiri.

Pelajar 2 : Tertembak, maksudnya?

Encik : Maksud acik ni [ini], dia nak [hendak] cuci senjata apabila dia nak [hendak] cuci senjata kelopak dia tak [tidak] bukak [buka].

Pelajar 2 : Ha ha okey (mengiyakan).

Encik : Okey, apabila kelopak tu [itu] dia cekah senjata kelopak ada peluru kena ada dalam tu [itu] peluru, peluru hidup bukan peluru *blank* [kosong], peluru hidup. Dia tak [tidak] kena, orang depan tu [itu] kena.

Pelajar 2 : Oh

Encik : Masa tu [itu] dia nak [hendak] cuci, cuci *settle* [selesai] lah kan, ha tu [itu] kecuaiian saya bagitau [beritahu] kecuaiian ni [ini]. Dia cekah-cekah, dia buat “gng” tu [itu] kena orang depan tu [itu]

Pelajar 2 : Oh (terkejut)

Encik : Tembus ni [ini] peha ni [ini], balik. Mintak [minta] bantuan balik tapi acik masa tu [itu], arr dia dengan pihak atasan je [sahaja] lah, dia punya kes lah kan, kita hanya buat laporan ja [sahaja], acik kena buat laporan saya dengan pegawai, pastu [selepas itu] komando kena buat laporan lah mengatakan cuai lah, tu [itu] ja [sahaja] lah, apa tindakan tu [itu] semua pihak atasan yang buat. Pastu [selepas itu] yang *booby trap* [jerangkap samar] ni [ini] yang tadi tu [itu] lah yang Koperal saya bagitau [beritahu] tadi.

Pelajar 2 : Koperal

Encik : Tapi banyakkann tempatlah kalau kawasan Gerik ni [ini] lintang ke mana kawasan yang pi [pergi] ni [ini] semua yang kena pun *booby trap* [jerangkap samar] askar Malaysia paling ramai yang kena *booby trap* [jerangkap samar]. Balik potong kaki “kang” [bunyi suara]

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Pasai [pasal] apa *booby trap* [jerangkap samar]. Balik ‘pap’ kena ranjau. Tau [tahu] ranjau apa dia? Ranjau ni [ini] dia mata tiga [3] tau [tahu], dia bubuh kayu macam tu [itu].

Pelajar 2 : Hmm.

Encik : Dia pacak arr apa ni [ini] ba-buluh dia tarik dia buh [letak] tali dia tarik dia lintang sini pacak sini, pacak sini, kita lalu saja [sahaja] “shuhh” tembus.

Pelajar 2 : Oh.

Encik: Hat [dekat] tu [itu] pernah berlaku tapi tak [tidak] mati lah, tak [tidak] mati tapi cacat, cacat seumur hidup sebab dia kena buah pinggang dia ni [ini] kan. Tembus ni [ini], buluh tu [itu] dia tebuk [tembus] bagi tajam dia ikat-ikat-ikat dia masuk macam tu [itu]. (1:15:22)

Pelajar 1 : Tapi bukan panah?

Encik : Hah?

Pelajar 1 : Bukan panah?

Encik : Bukan panah, dia-dia-dia ikat tarik camtu [macam itu] kan pastu [selepas itu] tali tu [itu], kalau kita langgar tali tu [itu] dia akan “shuuhh” mana yang lalu kenalah dia ikut menatang [benda] tu [itu] dia nak [hendak] buat dengan binatang, dia nak [hendak] buat binatang tapi kena dengan kita,

Pelajar 2 : Hmm

Encik : Peristiwa tu [itu] lah.(01:15:44)

Pelajar 2 : Okey, balik pada cerita Operasi Somalia, sebelum ni [ini] arr acik ada cerita tentang kepungan apa yang untuk hapuskan pemberontak tu [itu]. (1:15:53)

Encik : Ok

Pelajar 2 : Boleh Encik cerita kan macam mana situasi tu [itu].

Encik : Situasi tu [itu] bermula apabila acik dapat tahu arr daripada pihak atasan memberitahu kat [dekat] acik supaya mengambil anggota kita.

Pelajar 2 : Hmm

Encik : Arr okey pasukan komando di tempat kejadian okey. Pada jam lebih kurang lapan belas [18] macam itu lah, lapan belas kosong-kosong [18:00] dapat maklumat pukul tujuh [7] acik bergerak sampai sana dalam tujuh setengah [7:30] (petang) acik pun ambik mayat tu [itu] dan kepung lah kawasan tu [itu] apabila kita dah

[sudah] kepong dah [sudah] mayat tu [itu] semua dah [sudah] tujuh-tujuh [7] orang dah [sudah] jalan dah [sudah] dan takda [tiada] yang hidup, senjata-senjata dia, peralatan semua kena ambik [ambil]. Okey, radio set dia apa senjata semua kena ambik [ambil] melainkan kenderaan, kenderaan memang tak [tidak] boleh digunalah, kenderaan dia memang hancur habis kena dengan RPG [*Rocket-propelled grenade*] relai [hancur], relai [hancur] cik (ketawa)

Pelajar 2 : (Ketawa)

Encik : Relai [hancur] orang tapi, anggota saja [sahaja] yang saya tengok teruk lah

Pelajar 2 : Hmm

Encik : Staf Sarjan [Staf Sarjan] tu [itu]. (01:16:53)

Pelajar 2 : Ohh Sarjan

Encik : Arr dia pecah kepala, sebab peluru yang kami tengok tu [itu] dia masuk daripada depan ni [ini] dia keluar kut [melalui] ni [ini], dia tak [tidak] boleh nak [hendak] tembus sebab pakai, pakai helmet Nato tu [itu] kan.

Pelajar 2 : Ha helmet Nato.

Encik : Besi jadi apabila peluru tu [itu] dia tak [tidak] boleh pi [pergi] dia pusing balik, cabut ni [ini], relai [hancur] kepala atas ni [ini] pecah, ha ni [ini]. ha tu [itu] paling-paling saya teruk yang lain tu [itu] semua dada. (1:17:20)

Pelajar 2 : Dada

Encik : Depa [mereka] tembak kat [dekat] dada.

Pelajar 2 : Sepanjang operasi di Somalia di manakah Encik dan pasukan bermalam ? (1:17:25)

Encik : Okey, arr selalu dia lah kat-kat [dekat] Somalia ni [ini] pergerakkan dia macam operasi keluar

Pelajar 2 : Ehem (mengiyakan).

Encik : Daripada universiti tu [itu], dia takde [tiada] tidur dekat luar semua masuk dalam.

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Bergerak pagi contoh kosong tujuh kosong-kosong [07:00] bergerak pagi keluar, balik pun malam tujuh setengah [7:30] tu [itu] malam, dia takde [tiada] tidur kat [dekat] tempat-tempat. Habis sahaja operasi *clear-clear* [bersihkan] senjata apa semua, semua dalam kem, okey. **(01:17:51)**

Pelajar 1 : Kalau dekat operasi lain, arr dekat mana encik arr bermalam ? **(1:17:58)**

Encik : Operasi kat [dekat] mana tu [itu], maksud dia?

Pelajar 1 : Arr selain Somalia, arr Gubir.

Pelajar 2 : Gerik.

Pelajar 1 : Bosnia.

Encik : Ok, kalau dekat Bosnia ni [ini] pun sama juga, Bosnia saya pi [pergi] tahun arr '96 [1996] dia sama, dia yang kita tak [tidak] tahan ni [ini] adalah sejuk.

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Askar Malaysia ni [ini] memang tak [tidak] tahan sejuk sebab dia salji kan.

Pelajar 2 : Ha ha (mengiyakan)

Encik : Sama jugak dalam kawasan kem tu [itu]. Okey, macam acik daripada unit dulu condor [kenderaan tentera] orang memang dah [sudah] tau [tahu] dah [sudah] masa tu [itu] acik ada lesen condor [kenderaan tentera].

Pelajar 2 : Hmm-hmm (meniyakan).

Encik : Okey , mana yang pernah-pernah pi [pergi] condor [kenderaan tentera] kat [dekat] Somalia ni [ini] dia akan panggil balik tau [tahu] pergi bertugas. Ha setahun lebih acik kat [dekat] Malaysia ni [ini]. Tahun '94, '95 [1994, 1995] acik balik dah [sudah].

Pelajar 2 : Ehem (mengiyakan).

Encik : Setahun, okey, enam [6] bulan tahun ‘96 [1996] habis tu [itu], cuma masuk ‘96 [1996] awal bulan jugak [juga] ehh awai [awal] tahun,

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Awai [awal] tahun ‘96 [1996] acik balik masa tu [itu] cuti juga

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Benda nak [hendak] jadi ni [ini] cerita dia. Masa-masa acik nak [hendak] pi [pergi] Somalia acik cuti kat [dekat] kampung, dua [2] minggu kena balik tak [tidak] habis cuti, MP [Menteri Pertahanan] panggil, tugas balik, mesej. Tahun ‘96 [1996] awai [awal] tahun juga masa tu [itu] acik cuti juga balik kat [dekat] kampung dengan isteri dengan anak-anak, kena panggil, “Okey Encik” masa tu [itu] saya Koperal ehh Sarjan, ”Sarjan, kamu kena balik sekarang” (bunyi pelajar main ping pong). Okey, saya pun balik kat [dekat] unit, okey, *uturn* [berbalik] yang sama jugak bagitau [beritahu] kat [dekat] saya “Okey, hang [kamu] kena pi [pergi] kat [dekat] bos-- ni [ini] Somalia arr, ni [ini] Bosnia pulak”, hai

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Betul tak tau ni [atau tidak ini], “betui [betul], sebab kamu ada lesen kenderaan tu [itu](condor)”.

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Sebab dalam Malaysia ni [ini] dia kebanyakan orang kebanyakan pasir (permukaan muka bumi), orang tak [tidak] boleh bawa [bawa], jadi kita dah [sudah] lama duk [duduk] situ kita dah [sudah] tau [tahu] dah [sudah] kan tapi saya bagitau [beritahu] dia kat [dekat] Bosnia ni [ini] lain daripada Somalia, Somalia pasir, Bosnia salji ha sama lah jugak pasir dengan salji sama juga jalan dia tu [itu] perjalanan dia tu [itu], “Okey lah Tuan, dah [sudah] Tuan cakap macam tu [itu]”.
Terpaksa pi [pergi] lah kan,

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Dekat sana pun sama operasi dia, dia sana saya rasa aman, dekat Bosnia ni [ini]. Dia takde [tiada] tembak menembak hanya disana kita melainkan psychologi kita pakai mulut aje [sahaja], okey. Sembang dengan dia, cakap dengan dia, berjumpa dengan kawan-kawan ni [ini], buh [bubuh] kat [dekat] sini [ini] kan. Dia takde [tiada] kat [dekat] sana perang-perang takde [tiada] sana aman, Bosnia memang hanya kita tak [tidak] tahan sejuk jalah [sahajalah],

Pelajar 2 : Ha (mengiyakan).

Encik : Ha sejuk tapi sama juga pergerakan, sama juga daripada pagi kita keluar tujuh setengah [7:30] balik takde [tiada] yang tidur kat [dekat] luar, semua tidur dalam kem. melainkan Operasi Gubir. (01:20:37)

Pelajar 2 : Operasi Gubir

Encik : Operasi Gubir kita duduk, okey. Contoh kat [dekat] sini [ini] empat belas [14] hari, habis lesen empat belas [14] hari daftar lesen kita ambik kita *move* [bergerak] lagi, kita punya kawasan adalah dua belas [12] max square [ukuran], dua belas [12] max square [ukuran], satu [1] max square [ukuran] berapa? Seribu [1000] meter atas muka bumi. Kalau dua belas [12] max square [ukuran], bayangkan dekat peta tu [itu], ha ukurlah ikut peta

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Selama tiga [3] bulan nak [hendak] habis tu [itu] bergerak, bergerak takde [tiada] melalui kita *stop* [berhenti], habis empat belas [14] hari, empat belas [14] hari kita akan bergerak. Kalau lesen kita bawak dalam pack [pek] kita empat belas [14] hari tiga puluh [30] hari tiga puluh [30] kilo lah berjalan selama empat belas [14] hari. Habis empat belas [14] hari kita *stop* [berhenti] lesen habis dah [sudah] tak [tidak] kan kita nak bergerak dah [sudah], lokasi kita sampai kat [dekat] kawasan tu [itu] kita akan *move* [bergerak] bagitau [beritahu] kat [dekat] c-- OC [Pegawai Memerintah] tu [itu] “Okey Tuan, kita akan sampai kawasan ni [ini] kawasan ni [ini], ni [ini] Goldromius (kod rahsia) kita bagi”, heli [helikopter] akan sampai. Goldromius (kod rahsia) kita bagi tepat dengan kita, kedudukan kita kalau tidak heli [helikopter] tak [tidak] jumpa kita. (01:21:42)

Pelajar 2 : Ha betul-betul

Encik : Ha itu kena pakar, ha tu [itu] acik bagitau [beritahu] askar ni [ini] dia pakar *maps* [peta] dengan peta dengan kompas.

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Kemahiran peta dengan kompas kena dalam hutan dia kena mahir kalau tak [tidak] mahir dua-dua [2] jenis itu sesatlah kita.

Pelajar 2 : Sesat.

Encik : Kebulurlah kita.

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Kebulur tu [itu] memang tak [tidak] kubulur lah kan binatang banyak dalam hutan “tangg”.

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Sembelih boleh makan kan,

Pelajar 2 : Ha betul...

Encik : Tapi makanan-makanan lain tu [itu] kan. OC [Officer Commanding] akan tanya “Hai duduk kat [dekat] mana malam ni [ini]”, “Helo satu-satu [1:1] disini satu [1], anda kat [dekat] mana ni [ini], anda bagi sekarang Goldromius (kod rahsia) saya mau [mahu] ni”, kita pun bagi Goldromius (kod rahsia) dia pun *check* [semak] heli-- [helikopter] betul tak [tidak] betul, panggil heli [helikopter], heli [helikopter] akan *move* [bergerak], heli [helikopter] sampai.

Pelajar 2 : Hmm (meniyakan).

Encik: Heli [helikopter] akan bergerak bayangkan *power* [kuasa] tak [tidak] *power* [kuasa] OC [Officer Commanding]. OC [Officer Commanding] mintak [minta] sebijik heli [helikopter] yang tentukan kita ni [ini] betul tak [tidak] betul. Heli [helikopter] hantar, hantar lesen je [sahaja].

Pelajar 2 : Oh

Encik : “Teeeeett” ,”Pop” sampai lesen, “Helo satu-satu [1:1] disini satu [1] les-lesen dah [sudah] sampai dak [tidak]?”,”Dah [sudah] sampai Tuan” betui [betul]. Kalau dia tak [tidak] betui [betul], kalau tak [tidak] jumpa kita.

Pelajar 2 : Hmm habis.

Encik : Habis, ha itu saya, dalam askar ni [ini] kena peta dengan kompas kena memang kena wajib setiap anggota wajib kena tahu, kena pandai.(01:23:02)

Pelajar 2 : Okey-okey.

Pelajar 1 : Arr bagaimanakah tugas ni [ini] dibahagikan kepada pasukan Encik ? (1:23:12)

Encik : Okey, tugas-tugas yang diberi oleh arr acik ni [ini] maksud saya batalion lah kan

Pelajar 2 : Ehem-ehem (mengiyakan)

Encik : Okey, dia information [maklumat] dari Briged, Briged ni [ini] dia akan inform [maklumkan] bagi kat [dekat] batalion contoh dia ha macam sekarang contoh lah kan dalam Sungai Petani okey, Briged ni [ini] dia tengok Infantri apa yang ada yang terdekat okey, terdekat 4 Renjer. Semua utusan pergerakan operasi atas kepada Briged,

Pelajar 2 : Hmm.

Encik : Briged *announce* [beritahu] kat [dekat] kita. Briged panggil CO [Pegawai Memerintah], CO [Pegawai Memerintah] mesyuarat *discuss* [berbincang] apa semua bagi taklimat apa semua CO [Pegawai Memerintah] balik kat [dekat] unit sa-sa-, balik kat [dekat] unit *information* [maklumat] pulak [pula] bagi kat [dekat] OC-OC [Officers Commanding], OC-OC [Officers Commanding] bagi kat [dekat] Ketua Platun, Ketua Platun dengan saya. “Ok Jen, minggu depan kita akan

bergerak, kita dapat *information* [maklumat] yang ni [ini] dekat [dekat] sana”
contoh dia ada askar Siam masuk belah [sebelah] kita, ha kita kena pi [pergi].

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Askar Siam dia-dia pun tak [tidak] boleh masuk tempat kita salah. Saya pernah berlaku terserempak dengan askar Siam dia masuk ke sebelah kita tapi masa tu [itu] dia bukit tau [tahu], lereng bukit.

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Jadi sama-sama tak [tidak] nampak dia masuk sebelah sini,

Pelajar 2 : Hmm.

Encik : Acik masuk sebelah sini terserempak terdiam dua-dua,

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Tergamam.

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Tapi sebutir peluru pun ta-tak [tidak] keluar, acik tengok dia, masa tu [itu] ingat acik duk depan ingat lagi, acik tengok dia “*Stop* [berhenti]” kata kat dia yang depan pun *stop* [berhenti] tapi *standby* [siap sedia] lah kan, tengoklah sama-sama tengok dia pun tergamam macam tu sama-sama

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : *Go stand* [undur] (ketawa), sama-sama *go stand* [undur] tapi acik kena *inform* [maklumkan] balik dengan pegawai acik lah kan, okey bagitau [beritahu] dia. “Okey di Goldromius (kod rahsia) sekian ni kita telah jumpai...”, menjumpai askar ni [ini] Thailand lah

Pelajar 2 : Hmm.

Encik : sat [sekejap] gi [lagi] akan tanda-tanda apa semua. Sebenarnya kawasan tu dia sebenar kawasan yang kita operasi tu [itu] dia tak [tidak] boleh lepas dia kawasan dia, kita kawasan kita.

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Memang tak [tidak] boleh lepas tapi kadang-kadang biasa lah askar Thailand ni [ini] kan ada saja cari pasal masuk tempat kita ni [ini]

Pelajar 2 : Hmm-hmm (mengiyakan).

Encik : Tapi tak [tidak] pernah lagi lah tembak menembak, tak [tidak] pernah lagi.

Pelajar 2 : Tak [tidak] pernah lagi.

Encik : Tak [tidak] pernah lagi. (01:25:25)

Pelajar 2: Arr boleh saya tahu rakan sepasukan yang paling rapat dengan Encik sepanjang operasi? (1:26:47)

Encik : Okey, rakan yang paling baik, paling baik dengan saya skuad saya, okey nama dia Ahmad okey. Dia ni [ini] khusus pun sekali dengan saya, masuk tentera sekali dengan saya. *Whatever* [apa-apa sajalah] apa kursus pun sampailah dia menikah [berkahwin] saya pun datang saya, saya ape tu [apa itu] sebagai saksi dia, “Wei aku nak [hendak] menikah ni [ini] hang [kamu] jadi saksi aku [saya] lah”, “Okey jadi pengapit aku [saya] tak [tidak] mau [mahu] saksi takpalah [tidak mengapa] jangan pengapit gilalah kan”

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Jadi, ha tu [itu] memang paling kamcing [rapat] lah sampai sekarang ni [ini] saya, dia orang ni [ini] orang (berfikir) apa ni [ini] (berfikir) Alor Setar, dia duk [tinggal] Alor Setar, Anak Bukit nama dia Ahmad. Sorang [seorang] lagi dia orang lama sepuluh enam enam [1066] dia kira orang lama lah, dia senior daripada acik lagi kan ha tu [itu] pun *buddy* [rapat] juga, okey. Nama dia Tarmizi ha tu [itu], Ahmad satu [itu], Tarmizi yang ni [ini]. sket-- kalau tidur satu katil sebelah-sebelah katil masa bujang kan, masa tu [itu] acik bujang sekejap je sebenarnya, sembilan belas [19], dua puluh [20] [umur] acik dah [sudah] nikah [berkahwin] dah [sudah] kan lepas tu [itu] okey, tinggal depa [mereka] dua [2] orang tapi kadang-kadang

acik nak [hendak] bagi rapat kawan-kawan ni [ini] kan acik tidur kat [dekat] bilik bujang tu [itu] sembang-sembang dia kan ha tu [itu] lah. (01:26:46)

Pelajar 2 : Ok, sepanjang operasi tersebut yang Encik terlibat apakah tekanan yang dirasakan oleh encik? (1:26:52)

Encik : Okey, tekanan-tekanan kalau acik ni [ini] banyak lah, pada segi takut tu [itu] memang ada lah kan pastu [selepas itu] keluarga kita, kita kena ingat, memang teringat kadang-kadang macam acik operasi dekat Bosnia ke Somalia ke.

Pelajar 2 : Hmm.

Encik : Kena pulak perayaankan tekanan tu [itu] memang, takbir selalu takbir ni [ini] lah

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Setakat habis takbir tu [itu] kan belinang [mengalir air mata], mesti belinang [mengalir air mata] punya mesti belinang [mengalir air mata] air mata ingat kat [dekat] bini [isteri] kita, anak kita. Saya bagitau [beritahu] anak [hendak] saya tiga-tiga lahir didunia ni [ini] saya takde [tiada].

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Tiga-tiga anak saya takde [tiada]. Masuk tiga [3] bulan, anak saya dah [sudah] tiga [3] bulan, tiga [3] bulan ke empat [4] bulan saya rasa, saya baru balik, tu [itu] tekanan pada saya lah, tekanan masa operasi tu [itu] lah, yang lain tu [itu] tadak [tiada] apa lagi kan tapi kita ni [ini] dengan-dengan isteri kita ni [ini] kita dah [sudah] biasa, dia dah pun dia biasa dengan kita kan

Pelajar 2 : Ah ha (meniyakan).

Encik : kita dah [sudah] faham dengan dia tu [itu] lah. (01:27:56)

Pelajar 2 : Okey arr (berfikir) sebelum ke operasi tersebut jenis kelengkapan ketenteraan yang dibekalkan ketika operasi tersebut? Jenis-jenis . (1:28:05)

Encik : Jenis apa?

Pelajar 1 : Kelengkapan.

Pelajar 2 : Jenis kelengkapan ketenteraan.

Encik : Okey, setiap anggota sebelum dia masuk operasi, dia akan dibekalkan pertama sekali peluru, okey peluru sebanyak dua ratus lima puluh [250] butir kalau askar panggil “ Dua ratus lima puluh [250] *round* [pusingan]” lah. Okey, dua [2] biji *handgrenade* [bom tangan].

Pelajar 2 : Hmm.

Encik : Okey, makanan biasalahkan, makanan dibekalkan selama empat belas [14] hari lain-lain tu [itu] kita bawak [bawa] sendiri lah, (sendawa) lain-lain bawa sendiri, masak pun sendiri, minyak memang takde [tiada] lah hanya kita bawak sendiri. Itu masing-masing kena pandailah kalau nak [hendak] bawak ikan masin ke ikan kering ke apa lah masing-masing.

Pelajar 2 : Oh okey.

Encik : Bekalan tu [itu] selalu dibawa lah, kadang-kadang orang rumah kita ni [ini] dia buat sambal ikan bilis dia pek-pek tu [itu], ha tak [tidak] sampai sebulan pun kadang seminggu dah [sudah] habis dah [sudah],

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Sini sikit sana sikit. macam rokok lah, rokok okey masa saya, masa saya dulu arr rokok diberi, dia isu, rokok tu [itu] rokok dia panggil gold flake, pernah dengar tak [tidak]? Rokok gold flake ni [ini] dia ada tin macam ni [ini] kan dia katup [tutup]

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Dalam tu [itu] ada empat puluh [40] bungkus eh empat puluh [40] bungkus, empat puluh [40] batang ha dia katup [tutup] dalam tin tu [itu] dia ada tin tu [itu] macam *smoke grenade* [bom asap] kan, tau *smoke grenade* [bom asap] tu [itu] dia punya tabung tu [itu] bubuh situ gold flake masa dulu gold flake tapi kalau keluar memang tak [tidak] hisap lah kalau dalam hutan je [sahaja] hisap (ketawa).

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Dah [sudah] takda [tidak ada] rokok nak [hendak] hisap kan, lebih tu [itu] hisap rokok daun lah. Biasa lah rokok daun ni [ini] kita bawakan, rokok daun *save* [jimat] rokok daun lah. Gold flake tu [itu] memang rokok pertama sekali. Masuk tahun 2008 dah [sudah] takde [tiada] dah [sudah], eh *no* [tidak] bukan 2008, tahun 2000, tahun 2000 dah [sudah] takde [tiada] dah [sudah]. Tahun '86 [1986] saya operasi sampai lah tahun 2000, 2000 dah [sudah] takde [tiada] dah [sudah], rokok tu [itu] dah [sudah] tak [tidak] isu dah [sudah] masing-masing bawa, ha masing-masing “engkau nak [hendak] bawa, bawalah”, (ketawa) rokok daunlah (ketawa) yang paling murah pun kan.

Pelajar 2 : Haa betui [betul] (ketawa).

Encik : Dia ni [ini] dia *supply* [bekalkan] dia ada *queue* [beratur], *queue* [beratur] ni [ini] dia mentadbir barang-barang.

Pelajar 2 : Ha ah.

Encik : Okey, setiap anggota yang masuk operasi ni [ini] dia ada satu kertas tau [tahu] *queue* [beratur] ni [ini] bagi. Okey, ikan bilis berapa gram.

Pelajar 2 : Ada had tak [tidak]?

Encik : Ada had dia. (01:30:40)

Pelajar 2: Ada had tak [tidak]?

Encik : Ada had dia.

Pelajar 2 : Untuk setiap satu anggota?

Encik : Dak [tidak], sa-sa--. Okey, okey contoh dia macam ni [ini] dalam seksyen dia ada tujuh [7] orang. Okey dalam tujuh [7] orang tu [itu] dia bahagi pula masak, untuk masak ni [ini];

Pelajar 2 : Ha ha (mengiyakan)

Encik : Okey empat [4] orang dengan tiga [3] orang,

Pelajar 2 : Ha

Encik : Okey. “Hang [kamu] kumpulan ni [ini] hang [kamu] empat [4] orang”, “Hang [kamu] makan”, yang tiga [3] orang ni [ini], tiga [3] orang ni [ini] jadi *demand* [permintaan] satu [1] saja. *Demand* [permintaan] barang ni [ini] kan makanan, Okey, contoh dia kita *demand* [permintaan] apa kita nak [hendak] makan ikan bilis takkan ikan bilis kau nak [hendak] mintak [minta] sampai satu [1] kilo kan (ketawa).

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Agak-agak ja lah nak [hendak] makan kan, Okey arr apa ni [ini] cabai [cili] kering berapa gram, cabai [cili] kering hang [kamu] mintak [minta] sampai satu [1] kilo tu [itu] berguni sampai nak [hendak] mampos [mati] (ketawa).

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Kita yang nak [hendak] bawak [bawa] tu [itu], kita pikir [fikir], okey kita mampu bawak [bawa].

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Masa tu [itu] kita *move* [bergerak] tiap-tiap hari *move* [bergerak], habis bukak [buka] *hammock* [buaian], pasang *hammock* [buaian] malam tu [itu] petang tu [itu], pagi tu [itu] minum-minum sarapan pagi minum, masak teh apa semuakan makan roti biskut, biskut keras tu [itu].

Pelajar 2 : Hmm-hmm (mengiyakan).

Encik : Isu jugak, makan tu [itu] katup [tutup] balik bukak [buka] *hammock* [buaian], *hammock* [buaian] ni [ini] tempat tidur dia panggil, tempat tidur ni [ini] kan, Okey. Habis-habis bukak *hammock* [buaian] tu [itu] *move* [bergerak], okey

pegawai saya kata “Okey Ark bergerak kosong lapan kosong kosong [08:00] semua dah [sudah] bergerak siap dah [sudah] kita akan bergerak ke satu tempat pulak”. Takdea [tiada] yang kita, okey *standby* [siap sedia] takdak [tiada] ,semua bergerak, semua bergerak tempat lain pulak. (01:32:12)

Pelajar 1 : Arr berapakah jangka masa operasi tersebut? (1:32:23)

Encik : Okey jangka masa selalunya, yang acik selama acik berkhidmat lah tiga [3] bulan melainkan kalau kita pi [pergi] luar negeri. Okey kalau setakat operasi contoh dia pulaulah, balak ke, arr sempadan ke semua tiga [3] bulan.

Pelajar 2 : Semua tiga [3] bulan.

Encik : Melainkan operasi kita (dengan) PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] setahun, iaitu memang kepala kita, memang dah [sudah] *try* [cuba] dah [sudah] selama setahun kita nak [hendak] tinggal isteri kita dengan anak-anak ni [ini] jadi tekanan kena adalah kan , kita kena terima lah. (01:33:02)

Pelajar 2 : Bagaimanakah tragedi ni [ini] dapat dihidu oleh anggota tentera maksudnya operasi-operasi Encik lalui? (1:33:10)

Encik : Okey, operasi contoh dia kalau Bosnia, Somalia dihidu ni [ini] dia daripada PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) bangsa-bangsa bersatu Okey, *amount* [jumlah] semua Asia okey, mana yang sanggup menghantar askar-askar ni [ini] jadi Malaysia dia sanggup, okey Malaysia dia sanggup PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] okey, kita akan ikut PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu]. Apabila ikut PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] ni [ini] dia yang menentukan, Panglima kita lah, Panglima angkatan tentera ni [ini]. Panglima angkatan tentera ni [ini] dialah satu [1] dengan Menteri Pertahanan, Okey. Unit mana yang tak [tidak] pergi lagi, dia akan tengok ni [ini] dekat Malaysia ni [ini] unit mana yang tak [tidak] pernah pergi keluar, keluar luah-luar pada Malaysia ni

[ini]. Oh dia tengok “ 7 Renjer dah [sudah] pi [pergi] dah [sudah], takyah [tak perlu] pi [pergi], dia dah [sudah] pi [pergi] dah [sudah]. 19 Melayu dah [sudah] pi [pergi] dah [sudah] , tak [tidak] boleh pi [pergi]” , dia tengok unit mana tak [tidak] pernah pi [pergi] lagi tapi Infantri.

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Ha contoh dia *last* [akhir] saya, tujuh 7 Renjer, 7 Renjer tak [tidak] pernah pi [pergi] sebab dah [sudah] mekanice, dia keta [kereta] kebal apabila keta [kereta] kebal kita pi [pergi] dia, dia Infantri punya, Okey. “Bergerak 7 Renjer” , 7 Renjer satu kompeni [unit kecil] dia cukup tak [tidak] cukup, tak [tidak] cukup ambik *strength* [kekuatan] kutip batalion-batalion lain unit-unit lain ni [ini], buat pemilihan ha nasib pilih, kita tak [tidak] kata apa-apa nasib kita kan, daripada seribu [1000] orang lima ratus [500] orang ni [ini] tengok-tengok pilih kita, kita pun ikut, ha tu [itu] *information* [maklumat] dari atas kita tak [tidak] tau [tahu] yang main peranan dia Menteri Pertahanan dengan Panglima Angkatan Tentera ha dua [2] tu [itu]. Dia *information* [maklumat] mula-mula dapat sekali. (01:34:49)

**Pelajar1 : Arr apakah negara yang turut terlibat dalam operasi tersebut?
(1:34:56)**

Encik : Op-- ramai, banyak memang banyak seperti Indonesia, kita dah [sudah] tentu dah [sudah] kan, Indonesia, Afrika, Tunisia, okey, US [United State], US [United State] ni [ini] dia hantar askar wataniah sahaja, dia ada lambang dia tau [tahu] US [United State], tapi dia tak [tidak] panggil askar US [United State] dia, dia panggil askar wataniah dia -- (bunyi bising jeritan) dia masuk, dia masuk dengan kita, dia ramai banyak dia ada semua sekali masa acik dia ada dua puluh empat [24] negeri yang ikut.

Pelajar 2 : Oh

Encik : yang bersatu ni [ini].

Pelajar 2 : Ha ha (kagum)

Encik : Ha Kita lah yang paling ramai.

Pelajar 2 : Oh kita paling ramai, Malaysia paling ramai.

Encik : kita ditugaskan, PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] nak [hendak] [mahu] Malaysia.

Pelajar 2 : Oh

Encik : PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] okey, “ Tahun ni [ini] saya nak [hendak] PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] nak [hendak] Malaysia yang bertanggungjawab”, apa yang berlaku dalam tahun ni [ini].

Pelajar 2 : Okey.

Encik : Menteri-menteri Pertahanan dengan Panglima okey, setuju tak [tidak] setuju? Okey setuju, sapa [siapa] dia okey, dia akan pilih juga Panglima sapa dia yang empat [4] *star* [bintang], tiga [3] bintang ni [ini] empat [4] bintang berkaliber ni [ini] dia akan pilih untuk jadi disana, jadi ketua. Ha tu [itu] antara dia lah kan.

Pelajar 2 : Ha ha (meniyakan).

Encik : Kita taktau [tidak tahu] apa , kita pihak orang bawah ni [ini] kita ikut ja ha

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Ha kan, tu [itu] *level* [peringkat] dia lah, tu [itu] *level* [peringkat] dia.
(01:36:17)

Pelajar 1: Arr kesan operasi ni [ini] terhadap negara kita, Malaysia? (1:36:23)

Encik : Okey, okey ke-- apa yang saya dapat lah kesan dia Malaysia ni [ini] dengan, kalau saya pi [pergi] kat [dekat] Bosnia, Somalia la ni [ini]

Pelajar 2 : Hmm.

Encik : Kita ni [ini] mewah hidup mewah.

Pelajar 2 : Hidup mewah?

Encik : Hidup mewah. Kalau adik-adik pi sana adik-adik tahu lah macam mana kesengsaraan hidup kat [dekat] Somalia, sama kat [dekat] Bosnia. Memang miskin teramat kebuluran sampai nak [hendak] makan pun kita nak [hendak] bagi, memang teruk, memang dia punya negeri paling teruk. Kita ni [ini] mewah apa kita nak [hendak] kita boleh dapat. Kerja takde [tiada] mata wang habis *down* [turun] mata wang dia, mata wang beribu ribu tapi tak [tidak] boleh guna apa. **(01:37:13)**

Pelajar 2 : Tadak [tiada] nilai?

Encik : Tadak [tiada] nilai, sebab sana pun contoh dia dekat Somalia dengan Bosnia ni [ini] dia pakai *dollars* [mata wang], nilai *dollars* [mata wang] masuk tempat dia. Bayangkan nilai dia

Pelajar 2 : Hmm-hmm.

Encik : Dengan kita Malaysia RM [ringgit malaysia] berapa, maksud acik tiga ringgit enam puluh sen [RM3.60sen] satu [1] *dollars* [mata wang].

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Besar tak [tidak] besar nilai ha kat [dekat] Somalia. Apabila orang asing masuk tempat dia.

Pelajar 2 : Hmm.

Encik : Pekerjaan takde [tiada], sana dia hidup adalah macam kitalah nelayan, jual kambing, jual lembu, jual unta, sapa yang nak [hendak] beli. Yang nak [hendak] beli askar, askar dari unit-unit luar yang beli.

Pelajar 2 : Ehem.

Encik : “Weh aku [saya] nak [hendak] makan kambing arini [hari ini]”, beli beratus berapa *dollars* [mata wang], tiga ratus [300] *dollars* [mata wang] beli *cash* [tunai].

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Sehari seratus [100] *dollars* [mata wang] kena tiga [3] hari tak [tidak] tiga ratus [300] *dollars* [mata wang].

Pelajar 2 : (Ketawa). Betul juga.

Encik : Ha, sebulan? Apa nak [hendak] beli kat [dekat] situ, apa duit yang kita ada. Dalam Universiti Mogadishu yang jual. Dia, okey kedai ni [ini], kedai ni [ini], kedai ni [ini], kedai ni [ini], semua pakai US [United State], kita pun Malaysia pun ada, kita jual baju. US [United State] dia jual jam, baju-baju, alat-alat ketenteraan lah dia jual jam, *grenade* [bom] apa semua kasut semua *cap* [topi] semua dia jual, harga dia semua ti-- ratus-ratus

Pelajar 2 : Oh ho (teruja).

Encik : *Dollars* [mata wang]. Kita nak [hendak] tukar-- , sana rokok, ha ni [ini] acik nak [hendak] cita

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Rokok, rokok yang ada kat [dekat] sana rokok Benson aje [sahaja]. Masa tu [itu] harga dia tujuh [7] *dollars* [mata wang] kalau duit kita dah [sudah] berapa?.

Pelajar 2 : Empat belas ringgit [RM14] ringgit eh dua puluh satu [RM21] ringgit.
(01:39:04)

Encik : Ha, satu [itu] karton

Pelajar 2 : Satu [1] karton?

Encik : Masa tu [itu], masa acik lah. Se-setakat tujuh [7] *dollars* [mata wang] ni [ini], si...

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Tapi tak [tidak] boleh simpan, kita simpan sendiri lah

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Maksud saya tak [tidak] boleh masuk dalam bank lah, maksud saya, maksud acik ni [ini] duit tu [itu] kita dapat macam duit elaun tau [tahu].

Pelajar 2 : (mengiyakan).

Encik : Duit kesengsaraan ni [ini] lain, duit tu [itu] dia bagi. Jadi apabila acik balik kat [dekat] Malaysia ni [ini] perbezaan dia memang banyak kita lupa kesenangan yang diberikan. Betul! Sana kita susah macam acik lah, acik pi [pergi] sana acik rasa macam mana seksanya duduk sana

Pelajar 2 : (mengiyakan).

Encik : Perit dia sana kita seksa makan dengan berpasir apa semua, makan juga. Dekat sini lalat sikit hinggap buang,

Pelajar 2 : Oh betui [betul] juga.

Encik : Buang!. Dekat sana langau [serangga] penuh ni [ini] buat bodo [bodoh] je [sahaja] makan.

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : nak [hendak] hidup,

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Bezanya.

Pelajar 2 : Beza.

Encik : Beza dia antara dia apa tu [itu] kita balik kat [dekat] Malaysia ni [ini] itu beza dia acik rasakan, mewah nak [hendak] beli apa sebab kita tak [tidak] pernah berperang,

Pelajar 2 : Oh okey.

Encik : Kita tak [tidak] pernah kita susah setiap manusialah kalau dia pi [pergi] kat [dekat] tong sampah dia makan tong-- yang kita makan ni [ini] bekas makan kita makan dia bubuh [letak] kuah bubuh [letak] air kita buang kat [dekat] sampah boleh makan lagi tapi orang Malaysia kita pernah tengok tak [tidak]?

Pelajar 2 : Tak [tidak] pernah.

Encik : Tak [tidak] pernah lagi, seksa dia, kebuluran dia nak [hendak] makan bergaduh, bertumbuk, membunuh, kat [dekat] Malaysia “Ha lantak hang [kamu] lah, nak ambik, ambik”.

Pelajar : (Ketawa).

Encik : Kan? Sana jangan sebotol air mineral boleh bunuh orang. Haha (ketawa).

Pelajar 2 : Hmm betul.

Encik : Ha beza dia. *Effect* [kesan] dia kepada kita dengan Malaysia ni [ini] sebab kita tak [tidak] pernah bersyukur apa yang ada. **(01:40:52)**

Pelajar 2 : Betul.

Pelajar 1 : Arr kesan operasi ni [ini] terhadap negara kita contohnya kita dapat peringat apa-apa ke dari US [United State] ke ade [ada] tak [tidak]? (1:41:05)

Encik: Takde [tiada] sebenarnya.

Pelajar 1 : takde [tiada]?

Encik : Takde [tiada]. Hanya yang berkesan ni [ini] apabila anggota sahaja, anggota, okey sebab kalau nak [hendak] ikut dengan Malaysia ni [ini] dia US [United States] ni [ini] sebab dia kaya, ketenteraan dia lengkap, kita ni [ini] biasalah kan. Kita mana yang mampu tu [itu] ja [sahaja] kita nak [hendak] belikan.

Pelajar 2 : (mengiyakan).

Encik : Cukup yang apa yang ada kat [dekat] kita tapi Amerika ni [ini] dia apabila terlampau canggih terlampau banyak eko-- kewangan dia dengan barang yang dia ada canggih semua dia tinggal. Pasai [pasal] pa [apa] askar Malaysia contoh lain-lain negara bukan setakat askar Malaysia ni [ini] lain-lain negaralah, dia balik semua bawak peralatan dia, peralatan perang dia masuk balik melainkan kenderaan saja, senjata peralatan kegunaan dia semua balik, askar Malaysia pun sama juga. Pasai [pasal] pa [apa] US [United States] balik dia dengan tangan kosong?

Pelajar 1 : Ringankan beban dia. **(01:42:05)**

Encik : *Yes* [mengiyakan]. Sebab dia terlampau kaya,

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Terlampau mewah, askar dia ni-ka-- saya bagitau [beritahu] US [United States] askar yang paling kaya.

Pelajar 2 : Oh.

Encik : US [United States]. Askar dia, semua dia ada, nak [hendak] apa semua dia ada.

Pelajar 2 : Senang dapat lah?

Encik : Ha, senang dapat. Kita peralatan kita mana yang ada ja [sahaja] isu kat [dekat] kita tu [itu] ja [sahaja].

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Takde [tiada] nak [hendak] *complain* [mengadu] tu [itu] lah ni [ini] takde [tiada]. Kalau sana tu [itu] biasa semua tinggal. Macam acik dulu lah, balik. Sama jugak acik pi [pergi] Bosnia pun sama jugak [juga].

Pelajar 2 : Hmm.

Encik : Bosnia acik balik US [United States] ada dia, US [United States] duk [duduk] dalam dia tak [tidak] lama US [United States], US [United States] ni [ini] Amerika ni [ini] dia operasi dia tiga [3] bulan ja. Habis tiga [3], *yes* [mengiyakan] tiga [3] bulan , habis tiga [3] bulan dia balik, dia tinggal barang-barang khemah dia-dia tinggal, *aircorn* [penghawa dingin], peralatan habis dia semua tinggal, dia balik kosong ja [sahaja], dia bawak beg kecil dia ja [sahaja], pakaian dia ja.

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Kita tu [itu] dia nah askar Malaysia. (01:43:09)

Pelajar 1 : Kekurangan atau kekangan semasa operasi?, contohnya makanan ke komunikasi, strategi apa-apa. (1:43:17)

Encik : Okey, arr perhubungan takde [tiada]. Kita biasa kita boleh, dengan Semboyan memang ada dua puluh empat [24] jam kan, selalu dia makanan lah. Makanan ni [ini] pun dia bukan, maksud acik ni [ini] dia, benda takde [tiada], dia ada tapi lambat. Contoh dia okey, habis empat belas [14] hari sebelum tiga [3] hari macam tu [itu] contoh dia kita operasi kat [dekat] Gerik hujan lebat .

Pelajar 2 : (Mengiyakan).

Encik : Nuri tak [tidak] boleh masuk. Nuri nak [hendak] hantar barang kita ni [ini] kat [dekat] Gubir ni [ini] contoh dia na-nak [hendak] ambik satu tempat ni [ini] nak [hendak] ambik barang kita kan nak [hendak] hantar kat [dekat] kita, kalau hujan dia tak [tidak] boleh masuk, dia tak [tidak] boleh masuk,

Pelajar 2 : Tak [tidak] boleh masuk ah?

Encik : Dia tak [tidak] boleh masuk, makanan tu [itu] memang selalu macam tu [itu] lah, memang selalu berlaku lah, itu [itu] ja lah yang lain semua takde [tiada] semua okay.

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Tiga [3] bulan semua okey punya.

Pelajar 2 : Takdak [tiada] masalah?

Encik : Takde [tiada] masalah punya. (01:44:10)

Pelajar 2 : Arr boleh Encik ceritakan tentang pencapaian anugerah-penganugerahan dan sumbangan Encik ketika berhikmat sebagai anggota tentera? (1:44:21)

Encik : Okey, pangkat dalam tentera ni [ini] kan okey.

Pelajar 2 : Hmm (mengiyakan).

Encik : Mula-mula acik pakai dalam ketenteran ni [ini] lah kan. Mula-mula acik pakai Lans Koperal pangkat yang diberi oleh pegawai acik lah okey, setelah pakai Lans Koperal selama tiga [3] tahun, pakcik pakai Koperal, Koperal sebenar okey,

dah [sudah] pakai Koperal, habis pada Koperal, acik dalam empat [4] tahun, empat [4] tahun acik pakai pulak [pula] Sarjan, habis Sarjan dua [2] tahun cepat. Okey daripada Sarjan tu [itu] acik pakai Staf Sarjan dua [2] tahun ja.

Pelajar 2 : Staf Sarjan?

Encik : Staf Sarjan [Staf Sarjan], SSJN [singkatan Staf Sarjan] okey. Lepas tu [itu] baru lah pakai Pegawai Waran PW2, banyak-- kursus dah [sudah] habis dah [sudah], okey. Kursus sebelum nak [hendak] pi [pergi] tu [itu] semua dah [sudah] pi [pergi] kursus dah [sudah].

Pelajar 2 : Ha ha (mengiyakan).

Encik : Kursus kawad Pegawai Waran I pun acik dah [sudah] pi [pergi] dah [sudah]. Hanya acik ja tadak [tiada] rezeki ja [sahaja] nak [hendak] pakai Pegawai Waran I.

Pelajar 2 : Ho ho (teruja).

Encik : RSM [Sarjan Mejar Rejimen] dia panggilkan, hanya Pegawai Waran II ja [sahaja], okey. Kursus-kursus acik biasalah kan, cuma kalau nak [hendak] pakai pangkat ni [ini] semua kursus tu [itu] kena lengkap kalau tadak [tiada] kursus walau macam mana pun memang kosong silap-silap pencen Prebet.

Pelajar 2 : Oh ho.

Encik : Pingat acik dapat Pingat PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] dengan Pingat Bosnia. PBB [Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu] tu [itu] lah pastu [selepas tu] cemerlang satu [1] masa tu [itu], masa tu [itu] cik dah tukar ni [ini] dah [sudah] (jawatan) tukar tugas tu [itu], masa tu [itu] acik sebagai jurulatih dah [sudah] kan, ha tu [itu] dia bagi setahun ja [sahaja] okey, tengok keje [kerja] kita macam mana, tahap kita dia bagi menegak, gaji dia dengar kata seribu [1000] lah dia bagi, seribu [1000] ringgit pencapaian kita kemas, tengok kerja kita, harian okey tak [tidak] okey. “Aku calon hang [kamu], tahun ni [ini] aku bagi hang [kamu] menegak, melintang”. Ha tu [itu] lah dia selalu bagi. Setiap anggota ni [ini], setiap anggota mesti ada melainkan , ha tu [itu] sokongan tu [itu], sokongan daripada pihak atasan OC [Officer Commanding] kita lah, OC [Officer Commanding] kita

tengok “Dia ni [ini] bagus lah, setiap apa pun, dia ni [ini] kerja okey mantap, okey kita bagi dia sokongan gaji dan naik”.

Pelajar 2 : Oh macam tu [itu]? (01:46:44)

Encik : Haa dia bagi macam tu [itu] dalam askar, macam pangkat juga okey, contoh dia, dia pun kursus kita dah [sudah] habis ni [ini].

Pelajar 2 : Ehem (meniyakan).

Encik : Semua kita dah [sudah] pi [pergi] kursus tetapi perangai kita pula selalu, okey, pi [pergi] kerja lewatkan, pakaian semua kena tegur, apa semua ni [ini], tak [tidak] dapat juga, tak [tidak] dapat juga orang bagi pangkat. Dia kira pangkat [dekat] ni [ini] pun dia atas pada OC [Officer Commanding] juga, sokongan pada OC [Officer Commanding], kalau OC [Officer Commanding] kata Okey, “ Hang [kamu] macam mana?”, dia akan pilih ni [ini]. Sarjan-sarjan encik-encik dia akan pilih, okey encik. “Aku nak [hendak]” contoh dia encik lah, encik ni [ini] “Saya nak [hendak] bagi Staf Sarjan Ishak ni [ini] pakai Pegawai Waran”, “Hang [kamu] setuju tak [tidak]?”, “Hang [kamu] setuju ni [ini]?” dia akan tanya ni [ini] RSM [Sarjan Mejar Rejimen] apa semua. “Okey setuju”, *right* [benar], okey dia akan bagi. Dia ada satu kertas tu [itu], kertas tu [itu] adalah untuk penilaian kita.

Pelajar 2 : Hmm (mengiyakan).

Encik : Pekerjaan kita penilaian setiap tahun dia bagi.

Pelajar 2 : Ah ha.

Encik : “A,A,B,B,C+,C+...” macam kita sekolah pulak dah [sudah],

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Ha dapat. Ha tu [itu] lah.(01:47:46)

Pelajar 1: Arr kursus-kursus yang pernah Encik jalani [ini]? (1:47:53)

Encik: Okey, semasa dalam perkhidmatan, okey dalam angkatan tentera ni [ini] kursus yang pertama sekali di tempur adalah Kursus KADAR [Kursus Asas Darat Sukarela].

Pelajar 2: Kursus KADAR [Kursus Asas Darat Sukarela]?

Encik : Habis saja kursus KADAR [Kursus Asas Darat Sukarela] okey lepas tu [itu] masuk tu [itu] Ketua Seksyen. Okey kursus KADAR [Kursus Asas Darat Sukarela] ni [ini] adalah untuk Prebet lah dia nak [hendak] *fix* [perbaiki] kan pangkat dia, gaji dia ni [ini] kan.

Pelajar 2 : Ehem (mengiyakan).

Encik : Okey, selalu ni [ini], dia kena maksud saya mula-mula sekali KADAR, habis saja [sahaja] KADAR, Ketua Seksyen, okey. Ketua Seksyen ni [ini] label dia Lans Koperal, habis kursus-kursus Lans-Koperal ni [ini] ha ni [ini] Ketua Seksyen ni [ini] hang [kamu] balik unit dalam [berfikir] acik rasa dalam sebulan-tiga bulan camtu [macam itu] lah terus pakai, terus pakai Lans Koperal. Habis saja [sahaja] pakai Lans Koperal saya terus pi [pergi] kursus Ketua Seksyen.

Pelajar 2 : Ketua Seksyen?

Encik : Ketua Seksyen ni [ini] level [peringkat] dia kursus kawad, Platun Sarjan, okey barulah pakai Koperal dan Sarjan. Ha ni [ini] label yang dua-dua dia boleh pakailah ni [ini].

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Ketua Seksyen dengan Platun Sarjan dia boleh pakai dah [sudah] ni [ini], Koperal boleh pakai Sarjan boleh pakai, Pegawai Waran ja [sahaja] tak [tidak] boleh pakai sebab dia tak [tidak] ada kursus kawad.

Pelajar 2 : Kusus kawad?

Encik : *Last* [akhir] sekali kursus kawad. Kursus kawad bawa balik pentadbiran ha ni [ini] adalah kursus pegawai waran, Pegawai Waran II. Habis saja [sahaja] Pegawai Waran II saya habis Pegawai Waran II saya akan terus pergi ke pegawai-
- Kursus Pegawai Kursus Kawad dan Pentadbiran Pegawai Waran I, ha SMR lah.

Pelajar 2 : Hohoho (ketawa) (bunyi ping pong).

Encik : Sarjan Mejar Rejimen, dalam unit ni [ini], contoh kat [dekat] unit acik lah kan, dia terbesar nombor du-tiga [3].

Pelajar 2 : Nombor tiga [3]

Encik : CO [Pegawai Memerintah], 2 I/C [Penolong Pegawai Memerintah], RSM [Sarjan Mejar Rejimen]. Ini kena tiga ni [ini] kena betui [betul], CO [Pegawai Memerintah] takkan [tidak akan] panggil sapa-sapa akan panggil RSM [Sarjan Mejar Rejimen], RSM [Sarjan Mejar Rejimen] ni [ini] yang, RSM [Sarjan Mejar Rejimen] ni [ini] yang jalankan tugas dalam unit ni [ini] RSM [Sarjan Mejar Rejimen], Pegawai Waran I ni [ini] dia panggil RSM [Sarjan Mejar Rejimen]. RSM [Sarjan Mejar Rejimen] ni [ini] yang menentukan budak-budak ni [ini], dia yang bagi *detail-detail* [maklumat maklumat] tugas-tugas setiap kompeni ni [ini]. CO [Pegawai Memerintah] taktau [tidak tahu] pun, RSM [Sarjan Mejar Rejimen] bagi taklimat “Tuan, okey ada lawatan” surat menyurat daripada Briged semua hantar kepada 2 I/C [Penolong Pegawai Memerintah], 2 I/C [Penolong Pegawai Memerintah] akan menghantar kat [dekat] RSM [Sarjan Mejar Rejimen], RSM [Sarjan Mejar Rejimen] yang bagitau [beritahu] “Tuan, okey, [berfikir] apa ni [ini] Panglima akan melawat kita pada berapa haribulan ni [ini]” RSM [Sarjan Mejar Rejimen] bagi taklimat kepada CO [Pegawai Memerintah] “Okey-okey RSM [Sarjan Mejar Rejimen] buat persiapan”. RSM [Sarjan Mejar Rejimen] memang buat persiapan bukan dia yang buat dia bagi arahan.

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Yang buat ni [ini] kita ni [ini].

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Orang bawahan. RSM [Sarjan Mejar Rejimen] dia bagi “Okey, hang [kamu] pi [pergi] ni [ini], hang [kamu] buat ni [ini], hang [kamu] buat ni [ini], padang kawad pasang banting apa semua ni [ini]”, haa dia bagi kami-kami lah. RSM [Sarjan Mejar Rejimen] dia Pegawai Waran I ni [ini] rimau [harimau] dia ada dua [2] rimau [harimau] “grrhhh” [bunyi harimau].

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Kat [dekat] tangan ni [ini] pingat ni [ini] pangkat dia lah dulu pangkat orang, dulu masa acik lah semua kat [dekat] tangan. **(01:51:04)**

Pelajar 2 : Kat [dekat] tangan?

Encik : Dia macam jam, askar semua belah [sebelah] kanan. Staf Sarjan ka [ke], kalau pakai loreng lah, Sarjan, Lans Koperal semua belah [sebelah] kanan dulu. Lani [sekarang ini] semua kat [dekat] baju kan, dulu acik tadak [tiada] semua pakai tangan. Kalau RSM [Sarjan Mejar Rejimen] I Pegawai Waran ni [ini] RSM [Sarjan Mejar Rejimen] Pegawai Waran I lah kan rimau [harimau] dua-dua [2] ekor, ha tau [tahu] dah [sudah] tu [itu] RSM [Sarjan Mejar Rejimen] lah tu [itu].

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Kalau Pegawai Waran II macam acik ni [ini] dia bunga padi je [sahaja].

Pelajar 2 : Bunga padi?

Encik : Bunga padi, kalau Staf Sarjan dia tiga [3] calit tu [itu] titik satu [1], dia tiga [3] calit dia titik satu [1] ha tu [itu] Staf Sarjan, kalau Sarjan tiga [3] ja [sahaja] lah, Koperal dua [2], Lans Koperal satu [1]. **(01:51:44)**

Pelajar 1: Apakah sumbangan lain selain menyertai operasi Encik sepanjang berkhidmat sebagai anggota tentera? (1:51:54)

Encik : Okey, selalu dia semasa berkhidmat lagikan, selalu acik buat arr (berfikir) Jiwa Murni], selalu Jiwa Murni [ini] ni [ini] maksud dia kita pi [pergi] tempat-tempat orang, orang minta bantuan, orang-orang miskin lah ni [ini] kan, kerajaan contoh macam acik dulu kat [dekat] Perlis dulu okey Kuala Perlis dia minta bantuan buat sepuluh [10] biji rumah kos sebiji rumah dalam anggaran sepuluh ribu arr (berfikir) *no* [tidak] lime belas ribu. Jadi memang cukup-cukup, kita nak [hendak] buat rumah tu [itu] bayangkan rumah tu [itu] semua rumah papan kos dia lima belas ribu.

Pelajar 2 : Oh.

Encik : Kalau dia buat kat [dekat] luar dia kena upah orang nak [hendak] buat tapi dia minta askar buat *free* [percuma] semua lah, jadi kita pun datang buat dalam sebulan siap sepuluh [10] biji rumah Jiwa Murni dia panggil. Kalau gotong royong ni [ini] biasa lah kan.

Pelajar 2 : Ah ha (mengiyakan).

Encik : Bersihkan kubur masjid ni [ini] askar ja [sahaja] lah macam apa ni [ini] mangsa-mangsa banjir ni [ini] angkat barang ni [ini] ha tu [itu] kira biasa lah. Dulu masa ni [ini] acik kena dekat ni [ini] dulu dekat (berfikir) Pendang kan banjir kan paling teruk tu [itu] naik bawak bot, bot tu [itu] kat [dekat] *highway* [lebuhraya] “wu qehh” [bunyi enjin] pi [pergi] kutip orang sorang-sorang-sorang [seorang seorang] ha tu [itu] lagi teruk kan.

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Tapi kita dah [sudah] biasa dah [sudah] teruk kita dah [sudah] ter-- pernah pi [pergi] tempat orangkan apabila berlaku kat [dekat] tempat kita, kita macam dah [sudah] biasa dah [sudah] kita tengokkan, takde [tiada] macam tak [tidak] teruk mana pun kan, banjir kita ambik orang tu [itu] kita pi [pergi] kat tempat tinggi-tinggi, tempat penginapan sementara kan. Ha tu lah. (01:53:38)

Pelajar 2: Sebagai bekas anggota tentera pandangan Encik terhadap operasi tersebut? Maksudnya operasi yang pernah Encik lalui, pandangan encik. (1:53:50)

Encik : Untuk pandangan saya eh? Macam mana tu [itu], pandangan macam mana tu [itu]?

Pelajar 1 : Arr arrr (berfikir) berjaya atau tak [tidak] berjaya?

Encik : Haa okey, kalau maksud acik ni [ini] kalau berjaya dengan tak [tidak] berjaya ni [ini] semua operasi semua berjaya.

Pelajar 2: Semua berjaya

Encik: Semua berjaya. Tak [tidak] pernah lagi operasi kalau acik buatnya kan dalam ATM [Angkatan Tentera Malaysia] tak [tidak] berjaya, semua berjaya.
(01:54:15)

Pelajar 1: Adakah Encik berasa bangga turut terlibat dalam operasi tersebut?
(1:54:20)

Encik : Ohh memang, memang (teruja). Setiap apa pun latihan ke contoh dia pi [pergi] kat [dekat] Bosnia ka Somalia ka operasi memang bangga sebab kita telah di didik, telah dilatih kan, kita semangat. Dia contoh acik ni [ini], acik ni [ini] seronok masuk operasi daripada dalam kem ni [ini], operasi ni [ini] kita buat apa saja [sahaja] kita seronok sembang dengan kawan-kawan, skuad-skuad kan, kalau kat-kat [dekat] dalam kem semua pi [pergi] kat [dekat] keluarga masing-masing kan.

Pelajar 2 : Ha betul (mengiyakan).

Encik : Kalau kat [dekat] sana kita rasa tiga [3] bulan tu [itu] tidur pun sama, sekali ha tu [itu] keseronokkan dia. Haa takde [tiada] lagi orang, maksud acik lah kan muka bengang apa ke takde [tiada] lagi.

Pelajar 2 : (Ketawa). Tadak [tiada] lagi eh?

Encik : Semua memang okey punya, seronok. Sekarang ni [ini] pun kalau acik disuruh pi [pergi] lagi boleh pi [pergi] tapi tolak Somalia ja [sahaja] lah.

Pelajar 2 : [Ketawa].

Encik : Kalau lain tempat InsyaAllah boleh lagi sebab masih duk [duduk] ingat dalam otak ni [ini] lagi.**(01:55:28)**

Pelajar 1 : Okey, arr (berfikir) last [akhir] sekali nasihat Encik kepada anak [hendak] bangsa yang ingin berkhidmat sebagai anggota tentera.(1:55:36)

Encik : Okey, nasihat acik lah kepada budak-budak ni [ini] lah kan sekarang lani [sekarang ini] kan,.

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Pertama sekali maksud acik ni [ini] dia berminat, dalam askar ni [ini] pertama, okey dia berminat. Yang kedua ni [ini] rajin maksud acik ni [ini] okey, apabila engkau masuk askar ni [ini] contoh dia habis pada dua puluh lima [25] tahun macam acik ni [ini] kita dah [sudah] senang dah [sudah] ada duit pencen dah [sudah], duit simpanan kita, duit pencen maksud acik lah ni [ini] kan.

Pelajar 2 : Ha (mengiyakan).

Encik : Haa jadi acik syorkan lah mana nak [hendak] masuk berminat silakan masukkan masa depan tu [itu] cerah. Sekarang ni [ini] rumah diberi, operasi tentera dia bagi, gaji sekarang pun dah [sudah] besar lain lah macam acik dulu gaji tujuh ratus lima puluh [750] aje [sahaja] (ketawa) kan, tapi kita pikir [fikir] juga tujuh ratus lima puluh [750] barang-barang murah lagikan.

Pelajar 2 : Ah ha (mengiyakan).

Encik : Kalau sekarang ni [ini] gaji tujuh ratus lima puluh [750] bengkok bang [abang], bengkok (ketawa)

Pelajar 2 : Hmm, betui [betul].

Encik : Haa, sekarang ni [ini] dah [sudah] besar dah [sudah] gaji, *starting* [permulaan] masuk dah [sudah] seribu lapan [1800], baru rekrut, belum masuk elaun-elaun lagi haa, baru buat latihan saje [sahaja] dah [sudah] bagi dah [sudah] elaun, keluar-keluar habis enam [6] bulan masuk kat [dekat] unit dah [sudah] seribu lapan tak [tidak] masuk elaun lagi, besar.

Pelajar 2 : Besar

Encik : Besar. Itu [itu] baru rekrut kalau dah [sudah] pakai pangkat.

Pelajar 2 : Ha.

Encik : Kan, Lans Koperal, Koperal, ada rezeki pakai Sarjan macam saya ni [ini] haa dah [sudah] berapa dah [sudah]. (01:57:00)

Pelajar 2 : Ha betul.

Pelajar 1 : Okey, arr (berfikir) terima kasih dari kami rakamkan jutaan terima kasih kerana sudi arr ditemubual, terima kami sebagai *student* [pelajar] yang untuk ditemubual encik. (01:57:27)

Pelajar 2 : Kami juga terima kasih lah sebab encik beri kerjasama kat [dekat] kami kan luangkan masa.

Pelajar 1 : Luangkan masa.

Pelajar 2 : (Ketawa).

Encik : Okey, bagi pihak acik pulak, acik pun ucapkan ribuan terima kasih kerana kan, saya kalau ikut dia bukan tokoh sangatkan, tapi pengalaman tu [itu] semasa acik berkhidmat selama dua puluh lima [25] tahun ni [ini] masih lagi, ingat dalam otak acik ni [ini], acik boleh ceritakan apa yang berlaku. Acik ucapkan terima kasih jugalah sebab jumpa acik.(1:57:55)

**KAJIAN
LITERATUR**

KAJIAN LITERATUR

Operasi Somalia

Menurut akhbar Berita Harian “*Black Hawk Down*” (Rabu, 6 Mei 2015) Operasi di Somalia ini menyatakan tanggal 3 dan 4 Oktober 1993 menyaksikan pertempuran sengit membabitkan tentera elit Amerika Syarikat (AS) dengan militia yang menyokong panglima perang Somalia. Menurut akhbar di dalam pertempuran di Pasar Bakara, Mogadishu, 19 tentera AS terbunuh dan kira-kira 70 anggota US Rangers lain terperangkap selepas dikepung militian. Ibu pejabat Operasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Somalia (UNOSOM II) kemudian meminta bantuan pasukan tentera Malaysia dan 19 RAMD Mekanis (Malbatt 1) telah dikerah ke kawasan pertempuran untuk menyelamatkan US Rangers. Akhbar terbabit turut menceritakan semula misi menyelamatkan tentera elit Amerika Syarikat (AS) yang terperangkap di Pasar Bakara. Walaubagaimanapun, menurut tokoh yang telah di temubual oleh kami, beliau menyatakan operasi ini adalah bertujuan untuk menjadi pihak pengaman antara puak-puak Somalia yang ingin merebut kuasa memerintah. Beliau daripada 500 anggota tentera telah dipilih untuk menyertai operasi di Somalia ini. Di dalam akhbar tersebut ada menceritakan melalui laporan pegawainya di lokasi pertempuran, Rozi dimaklumkan seorang anggota KIA (mati dalam pertempuran) selepas APC dipandunya terkena tembakan RPG oleh puak militian. Hal yang demikian turut sama seperti yang diceritakan oleh tokoh dimana sebuah kereta komando telah ditembak oleh RPG dan menurut beliau Panglima (Rozi) (Major Jeneral (B), Datuk Md. Rozi Baharom) telah memberi arahan kepada pasukan untuk bergerak ke lokasi operasi kejadian. Menurut akhbar lagi, anggota tentera Malaysia ditembak bertalu-talu dari semua arah seperti menggambarkan anggota bertempur dengan kumpulan militian diseluruh sudut. Informasi yang disampaikan oleh akhbar dan tokoh adalah sama seperti yang diceritakan akan tetapi gambaran diceritakan oleh tokoh lebih teliti dimana beliau menceritakan keadaan mayat rakan sepasukan beliau yang cedera parah di bahagian kepala dan lain-lain tempat.

Operasi Gubir

Berdasarkan temubual, tokoh menceritakan bahawa beliau telah menyertai operasi di Gubir, namun begitu beliau tidak menyatakan operasi yang ke berapa telah beliau sertai, ekoran operasi di Gubir mempunyai beberapa peringkat, menurut kajian dan maklumat yang kami kumpul mengenai Operasi Gubir di laman web seperti Utusan Online, dan Berita Harian. Kami dapati terdapat beberapa peringkat operasi di kem tersebut. Namun yang demikian, menurut tokoh semasa ditemubual, beliau tidak menjumpai komunis dan hanya terjumpa sisa makanan, peralatan dan bekas tempat tinggal komunis yang telah lama ditinggalkan. Mengenai perkara tersebut kami mencari maklumat mengenai Operasi Gubir II ini dimana sidang akhbar menyatakan pada tahun 1976 berlaku peristiwa pengorbanan anggota tentera menentang penganas komunis. Didalam sidang akhbar tersebut menyatakan tentang operasi yang dilaksanakan oleh anggota Batalion Ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) di Gubir, Kedah pada 15 Julai 1976 mengakibatkan meragut nyawa Ketua Platun, Mejar Zainal Abdul Rashid. Pada tahun tersebut, tokoh yang telah kami temubual belum lagi terlibat didalam operasi di Gubir oleh kerana beliau mula mencuburi di dalam bidang kententeraan ini pada tahun 1986 oleh itu, kami boleh rumuskan disini bahawa beliau belum terlibat di dalam operasi pada tahun 1976 seperti akbar nyatan. Namun, ketika ditemubual tokoh hanya menceritakan dan berkongsi pengalaman ketika beliau terlibat dalam operasi ini sahaja tanpa memberitahu tahun yang sebenar beliau terlibat di Kem Gubir.

Operasi Gerik

Semasa ditemubual, tokoh berkongsi pengalaman dan peristiwa yang berlaku ketika operasi di Gerik dimana anggota pasukan beliau meninggal dikawasan mereka bermalam untuk berhenti berehat sebelum memulakan perjalanan pada keesok harinya. Kematian arwah anggota tentera tersebut adalah kelaskan sebagai kes kemalangan. Walaubagaimanapun, setelah beberapa kajian yang telah kami lakukan, kami menjumpai informasi di laman web Utusan Online pada tarikh 17 Disember 2007 yang bertajuk “*Jenazah dua anggota tentera telah selamat dikebumikan*”, dimana akhbar tersebut menceritakan kejadian berlaku pada waktu pagi, namun menurut cerita yang telah di sampaikan oleh tokoh kejadian tersebut berlaku pada waktu malam, oleh itu disini kami boleh ulaskan bahawa kedua-dua kejadian tersebut adalah dua peristiwa yang berlainan. Hasil pencarian kami juga, mendapati peristiwa yang di alami oleh tokoh kami Encik Ishak tidak mendapat liputan akhbar.

Encik Ishak seorang bekas anggota tentera yang mempunyai banyak pengalaman semasa menyertai ATM (Angkatan Tentera Malaysia), namun begitu maklumat serta pengalaman beliau tidak mendapat liputan di mana-mana akhbar di Malaysia. Kami percaya pengalaman yang telah di perolehi oleh beliau sekiranya dikongsikan akan dapat memberi kesedaran kepada rakyat untuk lebih menghargai jasa-jasa tentera di dalam dan di luar negara. Bak kata pepatah hancur badan di kandung tanah, budi yang baik dikenang jua. Perumpamaan ini menjelaskan kita perlu menghargai jasa-jasa pejuang negara. Selain itu pengalaman beliau dapat di ibaratkan seperti permata yang perlu digilap untuk mendapatkan keindahan bersama, samada kepada rakyat, pembaca mahupun pelajar seperti kami ini.

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN TEMUBUAL BERSAMA TOKOH:

A. Mengenai latar belakang keluarga dan pendidikan tokoh.

1. Boleh Encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Encik?
2. Boleh encik ceritakan tentang mengenai isteri dan keluarga encik?
3. Boleh kami tahu hobi Encik pada masa lapang?
4. Bagaimana Encik bahagikan masa dengan kerja sekarang dan keluarga?
5. Boleh Encik ceritakan tentang latar belakang pendidikan encik?

B. Pengalaman pekerjaan

6. Tentang pengalaman kerja, apakah pekerjaan pertama Encik?
7. Apakah jawatan atau pangkat sebelum bersara?
8. Apakah terdapat pengalaman kerja selain tentera?

C. Kerjaya semasa

9. Apakah faktor selain pengalaman Encik, yang membuat, mendorong Encik untuk menjadi sebahagian daripada anggota tentera?
10. Bilakah tarikh Encik berkhidmat sebagai anggota tentera?
11. Berapa tahun kah Encik terlibat dalam bidang ketenteraan ini?
12. Sepanjang berkhidmat di mana Encik di tempatkan?
13. Sepanjang berada di operasi berapa lama Encik berkhidmat?

14. Pangkat pertama Encik ketika menyertai anggota tentera?
15. Apakah fungsi unit Encik?
16. Adakah sepanjang menyertai bidang ketenteraan, Encik memperoleh banyak pengalaman?
17. Boleh kami tahu tempat pertama Encik bertugas dalam bidang ketenteraan?
18. Masa selepas berada di Melaka Encik berpindah tugas ke tempat, negeri?
19. Pengalaman paling manis Encik sepanjang menyertai anggota tentera?
20. Boleh Encik ceritakan pengalaman paling pahit Encik tidak dapat lupakan ketika menyertai anggota tentera?
21. Mengenai dengan 7 Renjer boleh Encik ceritakan maksud 7 Renjer tu dan ia anggota unit yang macam mana?
22. 7 Renjer mempunyai berapa ramai anggota yang terlibat?
23. Berapa jumlah anggota yang pergi ke operasi?
24. Boleh Encik kongsi tugas yang paling mencabar sepanjang menjadi anggota tentera?

D. Penglibatan tokoh didalam operasi-operasi

25. Pernahkan Encik terlibat didalam operasi tersebut (Operasi Gubir)?
26. Mengenai penglibatan Encik didalam operasi, bilakah Encik mula menceburi atau melibatkan diri dalam bidang ini (operasi)?
27. Semasa Encik menjadi Sarjan, berapa banyak anggota yang terlibat?

28. Apakah reaksi keluarga Encik semasa mendapat tahu Encik ditugaskan untuk menyertai operasi?
29. Boleh kami tahu persiapan yang Encik lakukan sebelum menjalani operasi tersebut?
30. Ketika membuat persiapan adakah anggota tentera mesti adakan dan jalankan tugas fizikal dan mental kan? Boleh Encik ceritakan maksud fizikal dan mental?
31. Adakah tempat latihan yang Encik katakan hutan itu berkaitan dengan kem ataupun dia hantar ke tempat lain?
32. Kebiasaanya operasi dijalankan ditempat yang bagaimana?
33. Sepanjang tempoh operasi dijalankan, berapa anggaran anggota tentera yang terlibat?
34. Berkenaan dengan operasi yang Encik lalui, boleh ceritakan berapa anggota Encik yang terlibat di Somalia, dan tempoh tersebut?
35. Bagaimana Encik berangkat ke tempat operasi-operasi tersebut?
36. Tentang Encik berangkat ke tempat operasi bagaimana pula dengan Operasi Somalia?
37. Mengenai kenderaan yang Encik naik di semenanjung Encik menaik Nuri di Somalia pula adakah kenderaan itu disediakan oleh negara luar ataupun Malaysia sendiri?
38. Dalam sebuah helikopter berapa orang tentera kah yang boleh dinaiki dalam satu perjalanan?
39. Boleh Encik ceritakan perasaan Encik semasa tiba di operasi-operasi seperti Somalia?

40. Bagaimana keadaan lokasi tersebut, adakah padang pasir ataupun bangunan di Somalia?
41. Adakah Encik bertemu dengan pemberontak, maksudnya berdepan?
42. Kalau di operasi lain Encik ada bertemu dengan pemberontak ataupun penganas?
43. Siapakah golongan yang terlibat melakukan keganasan ini? Adakah lelaki sahaja?
44. Siapakah golongan yang terlibat menyertai operasi ini? Lelaki? Perempuan?
45. Apakah penyebab utama golongan penganas tersebut melakukan keganasan?
46. Adakah pasukan Encik bertemu dengan pihak penganas ketika operasi Somalia?
47. Sebelum ini, Encik ada cerita yang komando Encik ada terpijak periuk api?
48. Adakah Encik menyaksikan adegan tembak menembak semasa berada di lokasi operasi?
49. Adakah ahli pasukan Encik yang tercedera dalam operasi tersebut?
50. Didalam operasi lain adakah anggota Encik yang tercedera ataupun meninggal?
51. Berbalik pada operasi Somalia, sebelum ini Encik ada ceritakan tentang keputusasaan untuk hapuskan pemberontak, boleh Encik ceritakan?
52. Sepanjang operasi di Somalia di manakah encik dan pasukan bermalam ?
53. Bagaimanakah tugas ini dibahagikan kepada pasukan Encik ?
54. Boleh kami tahu rakan sepasukan yang paling rapat dengan Encik sepanjang operasi?

55. Sepanjang operasi-operasi tersebut apakah tekanan yang dirasakan oleh Encik?
56. Sebelum ke operasi tersebut jenis kelengkapan ketenteraan yang dibekalkan ketika operasi tersebut, boleh Encik ceritakan?
57. Berapakah jangka masa sesebuah operasi?
58. Bagaimanakah operasi-operasi ini dapat dihidu oleh anggota tentera?
59. Apakah negara yang turut terlibat dalam operasi tersebut (Somalia)?
60. Kesan operasi (Somalia) ini terhadap negara kita, Malaysia?
61. Kekurangan atau kekangan semasa operasi? Contohnya makanan, komunikasi, atau apa-apa strategi?

E. Pencapaian, penganugerahan dan sumbangan tokoh:

62. Boleh Encik ceritakan tentang pencapaian penganugerahan dan sumbangan encik ketika berhikmat sebagai anggota tentera?
63. Apakah sumbangan lain selain menyertai operasi, yang Encik libati sepanjang berkhidmat sebagai anggota tentera?
64. Sebagai bekas anggota tentera pandangan Encik terhadap operasi tersebut?
65. Adakah encik berasa bangga turut terlibat dalam operasi tersebut?
66. Nasihat Encik kepada anak bangsa yang ingin berkhidmat sebagai anggota tentera.

LOG TEMUBUAL

LOG TEMUBUAL

WAKTU (minit)	PERKARA	BUTIRAN
4.00		<ul style="list-style-type: none"> Bertolak dari rumah ke Kolej Taman Universiti (KTU).
4.20		<ul style="list-style-type: none"> Selamat sampai ke destinasi untuk ditemubual iaitu di Kolej Taman Universiti (KTU). Menyiapkan bahan rakaman serta kertas soalan untuk ditemubual.
4.30		<ul style="list-style-type: none"> Sesi bermula dengan pertanyaan beberapa soalan yang berkaitan dengan tokoh.
4.35 (0:00:28)	Pengenalan dan butiran mengenai tokoh	<ul style="list-style-type: none"> Pengenalan beliau nama Ishak Bin Tukirin berasal daripada Johor dan dibesarkan di Sabah. Sudah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak. Hobi beliau ialah silat, taekwondow dan tinju. Beliau habis pendidikan SRP sahaja. Sebelum memasuki bidang ketenteraan, beliau bekerja di ladang kelapa sawit.
(0:03:40)	Tarikh memasuki bidang tentera dan tempat-tempat beliau operasi	<ul style="list-style-type: none"> Memasuki bidang ketenteraan pada 20 Julai 1986. Pertama beliau 3 Rejimen Renjer Diraja berpangkalan di Melaka dan akhir sekali beliau ditempatkan di Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat selama tiga bulan sahaja setiap lokasi.

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

(0:06:00)	Pangkat yang dimiliki	<ul style="list-style-type: none"> Menceritakan pangkat pertama yang dimiliki iaitu Lans Koperal.
(0:06:51)	Fungsi unit beliau	<ul style="list-style-type: none"> Antara fungsi unit beliau adalah pergi ke kawasan operasi, menjaga sempadan dan ditugaskan di pantai-pantai serta latihan ketenteraan.
(0:10:04)	Pengalaman yang dialami	<ul style="list-style-type: none"> Pengalaman pahit yang beliau alami sepanjang memasuki bidang ketenteraan tidak dapat diceritakan.
(0:12:30)	Cabaran sepanjang operasi	<ul style="list-style-type: none"> Cabar yang dihadapi ketika berada di negeri lain seperti makanan dan suasana.
(0:12:54)	Pandangan tokoh di negeri lain	<ul style="list-style-type: none"> Beliau menceritakan suasana di Somalia dimana negeri tersebut miskin, rakyat kebuluran seperti beliau ceritakan hanya sebotol air mineral sanggup saling membunuh antara sama lain.
(0:19:09)	Ketika operasi di Somalia, tokoh mendapat arahan dari pihak atasan	<ul style="list-style-type: none"> Membuat satu kepungan dan bersihkan kawasan dimana kawasan tersebut terdapat mayat rakan seperjuangan yang dibungkus dengan tikar mengkuang oleh pengganas. Beliau mendapat arahan dari pihak atasan untuk membersihkan <i>bound</i>.
(0:26:22)	Persiapan tokoh sebelum terlibat operasi	<ul style="list-style-type: none"> Persiapan diri ketika menjalani operasi dimana beliau nyatakan ialah latihan, peralatan dan makanan.
(0:34:35)	Tugas-tugas yang diberi dalam setiap unit	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan anggota tentera setiap operasi. Beliau menceritakan pembahagian tugas dan jumlah anggota untuk setiap operasi yang terlibat.

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

(0:39:09)	Kenderaan yang dinaiki ketika operasi serta trajedi yang berlaku di hadapan tokoh (Somalia)	<ul style="list-style-type: none">• Berangkat di lokasi operasi. Semenanjung Malaysia<ul style="list-style-type: none">- Hanya menaiki helikopter (NURI)- Berjalan kaki- Menaiki bot• Trajedi tidak dapat disangka berlaku di hadapan beliau iaitu seorang daripada rakyat Somalia terbakar melecur akibat terkena peluru RPG tetapi masih lagi mampu berjalan meminta bantuan rawatan.• Kapal terbang yang dinaiki oleh beliau ditembak dan mengalami kerosakkan.
(0:50:20)	Pandangan tokoh ketika operasi di Somalia	<ul style="list-style-type: none">• Luahan perasaan ketika tiba di kawasan operasi di Somalia.• Beliau menceritakan suasana di Somalia.
(0:55:36)	Strategi Panglima gunakan	<ul style="list-style-type: none">• Pertempuran antara dua pihak iaitu anggota tentera dan puak Somalia yang ingin mendapatkan kuasa memerintah.• Kebijakan Panglima dapat memasuki kawasan jagaan oleh puak Somalia. Strategi yang digunakan oleh Panglima.
(1:01:57)	Golongan wanita turut terlibat di dalam operasi	<ul style="list-style-type: none">• Golongan yang terlibat setiap operasi termasuk perempuan.• Golongan perempuan tidak terlibat dalam peperangan cuma golongan ini menjadi bantuan setiap operasi seperti perubatan dan pegawai.

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

(1:03:52)	Menceritakan punca keganasan	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau menceritakan punca keganasan yang berlaku di Somalia ini adalah disebabkan perebutan kuasa antara tiga (3) puak.
(1:05:38)	Menceritakan situasi ketika di Operasi Gubir	<ul style="list-style-type: none"> • Ketika ini beliau berpangkat Lans Koperal sedang menjalankan operasi di Gubir. Ketika melakukan tinjauan di dalam hutan sebahagian daripada pasukan beliau iaitu Koperal telah memijak <i>booby trap</i> iaitu jerangkap samak. Namun, apabila beliau tiba dikawasan tersebut, beliau dapati Koperal itu tidak mengalami kecederaan yang serius.
(1:12:35)	Kejadian tidak dijangka berlaku	<ul style="list-style-type: none"> • Kejadian yang tidak dapat disangka ketika beroperasi di kawasan Gerik iaitu rakan sepasukan beliau meninggal di kawasan kejadian akibat pokok menimpa khemah ketika pasukan beliau berhenti berehat sebentar sebelum bergerak keesokkan harinya. • Kejadian seterusnya ialah kecuaiannya daripada seorang anggota tentera. Beliau menceritakan kejadian tersebut dimana seorang anggota tentera tertembak sebahagian anggota badan iaitu peha rakan sepasukan lain ketika mencuci senjata. • Selain itu, terdapat juga sebahagian anggota tentera terkena jerat 'ranjau' sehingga menyebabkan cacat tubuh badan.
(1:15:53)	Menceritakan kejadian yang berlaku di Somalia	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat kepungan di kawasan operasi di Somalia. • Kenderaan (condor) anggota tentera ditembak dengan senjata RPG ketika Operasi Somalia. • Seorang anggota berpangkat Sarjan mengalami kecederaan serius iaitu hancur dibahagian kepala mengakibatkan meninggal dunia di tempat kejadian.

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

(1:26:52)	Menceritakan luahan perasaan oleh tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Tekanan yang dihadapi oleh beliau ketika terlibat didalam operasi ialah berjauhan dengan keluarga. Beliau menceritakan tentang isteri dan anak-anak beliau. Setiap kali perayaan dan juga ketika isteri beliau melahirkan anak, beliau tiada di sisi keluarga kerana terlibat dengan operasi.
(1:28:05)	Menceritakan kelengkapan diri	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau menceritakan tentang kelengkapan yang dibawa oleh anggota tentera ketika operasi seperti <ul style="list-style-type: none"> - 250 butir peluru - 2 biji bom tangan - Makanan
(1:32:23)	Menghurai penglibatan beliau setiap operasi	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau terlibat operasi di semenanjung Malaysia hanya 3 bulan sahaja melainkan operasi di Somalia selama setahun beliau disana.
(1:34:56)	Menceritakan tentang negara luar yang turut terlibat di operasi Somalia	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau berkongsi cerita mengenai negara luar turut terlibat dalam operasi di Somalia di bawah PBB iaitu <ul style="list-style-type: none"> - Indonesia - Afrika - Tunisia
(1:36:23)	Pandangan tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Perbandingan yang beliau dapati antara negara Malaysia dan juga Somalia jauh berbeza daripada segi kehidupan. • Beliau berkongsi cerita tentang kehidupan dan kesengsaraan Somalia untuk mendapatkan makanan dan minuman berbanding dengan Malaysia.

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

(1:44:21)	Pangkat yang dimiliki tokoh	<ul style="list-style-type: none">• Pangkat yang pernah di pegang oleh beliau ialah bermula dengan :-<ul style="list-style-type: none">- Lans Koperal (3tahun)- Koperal (4tahun)- Sarjan (2tahun)- Staf Sarjan (2tahun)- Pegawai Waran II
-----------	-----------------------------	---

GLOSARI

GLOSARI

SRP (Sijil Rendah Pernilaian)

- Merupakan satu peperiksaan kebangsaan di Malaysia yang ditadbir secara berpusat dengan unsur penilaian kerja kursus di peringkat menengah rendah.

Batalion

- Sepasukan tentera yg berjumlah antara 700 hingga 1,000 orang.

Depa (mereka)

- Mereka semua

Gang-gang

- Kumpulan orang yg melakukan sesuatu bersama-sama biasanya utk pekerjaan jahat: ~ pencuri itu telah dpt dihancurkan oleh polis

I/C

- Identity Card / Kad pengenalan diri

PBB (Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu)

- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Condor

- Kenderaan yang dinaiki oleh anggota tentera

Briged

- Divisyen tentera yg biasanya terdiri drpd markas, beberapa unit penempur (mis batalion infantri atau rejimen kereta perisai) dan unit.

Kompeni

- Seksyen yang digunakan dalam setiap unit

OC (officer commanding)

- Pegawai Memerintah

Hang

- Awak, engkau (utk yg sama taraf)

DOCUMENTASI LISAN IMR604

[ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II]

Ranjau

- Benda tajam (drpd besi, buluh, dll) yg dipasang di tanah dll utk melukai orang: jalan yg akan ditempuhinya itu penuh dgn duri dan ~; 2. sj alat letupan (peledak) yg ditanam di darat.

Platun

- Pasukan tentera yg bergerak sebagai satu unit dan diletakkan di bawah perintah seorang yg berpangkat leftenan.

INDEKS

INDEKS

B

Booby trap, 23, 47, 48, 52, 58

G

Gerik, 18, 57, 58, 61, 79

Gubir, 18, 23, 31, 32, 46, 48, 51, 60, 62, 79

K

Kompeni, 29, 30, 72, 83, 103, 105

M

Malaysia, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 28, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 42, 43, 44, 45, 46, 54, 56, 58, 61, 62, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79

Mekanice, 16, 72

Meletup, 47, 48, 52, 55

Mogadishu, 21, 22, 45, 75

N

Nuri, 31, 32, 37, 40, 79

O

Operasi, 12, 13, 14, 18, 19, 20, 23, 24, 25, 26, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 37, 38, 40, 41, 46, 49, 50, 51, 53, 54, 55, 56, 57, 59, 60, 62, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 74, 77, 78, 79, 84, 85, 86, 87

P

Platun, 24, 25, 29, 30, 31, 46, 65, 82, 83

S

Sempadan, 12, 14, 23, 28, 32, 71

Somalia, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 30, 33, 34, 37, 41, 42, 45, 46, 48, 49, 50, 54, 55, 56, 59, 60, 61, 62, 67, 72, 74, 86, 87

DIARI
PENYELIDIKAN

DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	BUTIRAN
11/09/2017	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah yang mengajar subjek dokumentasi lisan ialah Dr. Azree telah memberi penerangan tentang kertas kerja yang akan dibuat secara berpasangan dan kami perlu mencari satu tokoh atau rakyat yang berjasa pada negara.
25/09/2017	<ul style="list-style-type: none"> • Mencadangkan untuk mencari tokoh seorang Pegawai Penjara untuk ditemubual.
27/09/2017	<ul style="list-style-type: none"> • Mencari maklumat tentang Penjara Sungai Petani iaitu nombor yang patut dihubungi. • Apabila mendapat maklumat tentang Penjara Sungai Petani lalu terus menghubungi penjara tersebut tetapi pihak Penjara Sungai Petani menyuruh hubungi Ibu Pejabat di Kajang. • Ibu pejabat Kajang menyuruh kami menyediakan surat permohonan untuk di temubual dan selepas itu Ibu pejabat Kajang akan menghubungi Penjara Sungai Petani.

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

02/10/2017	<ul style="list-style-type: none">• Selepas membuat maklumat tentang penjara, kami mencari tokoh lain sementara menunggu surat daripada Ibu Pejabat Kajang dan Penjara Sungai Petani.• Mencadangkan calon lain iaitu Azraei Mohammad. Beliau seorang lelaki yang telah mengilingi semenanjung selama hampir sebulan lalu menyerahkan nama calon tersebut kepada Dr. Azree.
25/10/2017	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan satu draf mengenai surat permohonan kepada Pegawai Penjara.
29/10/2017	<ul style="list-style-type: none">• Selepas menyiapkan draf surat permohonan tersebut, kami menghantar email kepada Dr. Azree untuk disemak semula surat tersebut.
02/11/2017	<ul style="list-style-type: none">• Pada pukul jam 2.30 petang kami pergi berjumpa dengan Dr. Azree untuk membincangkan tentang calon tokoh lain jika pihak penjara tersebut tidak membalas surat yang telah di email.

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

05/11/2017	<ul style="list-style-type: none">• Mendapat maklumat calon tokoh lain iaitu ASP Loganathan.• Menghubungi IPD Kuala Muda untuk mendapatkan nombor telefon dan terus menghubungi ASP Loganathan namun kami dapati bahawa ASP Loganathan bakal berpindah ke salah sebuah balai polis di Pulau Pinang. (Pukul 4.06 petang)
06/11/2017	<ul style="list-style-type: none">• Kami mencari maklumat tentang AADK Daerah Yan untuk minta permohonan untuk ditemubual. (Pukul 4.05 petang)
12/11/2017	<ul style="list-style-type: none">• Kami pergi ke Unit Koperat untuk menyemak format surat keluar dan dihantarkan terus ke pejabat rektor (Dr. Asmadi) untuk mendapat pengesahan tandatangan.• Menghantar mesej melalui aplikasi “Whatapp” kepada Dr. Azree untuk berjumpa dan berbincang mengenai calon tokoh lain iaitu Mohammad Bin Ramli (Ketua AADK Daerah Yan).
13/11/2017	<ul style="list-style-type: none">• Kami berjumpa Dr. Azree untuk berbincang dan mengambil surat permohonan temubual di pejabat rektor dan faks ke AADK Daerah Yan.

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

<p>15/11/2017</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menghubungi pejabat AADK Daerah Yan, Puan Najihah.• Puan Najihah memberitahu kami supaya mengisi permohonan secara atas talian. (Pukul 10.24 pagi)• Puan Najihah menghantar mesej melalui aplikasi “Whatapp” untuk memberi “link” permohonan atasan rangkaian.• Puan Najihah juga menghubungi kami melalui email untuk membalas permohonan yang telah kami isi.• Puan Najihah juga membalas surat permohonan tersebut melalui faks.
<p>17/11/2017</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menyiapkan senarai soalan untuk ditemubual.
<p>23/11/2017</p>	<ul style="list-style-type: none">• Kami bertanya kepada Encik Ishak untuk meminta izin menjadi tokoh untuk ditemubual dan meminta butiran mengenai beliau. (Beliau berniaga di tempat Kolej Taman Universiti)• Kami memberi maklumat dan butiran mengenai Encik Ishak kepada Dr. Azree melalui aplikasi “Whatsapp”.• Menyediakan beberapa soalan kepada beliau, Encik Ishak

DOCUMENTASI LISAN IMR604

| ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN – PESARA TENTERA PEGAWAI WARAN II |

29/11//2017	<ul style="list-style-type: none">• Berjumpa Encik Ishak dan memberi soalan untuk ditemubual di RPTU.
30/11/2017	<ul style="list-style-type: none">• Berjumpa sekali lagi untuk ditemubual secara rasmi (4.00ptg-6.30ptg) Mencari informasi yang berkaitan operasi beliau di laman sosial.• Selesai sesi temubual bersama tokoh, Encik Ishak Bin Tukirin• Pulang dari destinasi Transkrip rakaman yang dirakam. Menyelesaikan transkrip rakaman.
03/12/2017	<ul style="list-style-type: none">• Bertanya kepada Encik Ishak mengenai perkataan ‘booby track’ sebab ketika ditemubual perkataan tersebut kurang jelas.
30/12/2017	<ul style="list-style-type: none">• Menyelesaikan artikel 10% dan menghantar kepada pensyarah, Dr. Azree Bin Ahmad.• Menyelesaikan semua tugas yang diberikan.
09/01/2018	<ul style="list-style-type: none">• Pembentangan berlangsung

RUJUKAN

RUJUKAN

Ishak bin Tukirin. (2017, November 30). Personal interview.

Kamaruddin, S. I. (2017, August 30). Perang dalam "Black Hawk Down", jasa tentera Malaysia yang dinafikan. Retrieved from <https://soscili.my/perang-dalam-black-hawk-down-jasa-tentera-malaysia-yang-dinafikan/>

T K Letchumy Tamboo | Oktober 03, 2013 08:16 MYT. (n.d.). Kisah sebenar Black Hawk Down. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kisah-sebenar-black-hawk-down-2312>

Jenazah 2 anggota tentera selamat dikebumi. (n.d.). Retrieved January 07, 2018, from http://wwl.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1217&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm

LAMPIRAN

LAMPIRAN



Gambar 1 : Temubual kali pertama



Gambar 2 : Temubual kali kedua



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara/temubual yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ENCIK ISHAK BIN TURKIN

Pada 30/11/2019

1. Pita rakaman hasil wawancara/temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (Interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dan lain-lain, sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Interviewee)

Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah



BORANG PENGESAHAN PENCERAMAH LUAR

1. Sila isi borang dan dapatkan pengesahan daripada Bahagian Polis Bantuan UiTM Cawangan Kedah.
2. Sila lampirkan borang ini bersama borang C (Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar) (TAPA).
3. Sila lampirkan Profil / CV Penceramah Luar

A. Maklumat Aktiviti

Nama Aktiviti : TEMUBUAL IMR604

Anjuran : LIM 244 50

Tarikh Aktiviti : _____

Tempat Aktiviti : RUANG MENONTON TELEVISION RPTU

B. Maklumat Penceramah Luar

Nama Penuh : ENCIK ISHAK BIN TUKIRIN

Organisasi : _____

Jawatan : PESARA (BEKAS PEGAWAI WARAN II)

Tajuk Ceramah : TEMUBUAL IMR604

C. Maklumat Penganjur

1. Nama Pelajar : WAN HABIBAH BINTI WAN SAH

2. No. Telefon : 013 3655082

3. Tandatangan : [Signature]

1. Nama Penasihat Aktiviti : AZREE BIN AHMAD

2. No. Telefon : 04-4562410

3. Tandatangan : [Signature]

AZREE BIN AHMAD
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA UiTM Kedah
08400 Merbok

Pengesahan Polis Bantuan, UiTM Cawangan Kedah

Adalah dengan ini disahkan bahawa penceramah di atas *dibenarkan/tidak dibenarkan menyampaikan ceramah sebagaimana di atas.

Tandatangan Ketua Bahagian : [Signature]

Cop Jawatan : _____

Tarikh : 22/12/12 (AFZANIZAN BIN TALIB) INSP/PB

Catatan (jika ada) : _____
Penolong Pegawai Keselamatan
Pejabat Polis Bantuan
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kedah

